

LAPORAN PERSIDANGAN

MESYUARAT KEDUA PENGAL PERTAMA

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KETIGA BELAS

Tarikh : 11 Disember 2013 (Rabu)

Masa : 9.30 Pagi

Tempat : Dewan Undangan Negeri
Lebuh Light, George Town
Pulau Pinang.

HADIR

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
1.	Y.A.B. Lim Guan Eng	Ketua Menteri / Air Putih
2.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
3.	YB. Dato' Haji Mohd Rashid Bin Hasnon	Timbalan Ketua Menteri I/ Pantai Jerejak
4.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II/Perai
5.	YB. Chow Kon Yeow	Padang Kota
6.	YB. Dato' Haji Abdul Malik Bin Abul Kassim	Batu Maung
7.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
8.	YB. Lim Hock Seng	Bagan Jermal
9.	YB. Law Heng Kiang	Batu Lancang
10.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
11.	YB. Dr. Afif Bin Bahardin	Seberang Jaya
12.	YB. Maktar Bin Haji Shapee	Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri/Sungai Bakap
13.	YB. Wong Hon Wai	Air Itam
14.	YB. Ong Kok Fooi	Berapit
15.	YB. Dr. Norlela Binti Ariffin	Penanti
16.	YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man	Permatang Pasir
17.	YB. Tanasekharan A/L Autherapady	Bagan Dalam
18.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
19.	YB. Teh Yee Cheu	Tanjong Bunga

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
20.	YB. Ong Chin Wen	Bukit Tengah
21.	YB. Lau Keng Ee	Pengkalan Kota
22.	YB. Cheah Kah Peng	Kebun Bunga
23.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
24.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
25.	YB. Yap Soo Huey	Pulau Tikus
26.	YB. Soon Lip Chee	Jawi
27.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
28.	YB. Dr. T. Jayabalan A/L A. Thambyappa	Batu Uban
29.	YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid	Telok Ayer Tawar
30.	YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad	Pulau Betong
31.	YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin	Pinang Tunggal
32.	YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria	Sungai Acheh
33.	YB. Mohd Zain Bin Ahmad	Penaga
34.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor	Sungai Dua
35.	YB. Nordin Bin Ahmad	Bayan Lepas
36.	YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah	Telok Bahang
37.	YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman	Bertam

TIDAK HADIR - DENGAN MAAF

Bil.	Nama	Ahli Kawasan/Jawatan
1.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
2.	YB. Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji	Seri Delima
3.	YB. Omar Bin Haji Abd Hamid	Permatang Berangan

AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.

Bil.	Nama	Jawatan
1.	YB. Dato' Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Haji Mokhtar Bin Mohd Jait	Pegawai Kewangan Negeri

TIDAK HADIR - DENGAN MAAF

YB. Dato' Faiza Binti Zulkifli - Penasihat Undang-Undang Negeri

TURUT HADIR

Cik Maheswari a/p Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi.

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, bacaan doa.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Bacaan "DOA"

Yang di-Pertuan Dewan Undangan Negeri

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan masih dalam sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan tahun 2014. Sebelum saya mulakan sesi perbahasan pagi ini, ingin saya mengambil kesempatan ini untuk menasihati Ahli-ahli Yang Berhormat supaya masuk ke Dewan mesyuarat mengikut masa yang telah pun ditetapkan supaya mesyuarat boleh dijalankan mengikut masa yang telah pun ditetapkan. Harap Ahli-Ahli Yang Berhormat angkat perhatian yang serius terhadap waktu mesyuarat di Dewan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat seterusnya kita masuk sambung ke sesi perbahasan Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin menyertai sesi perbahasan dipersilakan. YB. Pulau Betong.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB. Dato' Speaker, *Bismillahirrahmanirrahim, Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh*, Selamat Pagi dan Salam Sejahtera. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam pembentangan bajet 2014 pada kali ini dan saya ingin bermula YB. Dato' Speaker, dengan merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara, ada beberapa persoalan yang saya nak minta penjelasan daripada Dewan. Yang pertamanya ialah berkenaan Akaun Amanah Jawatankuasa Tapak Pesta. Kalau mengikut komen daripada Laporan Audit 4.6.3.4, mengatakan bahawasanya terdapat penurunan baki akaun ini merujuk kepada Akaun Amanah Jawatankuasa Tapak Pesta adalah disebabkan pemindahan ke akaun hasil sejumlah RM5 juta, saya difahamkan bahawa tapak pesta masih lagi berjalan hari ini dan premis tapak pesta hari ini juga bukanlah satu premis yang betul-betul kondusif, betul-betul gah dan memerlukan beberapa penambahbaikan kenapa duit itu tidak digunakan untuk menaik taraf tapak pesta dan kenapa dipindah kepada akaun hasil.

Yang kedua, saya ingin merujuk kepada Akaun Amanah Jabatan Kewangan Negeri Pulau Pinang 4.6.4.1, yang menyatakan bahawa penurunan ketara baki akaun ini adalah disebabkan penyelarasan ke akaun hasil disatukan bayaran pengambilalihan balik tanah dan lain-lain bayaran. Semuanya dipindahkan kepada hasil Negeri. Saya nak tahu tanah yang dimaksudkan tanah di mana dan apakah tujuan pengambilalihan tanah dibuat.

Seterusnya 4.6.4.2, Akaun Amanah Bumiputera Pulau Pinang, jelas mengatakan bahawa peningkatan adalah disebabkan penerimaan daripada pemaju perumahan iaitu bagi pelepasan kuota Bumiputera pada tahun 2012 berjumlah RM7.48 juta, tiada sebarang transaksi yang dibuat pada tahun 2012. Kita mempunyai masalah yang cukup tinggi, cukup negatif tentang perumahan dan kenapa duit yang ada ini tidak dibelanjakan, jadi kenapa tak dibelanjakan dan kita mahu tahu apakah Kerajaan Negeri untuk menggunakan duit yang banyak ini berjumlah RM41.20 juta tidak dibelanjakan. Jadi kita minta penjelasan daripada Dewan mengenai ini untuk menjelaskan kepada kita kenapa tidak digunakan dan apakah perancangan penggunaannya.

Begitu juga dengan Akaun Amanah Jabatan Kerja Raya, yang mana terdapat banyak deposit yang tidak dikembalikan daripada kontraktor, kita tahu daripada kontraktor walaupun RM1,000.00, RM2,000.00 bagi kontraktor F yang kecil-kecil ini adalah jumlah yang besar bagi mereka dan kenapa disimpan dan kenapa tak diserahkan balik kepada mereka? Saya juga merujuk kepada Laporan Audit muka surat 45 di bawah tajuk 5.2.2, Pencapaian Pelaksanaan Projek Untuk Tempoh RMK-10. Para 5.2.2, menunjukkan menerangkan bahawa 66 projek atau 1.8% darinya masih belum dimulakan, ditangguhkan atau lewat daripada jadual. Antara sebab tersebut belum dimulakan atau ditangguhkan adalah kerana keputusan belum dibuat oleh Kerajaan Negeri. Projek-projek yang dimaksudkan antaranya ialah asrama pelajar daerah, pembinaan Dewan Undangan Negeri dan Pejabat Pentadbiran Baru di Bayan Mutiara, pembangunan bangunan baru, jabatan baru, Pejabat Daerah di DBD dan menggantikan jabatan lama di Kampung Nelayan Telok Bahang. Saya hairan RMK ini merujuk kepada RMK-10 yang dibuat tempoh 2010 hingga 2015 dan pada bulan Mei sekitar bulan Mei 2003, Yang Berhormat pada masa itu telah pun menunda projek ini dan mengatakan bahawasanya Dewan Undangan Negeri ini setiap Negeri *assembly will be postponed indefinitely*, itu telah pun dibuat 2013 kenapa pentadbiran di bawah Kerajaan Negeri masih memasukkan dan tidak dilaksanakan sehingga ditegur oleh pihak Ketua Audit Negara, so kalau tahun depan tak buat kenapa nak masukkan dan saya juga nak tahu dalam Dewan ini kenapa masih dikekalkan. Adakah Kerajaan Negeri masih berhasrat untuk meneruskan projek tersebut?

Saya ingin merujuk kepada dokumen Bajet 2014 mengurus dan pembangunan Negeri Pulau Pinang, muka surat 9, maaf bermula daripada muka surat 3 merujuk kepada kod 73000, perolehan daripada barang-barang jualan, pendapatan 2012, 288,392,456.44 disemak RM45 juta dan anggaran tahun 2014 sebanyak RM249 juta. Saya nak bawa perhatian Yang di-Pertua kepada muka surat 9, muka surat *sorry* muka surat 7 di situ dinyatakan dengan jelas kod 73601 Premium Tanah bersyarat, kod 73604 Premium Tanah Pemberian Hak Milik, kod 73605 Premium Tanah Pemberian Milik Bayaran Khas. Saya melihat jumlah pendapatan Negeri yang dihasilkan daripada ketiga-tiga kategori premium ini sama ada Tukar Syarat, Tanah Pemberian Hak Milik dan Pemberian Milik Bayaran Khas adalah cukup tinggi. Pada tahun 2012, anggaran hanyalah RM46 juta tetapi pendapatan sebenar adalah RM288 juta mengetahui tahun 2012, pada tahun 2013 mengapa RM30 juta kan sudah ada rekod yang lama kenapa berbeza dan apakah ini juga akan memberi peningkatan yang tinggi bagi tahun 2013 kerana pada anggaran tahun 2014 menjangkakan akan mendapat hasil sebanyak RM220 juta?

Jika saya adili benda ini YB. Dato' Speaker, ini menunjukkan bahawasanya kenaikan ini adalah kenaikan premium sama ada *premium conversion* ataupun mungkin premium untuk *extend*, contohnya tapak kilang yang telah pun hampir lupus dipajakkan lagi hasil-hasil tetapi yang saya mengambil perhatian Dewan adalah peningkatan premium ini juga adalah sebenarnya menyumbang kepada peningkatan harga rumah contoh di Permatang Pasir, Balik Pulau semua projek JKP, premium dicaj 50% cukup tinggi sehingga menyebabkan niat Kerajaan Pusat untuk mendirikan rumah kos mampu milik ini tak dapat dijalankan. Saya difahamkan sekitar RM1 juta, saya tak tahu sama Ada rayuan dibuat telah pun dipersetujui tetapi itu hakikatnya. Jika premium tinggi ia akan menyumbang kepada peningkatan harga rumah dan ini adalah YB. Dato' Speaker yang menyebabkan ramai orang merungut dan kita melihat dan meminta Kerajaan Negeri untuk melihat walaupun hasil ditambah dengan premium tapi carilah nisbah yang lain untuk membolehkan rakyat dapat menikmati apa ni kehidupan yang lebih selesa di Pulau Pinang ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih YB. Pulau Betong, YB. Dato' Speaker, saya ingin merujuk keratan akhbar hari ini pemaju perumahan persatuan pemaju perumahan Pulau Pinang yang menyatakan bahawa Kerajaan Negeri memainkan peranan dalam menjadikan harga tanah dan harga rumah meningkat di Negeri Pulau Pinang, ini bukan saya kata, saya kena berkali-kali sebut kerana apa yang saya kata walau pun saya buat soalan dia menjadi tuduhan, itu yang berlaku dua hari yang lepas. Saya tidak menuduh apa-apa, saya hanya menyatakan fakta yang timbul. Jadi di sini sepertimana yang disebut oleh rakan saya, masalah perumahan adalah cukup meruncing dan genting di Negeri Pulau Pinang dan semua pihak kena memainkan peranan untuk membantu rakyat Pulau Pinang terutama sekali kumpulan yang tak mempunyai rumah yang mempunyai masalah untuk mendapat rumah kita semua kena membantu dan Kerajaan Negeri seharusnya memainkan peranan besar dalam usaha membantu meringankan beban masalah perumahan ini dari erti kata mengurangkan kos asas. Antara kos asas selain daripada kos binaan adalah kos tanah, jadi kalau premium ini yang nampak beberapa tahun terakhir ini meningkat begitu tinggi ia akan menyumbangkan kepada kenaikan harga tanah dan juga akhirnya kepada kenaikan harga rumah. Jadi inilah soalan saya ya supaya ianya dapat diberi perhatian, terima kasih...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Minta penjelasan, *sorry just one question, thank you*. YB. Telok Ayer Tawar, merujuk kepada surat khabar mana? *The people's newspaper in fact* bukan *The people's newspaper* juga tetapi New Straits Times pun. Saya ingin nyatakan bahawa berkenaan isu premium Yang Berhormat nyatakan tadi, saya percaya bahawa ada kekeliruan laporan berita ini kepada pada hari ini dan saya percaya ada satu penjelasan akan dibuat oleh pihak REHDA nanti untuk menjawab soalan YB. Telok Ayer Tawar itu. Berkenaan isu perumahan yang lain apa yang Telok Ayer Tawar kata bahawa Kerajaan Negeri seharusnya mengambil langkah-langkah untuk memastikan ada perumahan mampu milik nanti saya dalam penggulungan secara terperinci saya akan bagi tahu.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ini *just* satu komen. Penjelasan. Penggal saya, saya telah membantu Telok Ayer Tawar menyelesaikan satu masalah kronik, di Telok Ayer Tawar, rumah kontena Telok Ayer Tawar yang tak dapat selesai dalam beberapa penggal, saya komen kita memang dalam agenda perumahan, memang agenda Pakatan Rakyat sehinggakan rumah kontena di Telok Ayer Tawar 17 tahun tidak dapat diselesaikan, sekarang diselesaikan oleh Pakatan Rakyat dan sehinggakan dilaporkan di Singapore Straits Times hantar orang pergi lapor rumah kontena ada 37 isi rumah duduk di rumah kontena di tepi pantai Telok Ayer Tawar kawasan Ketua Pembangkang tak dapat diselesaikan apabila Ketua Pembangkang menjadi EXCO menjadi Ahli dalam Kerajaan Barisan Nasional tapi diselesaikan di penggal kita Pakatan Rakyat. Itu komen saya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sikit sahaja saya nak minta laluan Pulau Betong. Isunya tentang perumahan di Telok Ayer Tawar itu adalah kerana Kerajaan Negeri telah meluluskan permohonan-permohonan pemaju untuk meneruskan pembangunan rumah-rumah yang harga mahal dan menanggung pembinaan rumah kos rendah yang dapat menempatkan semula setinggan-setinggan itu. Itu yang saya bantah dan setelah dibuat bantahan saya terima kasih pada Air Itam yang telah bantu menyelesaikannya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. Seterusnya YB. Dato' Speaker, di muka surat 9 kod 76199, Denda Dan Hukuman Yang Lain pendapatan 2012 adalah RM1.813 juta dan anggaran disemak 2013 RM138,000.00 dan anggaran 2014 RM100,000.00. Berdasarkan pada pengalaman 2012 adakah ini menunjukkan bahawasanya denda dan hukuman itu berkurangan anggaran yang cukup rendah. Kemudian saya juga nak merujuk terus kepada soalan saya yang dijawab oleh YB. Padang Kota tentang jumlah lesen restoran dan sebagainya. Saya difahamkan dalam jawapan ini kepada restoran yang berlesen di kawasan MPPP adalah sebanyak 1,860 dan tidak berlesen adalah sebanyak 348 buah. Warung ada 3,860 buah, dan tidak berlesen 3,380 buah. Di MPSP restoran berlesen 689, tidak berlesen 917, dan kedai makan atau kedai kopi saya ini warung berlesen 1,009 dan tidak berlesen 526 buah. Saya ingin mendengar penjelasan daripada Padang Kota, apakah yang akan berlaku kepada premis-premis yang tak berlesen ini yang berjumlah kalau di MPPP 3,728 buah dan di MPSP sebanyak 1,443 buah. Adakah mereka akan diberi lesen sementara atau mereka akan dibina premis baru supaya mereka boleh berniaga atau sebagainya? Saya minta penjelasan daripada YB. Padang Kota untuk menjelaskan apa akan jadi kepada kesemua warung-warung dan restoran yang tidak berlesen di seluruh Pulau Pinang ini.

Saya juga ingin merujuk kepada soalan bertulis juga yang dijawab oleh YB. Padang Kota berkenaan dengan kelulusan beroperasi kilang-kilang yang secara haram dan belum mendapat kelulusan. Jawapan yang diberikan kepada saya ialah: "Jumlah kilang yang beroperasi secara haram tiada kelulusan di Negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 443 buah manakala beroperasi secara sah ialah 4,599 buah. Di kawasan MPPP terdapat 240 buah kilang yang diluluskan dan 61 buah yang haram. Manakala di MPSP terdapat 4,370 kilang yang diluluskan dan 382 yang haram. Dan saya juga difahamkan ada kerugian di profit lesen berjumlah RM468,006.00 daripada MPPP jumlah keseluruhan RM468,400.00 iaitu RM264,000.00 daripada MPPP dan

RM224,000.00 daripada MPSP. Adakah ini juga menyumbang kepada yang dikatakan sebagai hasil denda itu tadi dan saya juga nak minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri apakah yang akan berlaku kepada premis-premis haram ini. Jika sekiranya ia diluluskan atau mendapat perhatian kita mahu supaya memastikan bukan diberi kerana terpaksa beri, tetapi diberi kerana mereka telah pun memenuhi syarat ataupun setelah memenuhi syarat-syarat yang diperlukan oleh mereka untuk membolehkan beroperasi secara teratur.

YB. Dato' Speaker saya nak merujuk kepada bajet 2014 Perjanjian Program dan Senarai Perjawatan di Negeri Pulau Pinang. Muka surat tujuh (7) Agensi merujuk kepada Pejabat Ketua Menteri. Saya melihat peruntukan 2012 termasuk tambahan dan pengurangan bagi kategori B, perbelanjaan tahunan secara langsung adalah sebanyak RM223,467.010. Perbelanjaan sebenar adalah sebanyak RM83 juta kenapa penurunan yang begitu ketara? Dianggarkan pula pada tahun 2012 peruntukan perbelanjaan pembangunan secara langsung di bawah Jabatan Pejabat Ketua Menteri untuk 2014 adalah hanya RM58,298,800.00. Saya nak minta pihak Kerajaan Negeri kenapa peruntukkan itu terlalu rendah semakin menurun daripada peruntukan asal 2013, RM223 juta, 2013 ada RM107 juta, tetapi 2014 hanyalah RM58 juta sahaja. Saya mohon penjelasan kenapa ada penurunan yang begitu ketara adakah tidak ada lagi perbelanjaan atau sebagainya. Saya ingin juga merujuk kepada dokumen yang sama muka surat yang sama muka surat 16, program Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan aktiviti Pejabat Timbalan Kerajaan Peringkat Pembangunan kod 020000. Saya melihat Malaysia keperluan dasar dinyatakan secara terang bahawa masalah ini yang dihadapi oleh UPEN ialah ketiadaan maklumat yang mencukupi untuk perancangan projek, kurang pelarasan di antara agensi pelaksana dan agensi pemilik masalah syiling yang peruntukan yang sering berubah bilangan projek yang tidak diluluskan dengan terhad bergantung kepada peruntukan negeri dan kurang persefaman mengenai keperluan dan syarat-syarat tertentu pengawasan.

YB. Dato' Speaker kalau tajuknya di bawah Pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Pembangunan apa hubung kaitnya dengan UPEN sebab di bawah satu tajuk lagi ada program UPEN yang hairannya YB. Dato' Speaker kalau kita merujuk kepada muka surat yang sama muka surat 20 *statement* yang sama diulangi iaitu masalah yang dihadapi oleh UPEN ialah ketiadaan maklumat yang mencukupi untuk projek bla bla bla. Sama. Sama di antara pejabat Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan dan juga UPEN. Perkataan UPEN tertera dengan terang sekali *capital letter* lagi di muka surat 16 adakah ini sudah disamakan agensi ini saya rasa tidak, dan juga saya melihat seperti yang dicadangkan adalah menyediakan A muka surat 17(iii) (a). Menyediakan Pelan Strategik Pembangunan Pulau Pinang bagi menentukan hala tuju negeri bagi tempoh 2001 - 2010. Kita membincangkan Bajet 2014 kita berada dalam RMK-11. 2010 adalah untuk tahun 2001 hingga 2010, kita berada di 2013 nak masuk 2014, kalau bajet kita hari ini kita bentang untuk perbelanjaan 2014 tahun depan kenapa kita menoleh kebelakang 15 tahun. Benda ini berulang sama juga di dalam muka surat 20 apabila membincangkan tentang analisa dan keperluan dasar bagi UPEN saya tak faham. Nak minta duit minta kelulusan untuk 2014 tapi keperluan dasar tadi merujuk daripada tempoh 2001 hingga 2010 apa perkaitannya? Adakah kita merancang *backwards* berpatah balik ke belakang untuk mendapat perbelanjaan ke depan. Saya rasa ini satu benda yang tak sepatutnya berlaku dalam dokumen begitu mustahak bagi membincangkan Bajet 2014.

Begitu juga muka surat 25 di bawah Program Perumahan. Kita bercakap tentang peningkatan perumahan dan sebagainya tetapi pertunjuk impak yang ditunjukkan daripada 25 ini saya lihat pencapaian 2012 anggaran pencapaian 2013 dan unjuran bagi tahun 2014 semua sama, *same figure, copy paste, copy paste*, saya rasa anggaran yang sama sahaja. Apa tidak bergerak ke depan supaya menyedari bahawa ada perumahan tambah lagi tambah lagi tetapi ini dikekalkan sama, lepas itu keputusannya sama tiga (3) tahun berturut-turut. Begitu juga pertunjuk impak Program Kawal Selia Sumber Air. Pencapaian sebenar 2012 100%, tetapi anggaran pencapaian 2013 30% sahaja. Unjuran tahun 2014 100%, saya tidak faham apa yang diberi.

Untuk saya memahami Bajet ini, saya tidak faham mengapa perkara ini dibuat dan ada banyak lagi mungkin. Saya minta YB. Dato' Speaker untuk saya membawa beberapa perkara untuk kita lihat tentang penyediaan dokumen ini. Muka surat 50 Program Ketua Menteri, Analisis Keperluan Dasar. Masalah yang dihadapi oleh pelanggan antaranya termasuklah pengesahan tarikh dan masa bagi kehadiran Y.A.B. Ketua Menteri dalam satu-satu-satu majlis yang dianjurkan oleh sesuatu organisasi lambat diperolehi *very bad time management*, ini masalah dia. Apa dasarnya adalah untuk menghantar wakil untuk pewujudan jawatan baru di Pejabat Ketua Menteri. Soalan saya jawatan baru itu nama apa? Siapa dia ini? Dan apakah kuasa yang dibawa bersama setelah mendapat kelulusan dalam Bajet ini untuk mewakilkan Ketua Menteri dalam program-program yang tak dapat dihadiri oleh Y.A.B. Ketua Menteri?

Kita juga melihat pertunjuk impak punya di muka surat 51 pencapaian sebelum 2012 kekerapan 156 anggaran pencapaian 2013 156, unjuran bagi 2014 156 sama sahaja. Apakah bilangan mesyuarat daripada Ketua Menteri tahun 2012 sama, 2013 sama 2014 sama, tak ada peningkatan. Saya rasa biarlah realistik sikit *figure, figure* yang ditunjukkan ini. Saya bersetuju dengan keperluan dasar untuk Program Teknologi Maklumat dan Komunikasi Negeri iaitu tentang masalah yang dihadapi antaranya proses kerja yang sesuai untuk memastikan masih dilaksanakan secara manual. Ini perlu kita pertingkatkan yang kedua agensi tidak mempunyai komputer yang cukup untuk pegawai-pegawai dan kakitangan, saya rasa ini cukup yang malanglah. Sepatutnya dalam dunia hari ini melepasi aras baru, masalah tidak mempunyai komputer yang mencukupi bukanlah halangan yang sebenarnya dan sepatutnya Kerajaan lengkapkan dengan komputer yang terkini dan canggih. Begitu juga sistem yang digunakan tidak memenuhi keperluan semasa. Ini adalah isu-isu yang diutarakan dan saya berharaplah yang Bajet jika diluluskan digunakan untuk menyelesaikan masalah-masalah yang diutarakan dalam laporan ini.

Begitu juga dengan program pengurusan muka surat 74 dinyatakan bahawa di sini setiap kakitangan diwajibkan menghadiri kursus sekurang-kurang tujuh (7) hari setahun. Saya berharap Kerajaan Negeri akan mengadakan program, mungkin saya boleh panggil CPD, *Continuous Profession at Development* untuk semua kakitangan, bukan untuk tujuh (7) hari sahaja, mungkin lebih dari tujuh (7) hari dan memastikan kesemua kakitangan Kerajaan daripada bawahan sampailah ke peringkat atasan menghadiri kursus yang wajar, yang wajib untuk mereka meningkatkan lagi *performances* mereka di dalam kerja seharian mereka.

Saya juga ingin merujuk kepada muka surat 110 dan 111 Bahagian Pembangunan di bawah Pejabat Tanah dan Daerah Barat Daya. Ini adalah di kawasan saya antara masalah yang dihadapi dan diakui di dalam bajet ini adalah:

- (1) Kekurangan ataupun ketiadaan asas seperti jalan kampung, dewan orang ramai, bekalan air, elektrik untuk kesejahteraan masyarakat dalam kawasan Daerah Barat Daya seperti berikut:
 - (i) Projek jalan kampung;
 - (ii) Ketiadaan peruntukan;
 - (iii) Dewan orang ramai tiada peruntukan dan beberapa lagi.

Seterusnya saya berharap, saya melihat perbelanjaan ataupun pendapatan Negeri daripada kawasan Daerah Barat Daya ini agak tinggi dan saya berharap Kerajaan Negeri dapat mengimbangkan dan mengadakan peruntukan yang mencukupi untuk memastikan alasan ataupun sebab ketiadaan peruntukan itu dapat diatasi dengan cara berhemah dan memastikan masyarakat di Kampung Barat Daya dapat menikmati kesemua keperluan-keperluan asas yang diperlukan. Saya boleh *going on zippy* tentang laporan ini banyak lagi sebenarnya dan saya berpendapat bahawasanya dengan cara pembentangan ini dengan perbelanjaan agak tinggi, saya berharap Yang Berhormat dapat menilai semula penyediaan ini, ayat demi ayat, muka surat demi muka surat. Saya berasa bahawasanya bajet ini tidak boleh diterima kerana angka-angka yang ditunjukkan perancangan impak tidak menampakkan progress bagi tahun 2014. Malahan sama dengan sebelumnya. Peruntukan yang diperlukan untuk pelaksanaan projek dan perbelanjaan mengurus tetapi perancangan dasar yang dibuat adalah menoleh kebelakang sepertimana yang saya sebutkan tadi. Maka saya berharap dan meminta pihak Kerajaan Negeri melihat semula Bajet ini membuat semula buku ini dan dibentangkan semula di dalam Dewan ini untuk mendapat kelulusan Bajet dan saya tidak dapat menyokong Bajet yang dibuat dengan cara begini.

Saya hendak beralih pula kepada soalan-soalan bertulis saya. Saya bertanya kepada Kerajaan Negeri tentang berapakah jumlah peruntukan yang dibelanjakan untuk membangunkan *homestay* di Pulau Pinang ini sejak tahun 2008? Berapakah jumlah pendapatan yang daripada pendapatan *homestay* ini dan apakah tindakan yang diambil untuk mempromosi *homestay* ini? Saya bertanya soalan ini kerana dari tahun 2008 setiap tahun pihak EXCO yang sama akan menyebut program *homestay*, program *homestay*, program *homestay*, tetapi bila saya bertanya dengan pengurusan *homestay* di 200 rumah di sebuah kampung ini dan di daerah ini, mereka berkata mereka tidak pernah mendapat apa-apa sebarang peruntukan daripada Kerajaan Negeri. Jawapan yang diberikan adalah pada masa ini Kerajaan Negeri belum mempunyai program *homestay* yang dikelolakan sendiri oleh Kerajaan Negeri. *Homestay* yang beroperasi di Pulau Pinang pada waktu ini adalah di bawah seliaan Kementerian Pelancongan. Kenapa ini dijadikan sebab untuk tidak membantu mereka? Apakah mereka ini kesemua sembilan (9) kampung 200 buah rumah ini tidak berada di dalam Negeri Pulau Pinang? Sepatutnya Kerajaan Negeri yang mempromosikan pelancongan yang saya menyebut promosi pelancongan mereka harus membantu, habis ini mengesahkan tidak membantu langsung program-program yang dibuat oleh Kerajaan Pusat. Ini jawapan yang saya terima pada pihak EXCO.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih YB. Pulau Betong untuk makluman Dewan penglibatan Bumiputera dalam sektor pelancongan hanya 2% dalam Negeri Pulau Pinang dan agenda pembangunan *homestay* ini adalah satu daripada usaha untuk meningkatkan penglibatan kaum Bumiputera kerana melibatkan kampung-kampung, jadi sepatutnya bukan sahaja hendak melaung-laungkan ada *homestay* Negeri Pulau Pinang tetapi membantu untuk meningkatkan *homestay*, membantu dan mempromosikan *homestay* bukan hanya sekadar masukkan ke dalam brosur cukup. Jadi ada lebih tiga puluh kampung yang sudah pun mempunyai inap desa ataupun *homestay* ini dan lapan (8) telah pun dikenal pasti yang mempunyai potensi untuk dipromosikan ke luar negara dan terdapat minat di negeri-negeri seperti Jepun, Korea, negara-negara Eropah untuk datang menginap di *homestay* kerana mereka suka perbezaan di dalam keadaan suasana dan kehidupan. Oleh itu memanglah perlu penglibatan dan sokongan serta kesungguhan Kerajaan Negeri untuk membantu dan melibatkan *homestay* ini bukan sekadar untuk cakap-cakap kosong sahaja, terima kasih.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Saya mendengar YB. Telok Ayer Tawar tentang angka 2%, saya meragui angka tersebut 2% Bumiputera di dalam pelancongan, kerana saya nampak apabila sepanjang pantai Batu Feringghi, Tanjung Tokong semua operator-operator ramai juga dalam warung-warung, restoran dan juga *beach boy*, *water sport* banyak juga dari kaum Bumiputera yang terlibat so, saya meragui angka-angka yang tersebut, mungkin skop dia terlalu kecil dan tidak menggambarkan keseluruhan keadaan sebenar

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau begitu pendapat YB. Air Itam saya rasa Kerajaan Negeri boleh berusaha untuk mendapatkan angka sebenar penglibatan Bumiputera dalam sektor pelancongan, EXCO yang sama juga dari Batu Lintang. Soalan saya nombor 9. Apakah tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menambah pendapatan sempena dengan Tahun Melawat Malaysia Tahun 2014, berapa jangkaan kedatangan pelancong dan anggaran jumlah pendapatan? Disebut satu (1) tindakan yang diambil oleh Kerajaan Negeri satu mempromosikan tarikan pelancongan. Dua (2) mengadakan kempen pelancongan MyPenang, ketiga memastikan kebudayaan *in chek point*, yang keempat memastikan keindahan sentiasa dipelihara, kelima menumpukan kepada penyediaan logistik, keenam menggalakkan peningkatan pemasaran, ketujuh membantu penganjuran kerja kebudayaan dan keagamaan dan kelapan membelanjakan RM10 juta pengasas.

Saya bertanya dengan jelas berapakah jangkaan kedatangan pelancong dan anggaran jumlah pendapatan. Jawapan tidak diberikan. Setiap kali kita membuat promosi, kita mempromosikan menjalankan kempen memastikan ini adalah imej Negeri kita, setiap kali promosi yang kita buat kita dapat hasilnya, kita hendak tahu, sebab Tahun Melawat Malaysia jumlah pendapatan Negara bukannya sedikit berbillion ringgit. Jadi kita hendak tahu Negeri Pulau Pinang, Batu Lintang membuat promosi lapan (8) perkara ini berapakah anggaran pelancong yang akan datang ke Negeri Pulau Pinang tidak menjelaskan langsung. Takanlah tidak boleh menganggarkan ada berapa bilik, berapa orang akan datang, berapa akan belanja, takan *simple* macam itu pun tidak boleh Batu Lintang, YB. EXCO berikan penjelasan. Ini seolah-olah tidak

ada perancangan, nak buat ini, nak buat itu, tetapi apa pulangnya tidak tahu, kita merancang dalam gelap saja. Jadi saya kira dan saya rasa ini berlaku satu yang malang dalam industri pelancongan di Pulau Pinang ini.

Saya bertanya lagi tentang pelancongan. Berapakah kos penganjuran George Town Festival bagi tahun-tahun yang diadakan, dijawab tahun 2010 RM397,000, tahun 2011 RM1.5 Juta, tahun 2012 1.5 Juta, tahun 2013 RM1.5 Juta. Perbandingan yang sama maknanya bajet dikekalkan hebat dan elok. Saya bertanya pula berapakah jumlah pendapatan langsung dan tidak langsung kepada Negeri Pulau Pinang dan kesannya pada sektor pelancongan, apa jawapannya. Tidak ada maklumat mengenai jumlah pendapatan langsung dan tidak langsung kepada Kerajaan Negeri walaupun penganjuran George Town Festival ini telah memberi kesan positif industri pelancongan melalui peningkatan bidang pelancongan dalam dan luar Negara, Negeri Pulau Pinang yang secara langsung menjana pendapatan penganjuran Festival George Town. Takkanlah Kerajaan Negeri tidak berminat hendak tahu ini, berapakah *income based generate*(dengan izin) oleh operator-operator, hotel dan sebagainya sempena Festival George Town ini.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Penjelasan, saya juga tidak berpuas hati dengan jawapan itu, kerana saya sebelum ini menjadi penasihat ataupun orang bersama George Town Festival sejak tahun 2009, kita memulakan penganjuran George Town Festival untuk memperingati *anniversary* 7 Julai 2008, tahun 2010, tahun 2011. Ia menjadi satu festival begitu menonjol di Asia Tenggara, di waktu itu bermulanya kita hanya menjangkakan *over the weekend*, dua (2) tiga (3) hari. Kemudian tahun 2010 kita panjangkan ke satu bulan begitu hebat George Town Festival saya masih ingat pada masa itu saya terlibat dengan begitu banyak acara pelbagai kaum mempromosi kebudayaan, kesenian warisan sehinggakan *murals* kita jemput Ernest Zacharavic melukis enam (6) mural, sehinggakan *murals little children on bicycle* mendapat anugerah *top fifteen mural of the world by the Guardian from UK*. Saya rasa George Town Festival telah pun memberikan impak yang besar dari segi promosi dengan menaikkan nama George Town dan juga menjadi Festival yang terunggul sekali di Asia Tenggara bukan sahaja di Malaysia, kita memenangi Kuala Lumpur Festival, Melaka Festival, Johor Bahru Festival. Oleh itu saya tidak berpuas hati dengan jawapan itu, sebenarnya kita tahu George Town Festival Sekretariat mereka ada angka-angka sepanjang bulan itu hotel mempromosi berapa dan juga dengan *sale* berapa, maklumat-maklumat pelancongan. Saya rasa jawapan itu perlu disediakan mula dengan bersungguh-sungguh, ini menghampakan saya juga kerana apabila kita membuat setiap kali *post mortem* George Town Festival akan ditunjukkan angka-angka promosi hotel dengan angka-angka dan hotel penuh orang terbang dari Kuala Lumpur, terbang dari Singapura untuk menyaksikan acara-acara George Town Festival, Kedutaan duta-duta dari Kuala Lumpur yang sentiasanya berstesen di Kuala Lumpur khasnya datang ke Pulau Pinang pada hujung minggu untuk George Town Festival saya tidak berpuas hati dengan jawapan itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, mungkin YB. Air Itam juga bersetuju bahawasanya angka RM1.25 Juta bagi tahun 2011, tahun 2012, tahun 2013 juga tidak betul kerana saya yakin setiap tahun akan ada penambahan program dan sebagainya. Saya rasa mustahil dia

tidak tahu benda ini, mesti tahu dan saya berharap jawapan saya dalam Dewan ini seperti YB. Air Itam kata tolong jawab semula. Walau pun selepas Dewan kita masih ada tiga hari lagi tolong selesaikan jawab semula jawapan saya nombor 18 dan juga soalan saya untuk nombor 9. Soalan seterusnya adalah berkaitan berapakah sumbangan yang diberikan kepada mangsa banjir di KADUN Pulau Betong dan KADUN Bayan Lepas yang melanda di kawasan itu pada bulan Oktober 2013 apakah justifikasi tindakan tersebut dijawab oleh Padang Kota. Bagi KADUN Pulau Betong sejumlah RM1,600 telah dibelanjakan bagi penyediaan makanan dan minuman kepada hampir 200 orang, manakala di Bayan Lepas RM9,660 berjumlah 650 orang. Saya difahamkan daripada laporan polis yang dibuat semalam Telok Bahang menyatakan bahawa 8,000 lebih yang telah pun membuat laporan polis. Persoalan saya mereka ini sebenarnya telah kerugian banyak kerana kawasan itu adalah kawasan zon banjir sering berlaku banjir, dan setiap kali berlaku banjir mereka akan mengalami kerugian bantal mereka, *freezer* mereka, T.V. mereka, sofa mereka, peti sejuk mereka, semua rosak.

Saya rasa dengan hanya memberi makan yang disediakan di Pusat Pemindahan dan bantuan kit bencana dan keperluan asas yang diberikan tidak mencukupi. Dan saya difahamkan di Pulau Betong tidak ada Pusat Pemindahan, kawasan turut berlaku adalah di kawasan Terang dan kawasan Pulau Betong mereka hanya pindah sebentar sahaja di masjid selepas itu mereka pulang. Tetapi apa yang saya hujahkan di sini bahawa sumbangan yang diberikan hanya makan yang tidak mencukupi saya minta Kerajaan Negeri melalui tabung T.Y.T. mempertimbangkan untuk memberikan jumlah yang lebih besar paling kurang pun RM200.00, RM300.00 bagi membantu mereka membeli balik barang-barang mereka yang telah rosak di samping sumbangan yang akan dibaut oleh Kerajaan Persekutuan.

Saya ingin merujuk kepada jawapan YB. Kawasan Padang Kota tentang siapakah yang menganggotai lesen minuman keras dan berapakah jumlah lesen yang dikeluarkan sejak 2008 dan di manakah ia dibelanjakan? Jawapan yang saya terima adalah:

"Bilangan lesen baru bagi pembaharuan lesen minuman keras yang diluluskan oleh Lembaga Perlesenan Eksais Negeri semenjak tahun 2008 adalah seperti berikut:"

Tahun 2008 baru 66, pembaharuan 580,

Tahun 2009 baru 64, pembaharuan 826,

Tahun 2010 baru 50 pembaharuan 662,

Tahun 2011 baru 51 pembaharuan 676, dan

Tahun 2012 baru 57 pembaharuan 718.

Saya lihat pada tahun 2012 ada sebanyak 375 jumlah dan jumlah permohonan baru ini adalah konsisten 66 buah hingga ke 50 buah pada setiap tahun. Adalah satu jumlah yang agak besar dan kita mahu supaya pihak Kerajaan Negeri selain daripada mengeluarkan lesen ini juga memantau kerana kita tahu kesan daripada orang yang terlebih minum minuman keras ini akan membawa kepada gejala sosial dan sebagainya lebih-lebih lagi apabila melibatkan pelajar-pelajar sekolah dan saya harap pihak MPPP, MPSP kerjasama dengan pihak Polis bagi memastikan kemasukan ke

dalam premis ini adalah mereka-mereka yang memenuhi atau mengikut syarat untuk masuk dan bukannya pelajar sekolah kerana ini amat membimbangkan kita. Saya nak merujuk jawapan kepada soalan nombor 15. Nyatakan Jawatankuasa Induk yang telah dibentuk oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang berikan bilangan mesyuarat penuh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan mesyuarat-mesyuarat yang dibentuk sejak tahun 2009? mengikut tahun sehingga kini. Apakah kejayaan MAINPP dalam tanah wakaf? Jawapan yang diberikan terdapat 17 jawatankuasa, banyak jawatankuasa ini, Jawatankuasa Jawatan, Pelaburan, Khutbah, Lembaga Rayuan dan sebagainya, 17 jawatan, apa yang saya terkejut melihat adalah keaktifan jawatankuasa itu bersidang, ada yang langsung tidak bersidang ada satu (1) banyak 2, 3, 4, 5 yang tidak bersidang langsung dan ada yang bersidang setahun, tetapi yang mendukacitakan ada yang bersidang sekali sahaja. Jawatankuasa Perkhidmatan 2010 sekali, 2011 sekali, 2012 tak ada, 2013 sekali. Jawatankuasa Pelaburan Kewangan 2010 dua (2) kali, 2011 sekali, 2012 sekali, 2013 sekali. Jawatankuasa Lembaga Tender, 2010 sekali, 2011 sekali, 2012 tak ada, 2013 satu. Padahal jawapan yang diberikan bukan main lagi banyak projek yang diluluskan, tetapi takkanlah berbincang sekali sahaja bermesyuarat. Sepatutnya keputusan-keputusan penting dalam mesyuarat akan dirujuk semula mesyuarat yang kedua untuk mengesahkan.

YB. Permatang Pasir sebagai YDP kenapa perkara ini berlaku saya pun hairan, Batu Maung jawab *oh sorry*, saya tanya sebab dia Pengerusi Yang DiPertua MAINPP, kenapa? Kenapa tidak bermesyuarat? Saya melihatkan bahawasanya pengurusan MAINPP kalau mengikut jawapan ini adalah lemah dan tidak bermaya. Tiada kesungguhan dalam meninggikan syiar Islam di Negeri ini, dan MAINPP YDP nya adalah PAS, parti yang melaungkan agama Islam sebagai agama, buatlah perjuangan mereka, kenapa membiarkan mereka tidak bermesyuarat. Saya harap YB. Kawasan Batu Maung tolong tegur MAINPP supaya mereka mengadakan mesyuarat paling sekurang-kurangnya pun dua (2) kali. Mesyuarat sekali *next meeting* boleh *confirm* ini tidak sama ada sekali ataupun tak bermesyuarat langsung.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terimakasih, YB. Dato' Speaker, selaras dengan itu saya ingin bertanya, Darul Hidayah, di bawah pengawasan Majlis Agama Islam, di Permatang Tok Gelam kawasan saya, mempunyai Jawatankuasa Pengurusan yang saya pengerusi tetapi sejak 2008, dah ditamatkan dan sampai sekarang, dah 6 tahun tak ada, jawatankuasa tidak dibentuk. Adakah pembangunan asnaf muallaf ini tak penting walhal kita maklum bahawa asnaf muallaf ini antara empat (4) yang paling penting dalam pengagihan zakat. dan juga pungutan zakat RM72 juta pada tahun lepas, dan saya jangka tahun ini lebih kurang RM75 juta, asnaf muallaf itu sepatutnya RM9 juta, agihan untuk asnaf muallaf. Saya difahamkan pada tahun lepas, saya dimaklumkan bahawa dalam soalan bertulis saya hanya RM3 juta lebih dibelanjakan.

Walhal begitu banyak sekali pembangunan program untuk pembangunan asnaf muallaf dan dakwah sepatutnya dijalankan sebagai usaha untuk meningkatkan sebaran agama Islam dan juga untuk membangunkan saudara-saudara baru kita yang baru memeluk agama Islam. Inilah saya minta kesungguhan Majlis Agama Islam untuk membangun dan mengagihkan zakat dengan baik sekali membangunkan masyarakat Islam terutama sekali dengan penggunaan wang zakat yang banyak dikutip untuk Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih YB Telok Ayer Tawar. Seterusnya saya ingin merujuk kepada soalan saya nombor 19. Berikan butiran-butiran projek yang sedang dilaksanakan di peringkat kajian, tender mahupun dalam pelaksanaan di tapak oleh pembinaan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang PDC? Sila senaraikan nama-nama perunding, alamat mereka dan justifikasi pemilihan mereka dibuat? Saya menerima senarai penuh tentang projek-projek yang telah pun dilaksanakan oleh PDC. Jawapan YAB Ketua Menteri terima kasih. Cuma saya ingin menarik perhatian dewan kepada hampir ke semua projek Bandar Cassia fasa 1, Bandar Cassia Fasa 4, Bandar Cassia Fasa 7, Bandar Cassia Fasa 8. Kesemua projek Bandar Cassia ini telah melantik perunding Subanar International Consultant (M) Sdn. Bhd. Justifikasi adalah konsultan antarabangsa yang mempunyai pengalaman yang meluas dalam rumah mampu milik yang berkualiti untuk *HDB Singapore*.

Lantikan telah dibuat kita tak boleh menghalang itu, cuma saya nak minta pembangunan Bandar Cassia ini adakah satu projek yang besar dan memakan masa yang panjang? Walaupun Perunding Induk itu adalah Subana International Consultant berikanlah peluang juga kepada *local consultant*, *support consultant* ini seperti *M&E Engineer*, *Charging Engineer*, *Quantity Surveyor*, *Land Surveyor* dan sebagainya kepada *local consultant* sebab yang perlu adalah idea konsep yang YB Air Putih hendak kepada kualiti HDB Singapore kita setuju tetapi biarlah *supporting consultant* itu, dilantik daripada *local consultant* kalau tidak ini akan membuatkan *consultant-consultant* ataupun Jururunding-jururunding daripada Pulau Pinang ini akan berputih mata saja dan mereka tidak dapat turut terlibat, saya harap kepada PDC supaya lebih prihatin. Semalam kawan saya telah menunjukkan bagaimana projek cadangan tempat kerja tanah dan lain-lain kerja yang bersangkutan dengan program ternakan lembu di Batu Kawan, kita ambil daripada 8 November dan saya difahamkan satu lagi banglo yang dibuat oleh PDC, rumah contoh tak silap saya di Bandar Cassia di kawasan itu juga terbengkalai. Saya harap PDC Consultant lebih prihatin dan lebih beri perhatian dan jangan ada projek-projek yang dibuat oleh PDC ini yang terbengkalai seperti ini. Kalau dah siap sempurna turunkan *signboard* ataupun kalau belum siap tuliskan tempoh lanjutan masa ke bila, supaya masyarakat tidak tertanya-tanya dan kita mahu supaya pihak PDC Consultancy yang telah diberi tanggungjawab banyak sekali di sini ada lebih kurang 81 projek *minus* lebih kurang dalam 70 projek semuanya dibuat oleh PDC Consultancy banyak ini bermakna konsultan-konsultan ataupun kakitangan PDC Consultancy harus dipertingkatkan *professionalism* mereka supaya apa yang berlaku di kancil *car park* dibina semula runtuh kancil *car park* itu, tidak berulang lagi.

Seterusnya soalan nombor 22, jelaskan proses tender terbuka bagi kerja-kerja naik taraf Komtar dengan menyatakan tarikh tender dan justifikasi pemberian kontraktor, adakah telah buat analisa kestabilan struktur bangunan sebelum penambahbaikan dibuat. Saya mendapat jawapannya, lain kali nak bagi jawapan besarlah sikit, saya kelabu tak nampak, saya pakai cermin mata tak nampak juga, terlampau kecil juga nak kena pakai kanta. Mungkin *next term* penggal ke depan Yang Berhormat sediakan *magnificent glass* ini terlalu kecil. Tolonglah sediakan jawapan yang boleh kita baca *very simple* mudah saja kalau tak boleh dengan *A4 paper*, buat atas *A3 paper* boleh buat, janganlah buat macam ini. Saya bertanya ini sebab saya tahu dalam Malaysia Insider November 22, 2012 ditulis KOMTAR *Tower to under go RM40 million revitalisation project, the project will be carried out by World iCubes Sdn.*

Bhd. will see level 5, 59, 60, 64, 65 be upgraded. The roof top of level 65 will be turned a sky launch. Projek ini tidak dimasukkan dalam senarai ini. Saya tanya ini tapi tidak dimasukkan senarai ni kenapa? Kalau pergi ke tapak sekarang ini *level 5* memang ada kerja dijalankan betul tak YB. Air Itam? ada semua orang tahu. Kenapa tidak dimasukkan ke sini? Nak sembunyi apa? Kalau ada katakan ada, kalau tak ada katakan tak ada. Janganlah kita terpaksa pergi tengok balik betulkah jawapan yang diberikan, jawapan yang diberikan haruslah telus, cerita segala-galanya CAT, yang saya risau adalah penambahan struktur itu sebab dalam jawapan ini mudah saja dia kata ada sebab saya tanya tentang justifikasi, tentang analisa kestabilan struktur bangunan sebelum penambahbaikan dibuat. Dijawab kerja-kerja ini merupakan kemasan dan penambahbaikan yang tidak melibatkan struktur bangunan.

Oleh yang demikian analisa kestabilan struktur bangunan tidak diperlukan, betullah kalau kerja-kerja *maintenance* sahaja. Tetapi kalau disebut tentang projek yang dibuat di tingkat 5, 59, 60, 64 dan 65 ini memang memerlukan pada *structure analysis* memang perlu. Lawatan saya bersama pengerusi PAC Air Itam Tingkat 22 apa yang berlaku. Kita dapati bahawasanya tiba-tiba troli yang diletakkan di lantai itu bergerak kenapa bergerak? Kenapa boleh bergerak, troli boleh bergerak, troli ada roda boleh bergerak kenapa? Sebab ada tarikan graviti ke arah lain kenapa? Terdapat keretakan di Tingkat 22, terdapat keretak. Saya tak pasti sama ada pihak Kerajaan Negeri telah melihat tentang kestabilan struktur di Tingkat 22 ini, sama ada lantai, siling ataupun sebagainya dan saya risau kita nak tambah lagi dengan gondola dan sebagainya apa yang akan berlaku? Perkara ni serius, 65 tingkat ini. Laporan yang bukan sedikit, berpuluh juta ringgit. So, pandang perkara ini kena serius. So, saya berharap Kerajaan Negeri janganlah nak sembunyi benda-benda macam ini, bagitahu kita di dalam Dewan ini. So, biarlah jawapan yang menyeluruh yang betul-betul menjawab dalam Dewan ini sama dengan apa yang berlaku di luar sana.

Soalan nombor 4. Sejak dilancarkan kempen tiada beg plastik, berapakah jumlah kutipan mengikut tahun sehingga 2013? Adakah badan selia dan di manakah wang tersebut disimpan dan bagaimana dibelanjakan? YB. Sungai Puyu telah menjawab. Sejak kempen tanpa beg plastik percuma dilancarkan, jumlah kutipan adalah seperti di lampiran ID 88. Jumlah kutipan yang akan di masukkan ke dalam Tabung Rakan Anti Kemiskinan, RAK. Kutipan ini akan diagihkan sebagai bantuan kepada ketua isi rumah, KIR golongan miskin tegar. Bantuan diberikan merupakan bantuan kewangan bulanan untuk meningkatkan pendapatan golongan KIR melepasi garis kemiskinan PGK. Ini bermakna duit ini digunakan untuk *top up*. Saya nak tahu, siapakah pemegang akaun amanah ini? Adakah ianya bersama dengan Pejabat Kewangan Negeri atau badan mana. Dan siapakah yang mengeluarkan dan meluluskan perbelanjaan setiap kali wang dikeluarkan? Yang saya juga ada terkilan kempen tiada beg plastik ini adalah kempen untuk bertujuan menjaga alam sekitar. Kalau duit ini diambil daripada plastik beg, sepatutnya duit itu digunakan untuk kempen-kempen ke arah menjaga alam sekitar. Kenapa diubah kepada untuk membayar *top up* itu. Tiada perkataan langsung, tiada perkataan langsung.

Sepatutnya gunalah duit lain. Dan saya juga melihat dalam jawapan yang diberikan juga kutipan untuk 2011, *sorry*, kutipan untuk 2011, RM1.437 juta berbanding dengan wang yang digunakan untuk kemiskinan Pulau Pinang berjumlah RM2.26 juta. 2012, duit daripada beg plastik RM1.236 juta dan duit digunakan untuk kemiskinan RM2.598 juta dan duit beg plastik pada 2013 ini adalah RM826,000 dan untuk kemiskinan RM2.13 juta. Ini bermakna duit daripada plastik beg juga tak mencukupi untuk menanggung kesemua kos ataupun perbelanjaan untuk Tabung Anti Kemiskinan

ataupun *topup* tadi. Saya minta penjelasan dan saya berharap agar kaedah ini tidak digunakan. Kalau duit itu kita ambil atas sebab menyedarkan rakyat tentang alam sekitar kita akan guna duit itu untuk menyedarkan rakyat dalam skop yang lebih besar. Saya takut bila kita dah gunakan levi RM3.00 dan RM2.00 kepada pelancong. Apakah duit itu akan digunakan balik kepada memajukan industri pelancongan atau digunakan untuk benda-benda yang lain daripada itu. Sebab YB. Dato' Speaker dan Dewan ini, setiap duit yang kita ambil untuk kos tertentu digunakan untuk maksud yang tepat dengan keperluan duit itu diambil.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Penjelasan. Saya rasa YB. Dato' Speaker masih lagi menggunakan istilah *top up* tu. Duit tu dah diguna untuk *top up* tabung untuk membasmi kemiskinan. Itu *top up* lah. Jadi bercakap tentang kemiskinan ini. Kerajaan Negeri yang melaung-laungkan kepada rakyat dasar kemiskinan sifar, dah tak ada dah orang miskin di Negeri Pulau Pinang ini. Tapi cuba kita pergilah, *go down to the streets* semua ini wakil-wakil rakyat belaka tahu setakat mana kita dapat membasmi kemiskinan. Masih ramai lagi yang miskin. Sebab kemiskinan itu relatif. Kalau dah kematian suami misalannya, dalam masa 24 jam jatuh miskin misalannya, hilang punca pendapatan, hilang misalannya kalau rumah terbakar dan sebagainya hilang bumbung untuk berlindung. Jadi inilah dari segi *topping up* ini yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang, walaupun kita akui satu usaha yang cukup murni, tetapi masih tidak mencukupi dan tidak cukup untuk melaungkan bahawa kita telah pun membasmi kemiskinan, kemiskinan sifar Negeri Pulau Pinang kerana perlu dilihat dari segi jangka panjang. Bagaimanakah dapat dilaksanakan dasar dan usaha untuk benar-benar mengatasi masalah kemiskinan di Negeri Pulau Pinang. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih. Saya nak beralih kepada isu-isu semasa YB. Dato' Speaker. Pertamanya, berkenaan dengan isu Kontraktor Pembersihan Awam dan Kontraktor Pembersihan dan Kutipan Sampah MPSP. Saya difahamkan terdapat lebih kurang 200 kontraktor (KPA) Kontraktor Pembersihan Awam dan (KPS) Kontraktor Pembersihan dan Kutipan Sampah MPSP. Kesemua ini, daripada jumlah kontraktor ini mereka mempunyai kakitangan hampir 5,000 orang. Satu jumlah yang cukup banyak. Jika satu orang pekerja menanggung seorang isteri dan seorang anak, ini bermakna 12,000 orang dia bergantung harap kepada pekerjaan ini. Pihak MPSP dan saya difahamkan MPPP juga berhasrat untuk mengambil alih sepenuhnya perkhidmatan pembersihan dan kutipan sampah di Negeri ini. Kalau kita ditempat lain, kita melihat alternatif pentadbiran yang lebih *efficient* adalah supaya menswastakan ini supaya tanggungan aset oleh Kerajaan Tempatan tidak tinggi. So, kita bagi kerja pada swasta biarlah mereka yang menanggung pengurusan, *overhead asset* dan sebagainya dan pihak Kerajaan Tempatan boleh menumpukan perhatian kepada perkara lain. Tetapi di Pulau Pinang tidak berlaku, MPSP dan MPPP akan mengambil alih kesemuanya. Bermakna MPPP dan MPSP terpaksa mencari duit untuk menggajikan pekerja. Untuk menambah mesin-mesin dan sebagainya, dan juga menambah pegawai-pegawai untuk memantau. Ini semua akan menjadikan beban atau mendatangkan beban pengurusan kepada MPSP dan MPPP.

Apa yang saya nak utarakan di sini adalah YB. Pantai Jerejak telah pun pernah berjumpa dengan mereka. *Then, what do you think?* Dan saya telah pun bercakap isu ini di dalam Dewan yang lepas. Dan mereka masih lagi sebenarnya bergantung harap kepada Pantai Jerejak. Tolong mereka, bantu mereka. Apa akan jadi kepada mereka ini? Pekerja yang diambil untuk bekerja di MPSP hanyalah yang berumur 45 tahun ke bawah. Apa yang berlaku, apa akan berlaku kepada mereka yang umur atas daripada itu. Mereka akan *immediately* akan dengan segera jatuh miskin kerana tiada pendapatan. Ramai YB. Pantai Jerejak. Ramai sekali dan siapa pula dan apa yang berlaku kepada aset mereka? Mesin mereka? Lori mereka, lori mereka bukan boleh lori yang tiba-tiba di *convert* untuk angkat tanah. Tak boleh. Lori pula lori khas. Lainlah kalau pihak MPSP bercadang beli aset mereka. Itu mungkin boleh membantu kerana kesudahannya MPSP juga memang nak ambil alih pun kerja ini. So, saya minta kerana mereka tanya kepada saya, Yang Berhormat tolong minta pada Jerejak. Mereka tak harap orang lain dah. Mereka tak harap Batu Maung, tak harap Sungai Dua. Mereka berharap kepada Jerejak untuk membantu mereka. Dan saya yakin jika sekiranya YB. Pantai Jerejak sebagai Timbalan Ketua Menteri I prihatin tolonglah selesaikan perkara ini kerana saya yakin Pantai Jerejak amat mengetahui luar dan dalam tentang isu ini.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Ulasan. Minta penjelasan. Saya rasa strategi Kerajaan untuk membuat ubahan daripada polisi ini nampak kalau macam kawasan di Yang Berhormat di Balik Pulau, di Balik Pulau juga adalah *staff* MPPP sendiri yang membuat pembersihan semua. Dan saya dapati di kawasan-kawasan lain ada kontraktor-kontraktor yang diupah oleh MPPP mengupah warga asing, Bangladesh, Nepal yang membuat pembersihan dan saya rasa Kerajaan Negeri perlu ada satu ketetapan supaya kontraktor-kontraktor yang dibayar menggunakan wang awam ini upahlah orang tempatan dan bukan memberikan *priority* kepada pekerja-pekerja asing kerana sekarang saya angkat daripada Perai 108,000 pekerja asing yang sah di Pulau Pinang.

Saya rasa perlu ada ketetapan di peringkat Kerajaan Tempatan supaya mengutamakan pekerja-pekerja tempatan walaupun kontraktor perlu ada kawalan ke atas pekerja-pekerja yang diupah oleh kontraktor supaya pekerja-pekerja tempatan dijaga. Saya nampak di Balik Pulau semua, saya duduk Balik Pulau, Telok Bahang, Pulau Betong kita semua tahu itu *staff's* MPPP yang menguruskan kerja-kerja pembersihan, *staff's* tempatan, *staff's* mungkin yang duduk di sana ataupun di kawasan-kawasan berasingan. Tapi saya rasa mungkin pandangan daripada Pulau Betong mungkin ada unsur yang perlu kita perhatikan kerana pekerja-pekerja bagaimana kita lihat *absorb* sama ada pekerja-pekerja tersebut supaya apabila matlamat kita murni kita nak buat supaya memberikan kepada *priority* kepada pekerja-pekerja tempatan, ada kawalan semua, tapi kita laksanakan perlu juga lihat aspek-aspek seperti pekerja-pekerja kontraktor supaya *absorb* sebagai *staff* MPSP supaya apabila kita buat suatu kerja, suatu matlamat yang murni jangan rosak aspek yang lain pula.

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya minta, sikit, sikit saja. Proses untuk (dengan izin) untuk *reorganise* dalam satu *call centre* semua memang pastinya berlaku dan bukan saja di MPPP tapi di mana-mana organisasi. Saya pasti kesemua pemimpin daripada Yang Berhormat

bukan saya seorang saja, yang lain semua, bukan dari Pantai Jerejak saja tapi di tempat-tempat yang lain juga dan saya harap memang ada *feedback* yang baik dan kita akan uruskan benda tu sebaik mungkin. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Pantai Jerejak. Saya bukan menghalang, saya bukan menghalang. Saya minta supaya Kerajaan Negeri melihat perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Air Itam, saya ingat lagi pada sidang masa BN memerintah Pulau Pinang. Saya minta supaya dalam kawasan Balik Pulau ini tidak diberikan kepada kontraktor. Sebab apa, saya nak kata supaya MPPP yang menjaga Balik Pulau ini menjadi contoh penjagaan yang baik untuk diikuti oleh tempat-tempat lain. Supaya *benchmark* nya macam nak jaga ikut apa yang MPPP buat di kawasan Balik Pulau. Sampai ke hari ini, MPPP masih mengekalkan apa ini menjaga Balik Pulau. Saya bersyukur, saya berterima kasih dan saya tahu Air Itam ke, Padang Kota ke bersetuju dengan saya bahawasanya kakitangan MPPP yang menjaga pasar itu, memang kita kata saya bagi pada “A”. Saya tak pernah bagi pada “B.” Saya beri “A” pada mereka. Tapi yang saya risaukan adalah apa akan berlaku kepada aset mereka ini. Apa yang akan berlaku kepada pekerja yang berumur 45 tahun ke atas ini. Saya tak sanggup mereka terus jatuh miskin sebaik saja ditamatkan kerja. Mungkin ada unsur, elemen ataupun bilangan pekerja asing. Kita akui memang ada, memang ada. Tetapi apa yang berlaku pula kepada anak tempatan ini. Ini yang mereka minta kepada saya tolong perhatikan isu ini.

Saya nak melangkah kepada isu lain pula, Perai. Saya ada mendapat merujuk kepada petikan akhbar Sin Chew, kenyataan yang dibuat oleh YB. Perai tentang masalah yang paling serius yang dihadapi oleh Kerajaan Pulau Pinang pada masa ini adalah kekurangan kakitangan awam yang berkualiti. Betul ye. Dan ini merupakan punca masalah kecekapan daripada Kerajaan Negeri dan YB. Perai berharap agar lebih ramai kakitangan negeri terdiri daripada graduan yang berkelulusan cemerlang. Betul Yang Berhormat, memang betul kita Pulau Pinang memang memerlukan pekerja-pekerja yang cemerlang tetapi pekerja cemerlang. Tetapi mereka yang cemerlang ini bukan saja mereka yang mendapat CGPA 3.0 *and above*, ada juga yang mendapat 2.6, 2.7 tetapi mereka bekerja lebih baik daripada mereka yang mendapat 3.8, 3.9. So kualiti bekerja tak sama masa belajar dengan masa bekerja.

Yang Berhormat seorang ahli akademik. Yang Berhormat tahu. Prinsip bekerja mungkin tak sama sebab akan berubah. Yang paling penting saya rasa adalah, dalam Bajet 2014 ini sepatutnya diberi penumpuan untuk peningkatan kerja mereka dengan menyediakan kursus dan sebagainya. Walaupun mereka telah diambil bekerja dan kita tahu mereka ini pekerja tetap contohnya, tetap dan berpencen. Latih mereka semula. Hantar mereka berkursus, mengadakan kursus *internal* atau *external*. Kita buat bagi memastikan yang ada ini dapat dipertingkatkan kualiti. Ini yang saya harap kepada YB. Perai supaya Kerajaan Negeri mempertimbangkan ini. Beri mereka latihan kerana kita mahu supaya yang ada hari ini diberi kursus, pertingkatkan kebolehan mereka supaya hasilnya nanti adalah kesejahteraan rakyat seluruh Negeri Pulau Pinang.

Isu kakitangan awam ini bukanlah baru. Dulu pun tak salah saya masa Ahli Parlimen R. Sivarasa tak salah saya, tentang, bercakap tentang nak mengurangkan kakitangan Kerajaan. Isu ini pernah timbulkan lagi, kemudian baru-baru ini kenyataan JPA. Jadi saya harapkan apa yang kakitangan ada hari ini kita hargai mereka dan kita beri kursus dan bukannya nak mengurangkan dan sebagainya. Begitu juga dengan

kenyataan-kenyataan yang mengguris hati pekerja awam. Saya bersedih kerana saya tahu saya daripada keluarga susah. Apabila orang susah disebut dengan nama yang keji, jadi mereka tidak dapat menerimanya. Begitu juga dengan penghinaan yang dilemparkan kepada Ketua Pembangkang, dia rasa cukup terhina. Anaknya, cucunya apa rasa. Saya minta kepada pemimpin-pemimpin DAP tolonglah janganlah mengungkapkan kata-kata yang kesat, kasar kepada pekerja awam. Kalau Ketua Pembangkang mengungkapkan kata-kata demikian apatah lagi orang lain.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Saya minta laluan. Sikit sahaja. Dengan izin *name calling*, itu bukan kerja kita. Dalam Dewan, di luar Dewan macam-macam *name calling*, sampai ke No. 1 Ketua Menteri *name calling* kepada Ketua Pembangkang apa dah nak jadi. Jadi ini bukan perkara yang baik untuk menjaga keutuhan dan kewibawaan Dewan. Kita berhujah di sini dengan fakta dengan maklumat yang sedia ada terutama sekali dalam jawapan soalan-solannya yang kita tanya. Kita bukan membuat fitnah, tuduhan. Kita membuat soalan dan janganlah diputar belitkan soalan yang kita tanya tu dijadikan tuduhan. Ini tidak betul. Dan buat *name calling*, kata macam-macam ini bukan budaya kita. Sebelum ini tak pernah jadi macam itu. Janganlah buat jadi budaya baru.

Timbalan Ketua Menteri II:

Saya akan gulung perkara yang telah ditimbulkan oleh YB. Pulau Betong. Isu ini tentang pengambilan kakitangan di agensi-agensi Kerajaan Negeri lah. Persekutuan ini kita tidak ada apa-apa kawalan jadi mungkin kita beberapa kali buat pengumuman buat pengambilan kakitangan ini bukan semata-mata merit sahaja tapi satu pengambilan yang seimbang. Jadi kenapa saya juga fokuskan kepada CGPA adalah ini merupakan satu *rough guide*. Kalau mereka ada *second upper* memang ada beza, memang ada beza diantara *second upper* dengan *second lower*. Ini bermakna kita tidak ambil sesiapa yang *second lower* malahan kita tengok ada *second lower* yang baik so tidak semata-mata kelayakan akademik. Tapi kelayakan akademik adalah satu asas ada pengalaman.

Saya ingat latihan-latihan memang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan. Saya rasa kita dapat *feed back* daripada awam dan mereka rasa sokong inisiatif-inisiatif Kerajaan ini. Ini satu proses saya rasa hasilnya belum dilihat lagi kerana ini jangka panjang. Jadi dalam proses ini kita berunding dengan pelbagai pihak supaya menjalankan satu pengambilan yang adil dan saksamalah. Bukan kita meringgirkan golongan, kita memberi keutamaan kepada wanita dan sebagainya. Jadi ini bukan proses yang senang sebab saya rasa tiap-tiap agensi ini ada juga cara mereka sendiri yang saya sendiri tidak setuju. Walau bagaimanapun saya rasa proses ini perlu supaya kita boleh ambil kakitangan yang ada kelayakan yang baik dan saya bagi tahu hari ini bahawa semua kakitangan yang ada tahap cemerlang tidak masuk dalam agensi Kerajaan. Lebih mirip kepada sektor swasta. *That is a proof*. Jadi kita tidak buat dengan sengaja atau meringgirkan siapa-siapa. Berkenaan dengan *name calling* ini Kerajaan Negeri tidak sokong mana-mana pihak membuat *name calling*. Saya sendiri tidak setuju dengan perkara itu dan kalau ini berlaku kita akan ambil tindakan dan apa yang berlaku baru-baru ini saya pun tahu Pulau Betong merujuk kepada siapa, saya rasa tindakan sudah diambil. Terima kasih.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Mohon laluan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya bagi pada Penaga dulu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Pulau Betong, terima kasih YB. Dato' Speaker kerana mengizinkan saya mengambil bahagian. Sebenarnya saya tertarik sekali dengan kata-kata yang dibuat oleh Ketua Pembangkang mengenai *name calling* dan saya terbaca dalam surat khabar yang beliau dirujuk sebagai nenek *racist*. Saya sebagai orang baru dan rakan-rakan Yang Berhormat di sini pun ramai yang baru. Sebenarnya bagi saya, saya amat terkejut dan tidak boleh menerima, saya amat kesal sekali kerana bagi orang baru dalam Dewan ini yang saya anggap Dewan yang paling mulia di Pulau Pinang. Kita Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini dipilih oleh rakyat walaupun kita bertanding di kawasan masing-masing dan selepas pilihan raya, PRU Ke-13 walaupun Barisan Nasional tidak dapat memerintah Pulau Pinang tetapi Barisan Nasional tidak sekali-kali menunjukkan cara yang *undemocratic* di Pulau Pinang. Kita tidak adakan rusuhan, kita tidak adakan demonstrasi kita menghormati pilihan yang dibuat oleh rakyat Pulau Pinang.

Saya amat sedih sekali apa yang berlaku dan saya tidak sangka selepas mesyuarat yang kedua kami terpaksa keluar daripada Dewan. Keluar daripada Dewan ini bukanlah satu perkara bagi saya yang elok tapi disebabkan saya rasa tidak puas hati. Saya minta maaf YB. Dato' Speaker tapi bagi saya pada hari itu saya nampak Dewan ini tidak dapat dikawal. Dan perbahasan tidak dapat diteruskan kerana pada masa itu Ketua Pembangkang semasa berucap gangguan yang melampau berlaku. Saya, seperti yang saya katakan tadi saya amat terkejut dan saya rasa keadilan sepatutnya diberi kepada semua dan peraturan dalam peraturan memang ada. Dan kita di sini sebenarnya perlu mematuhi peraturan jadi saya harapkan pada masa hadapan Dewan ini boleh bersidang dengan aman dan rakyat pun hendak lihat perbahasan yang bernas. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Amin, itulah harapan kita.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan. *Just a short*. YB. Dato' Speaker, untuk *walk out* adalah satu caranya dalam sistem demokrasi. Sekiranya kita tidak setuju dengan prinsip atau Rang Undang-undang yang akan diluluskan dalam Dewan ini, kalau kita tidak mahu undi kita boleh keluar. Ini yang selalu dilakukan di mana-mana Parlimen di seluruh dunia. Tapi yang saya rasa yang hari itu hari semalam yang *walk out* bukan ke atas prinsip yang besar, prinsip demokrasi, tetapi perasaan, saya boleh faham perasaan Ketua Pembangkang kerana kami Pakatan Rakyat atau DAP di dalam Dewan ini atau di Parlimen selalunya ditekan seperti begitu juga. Lebih dahsyat lagi di dalam Parlimen Ahli-Ahli Yang Berhormat UMNO terus mereka suaranya menjerit dan buat apa-apa. Bahasa kesat, *sexist*, bahasa yang memang tidak boleh pakai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Okay saya faham.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Di sini yang saya hendak tekankan, saya rasa ini kita di sini kita harus boleh *the best advisor* yang orang lain bagi tahu saya *stay cool when you are on your feet* iaitu *my senior give me the advice. I just want to share with you. Thank you.*

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih Padang Lalang, *last* saya bagi laluan kepada Teluk Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih YB. Pulau Betong dan terima kasih YB. Dato' Speaker. Isu-isu Parlimen saya rasa kita semua sudah tahu apa yang berlaku. Kita bukan semua Ahli Parlimen. Dan sebagai wanita saya rasa ADUN Padang Lalang patut rasa simpati seperti YB. Perai bercakap perkara-perkara yang tidak patut. Saya tidak percayalah perjuangan ini hendak berlandaskan kata-kata kesat, perjuangan ini berlandaskan hendak mencari salah, perjuangan ini di atas untuk mencari *name calling*. Perjuangan tidak akan wujud di atas perkara-perkara itu. Saya rasa perkataan *racist* ini kita patut buat definasi yang betul-betul. supaya kita semua faham. Bukan disudut percakapan, kita juga tengok di sudut amalan *racist* yang manakah yang lebih teruk. Kita tidak akan ada masalah kekeceharuan untuk membuat definasi ini.

Jadi YB. Speaker saya mintalah kalau boleh kita kena buat Jawatankuasa Khas bersama untuk kita faham dan supaya kita tidak sewenang-wenang menggunakan perkataan ini. Perkataan ini akan membuat impak kepada masyarakat luar. Orang luar, orang kampung, orang bandar akan rasa kita dalam Dewan ini bersemangat *racist*.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey Pulau Betong, pendekkan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Okey, saya pun dah satu (1) jam lebih. Terima kasih pandangan Padang Lalang dan Telok Bahang. Saya bagi pihak Barisan Nasional di sini kami ingin merakamkan simpati dengan pekerja-pekerja awam dan kami mengucapkan terima kasih banyak-banyak di atas sumbangan yang telah pun diberikan oleh kakitangan MPSP dan MPSP dan sebagainya ke arah menjaga Pulau Pinang ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada PBA kerana semalam PBA telah mendapat *award*, *Efficiency Award* dan juga *Water Services Operator of the Year Award 2013*. Tahniah kepada pengurusan, *Board Director* dan seluruh kakitangan PBA bekerja keras dan menunjukkan sumbangan yang baik sehingga membolehkan tuan-tuan semua mendapatkan *Efficiency Award* dan juga *Water Services Operator of the Year 2013*.

Berkenaan masalah PBA ini saya nak minta penjelasan daripada Y.A.B. Ketua Menteri kalau boleh saya difahamkan pada bulan Jun 2009 auditor KPMG telah ditukarkan kepada Grant Thornton. Saya nak minta penjelasan kenapa ditukarkan dan siapakah pemilik syarikat ini kerana dia bukan sahaja dilantik sebagai auditor kepada PBA tetapi juga auditor kepada PDC. Seterusnya projek di bawah PDC Telco. Kita dikejutkan! Mana pergi Pantai Jerejak? Kita dikejutkan pada semasa kita nak sambut Deepavali sebuah menara pencawang telekomunikasi di Pulau Betong telah pun dirobohkan dan sehingga ke hari ini masih belum diperbaiki dan sampai ke hari ini masyarakat di sana masih mengalami masalah komunikasi kerana tidak ada *service*. Saya telah menghantar surat pada 7 November 2013, kepada Pengerusi PDC Telecommunication Sdn. Bhd. Gangguan gelombang telefon mudah alih akibat perobohan menara telekomunikasi di Kampung Pulau Betong, Balik Pulau. Saya hantar surat ini, di sini juga sebuah NGO telah berjumpa dengan YB. Pantai Jerejak minta tolong, minta bantu supaya, sebelum berlaku perobohan telah diminta dah. Jangan roboh tetapi masih diteruskan perobohan dan saya minta surat, minta penjelasan sampai hari ini tidak ada jawapan. Samalah dengan PDC dalam hal Kancil *Car Park*. Hantar surat secara elok, minta penjelasan tidak dilayan. Baru dalam Dewan ini CM *offer*, ini pun sama juga. Ini pun sama juga.

Saya hantar surat kepada Pengerusinya, Ahli Parlimen Jelutong, minta penjelasan, juga tak dilayan. Orang kampung berjumpa dengan Pantai Jerejak EXCO, untuk meminta, mencegah daripada dirobohkan, juga tak dilayan. Satu hari, ada seorang Kampung Terang minta saya *sign* borang, untuk apa borang itu, menyokong pencawang Telco ini dipasang di tanah dia. Saya kata kalau tak *sign* maca mana. Kalau Yang Berhormat tak *sign*, kami tak akan bina. Orang kampung itu kata, kalau Yang Berhormat tak *sign*, saya tak akan dapat RM2,500 sebulan. Yang Berhormat nak bagi kat saya duit itu? Dah kita pula yang rasa serba salah. Saya tanya kepada pegawai, berapakah kadar sewa, kalau sini RM2,50.00. Berapa kadar sewa di George Town, adakah sama. Itu saya tak boleh bagi tahu kena tanya *big boss*. Penggunaan elektrik, penggunaan telefon sama ada di Balik Pulau ke, Juru ke, di SPU ke, di mana ke, semua sama. Adalah tidak adil jika sekiranya bayaran sewa di kampung dan di pekan tak disamakan. Semuanya kena tanya *big boss*, dan bila minta penjelasan, nampak macam kelancaran pentadbiran Kerajaan Negeri buat kerja macam ini, saya rasa memang soal tak prihatin. Tak mengambil langsung pandangan wakil rakyat dan terutamanya orang kampung.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Terima kasih Telok Bahang. YB. Dato' Speaker saya rasa PDC Telco memang perlu diberi perhatian dan diteliti oleh Kerajaan Negeri. Kalau kita lihat pada laporan Ketua Audit Negara, macam-macam masalah ada dalam PDC Telco, terutama sekali Ahli Parlimen Jelutong yang menjadi Pengerusi, dia *Run the Show*...(dengan izin) dia menjadi, dia tak ada pelantikan *CEO*, oleh itu, semua keputusan dibuat oleh dia sendiri dan banyak pula perkara-perkara yang dilaksanakan bertentangan yang tidak mematuhi garis panduan kewangan. Jadi inilah masalah-masalahnya terutama sekali PDC Telco mempunyai lesen untuk mengendalikan pencawang-pencawang yang sepatutnya menjadi dipakai guna sama oleh Telco's, syarikat-syarikat telekomunikasi *common telecommunication tower* ...(dengan izin) dan seharusnya diberi peluang kepada mereka berapa saya ingat empat (4) saja yang dah ada *Telecommunication Tower* sebelum PDC Telco mendapat lesen itu, nak dihapuskan mereka, dirobohkan *tower* tu, hanya kerana PDC Telco nak mengambil alih pengendalian kemudahan

Telecommunication Tower. Ini tak sepatutnya berlaku, kena berlaku adil lah kepada syarikat-syarikat yang dah beroperasi sebelum itu, yang pentingnya bagaimana kita memberi khidmat, memberi akhirnya kemudahan kepada rakyat. Sekarang kawasan Pulau Betong dah tak ada liputan servis oleh Telco kerana pencawang itu telah dirobohkan, jadi ini perlu diberi perhatian lah masalah PDC Telco. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih dan untuk pengetahuan Yang Berhormat Telok Ayer Tawar, PDC Telco terpaksa menanggung kerugian sejumlah RM363,000 kerana pemasangan Portable Base Transceiver Station (PBTS) tidak mendapat kelulusan dan juga mereka menanggung tunggakan bayaran sewaan telekomunikasi berjumlah RM3.6 juta yang tidak dikutip. Sebenarnya, Telok Ayer Tawar sesuatu harus dilakukan kepada PDC Telco ini.

Satu (1) lagi Tuan Pengerusi, yang satu kes ni agak unik, ini saya rasa kes balas dendam dan Little Napoleon Ahli Majlis. Ada sebuah gerai yang telah pun kita bina di Kampung Titi Teras, dah bina dan beroperasi, JKKK bawah negeri telah pun mengambil alih dan orang telah pun berniaga di situ sekian lama, tak dak masalah. Kemudian, disebabkan saya rasa pihak Pejabat Daerah telah menyerahkan premis itu kepada JKKN, mereka membuat undian semula. Mengapa harus dibuat kalau orang di situ menyewa gerai dengan tanpa ada *lapse* ataupun tak bayar sewa, bayar selalu. Berniaga elok, orang ramai. Kenapa nak ditukarkan? Di hantar surat JKKN Jawatankuasa Keselamatan Kemajuan dan Komuniti Titi Teras, rayuan permohonan sewa gerai JKKN Titi Teras. Merujuk kepada surat rayuan yang untuk menyewa gerai Titi Teras, dimaklumkan bahawa Jawatankuasa temu duga dan JKKN Titi Teras telah mengadakan mesyuarat bersama pada 24 September dan 27 Oktober bagi membincangkan rayuan permohonan tuan dan membuat keputusan bahawa rayuan permohonan tuan ditolak atas alasan berikut:

1. Terdapat satu laporan polis yang tuan akan mengancam individu dan orang ramai dalam komuniti Titi Teras;
2. Terdapat gejala yang tidak sihat di kawasan gerai yang mana tuan menjadi puncanya; dan
3. Tuan tidak menghormati pegawai atasan yang bertanggungjawab mengenai gerai tersebut.

Terdapat satu laporan polis, saya hantar surat pada Polis tanya betul ke ada laporan polis, betul kah orang ini mengancam, dan saya ada jawapan dia. Tidak ada ancaman. Tidak ada aktiviti tak sihat berlaku di situ. Yang Berhormat Tuan Speaker, saya minta Kerajaan Negeri prihatin. Walaupun dah punya kuasa, tapi bertimbang rasalah. Kalau kita nak bongkarkan berapa ramai gerai-gerai yang ada kaitan dengan ahli majlis yang tak dirobohkan langsung. Saya ada, saya tak mahu dedahkan di sini. Tapi, saya tau saya ada. Sebab bapa ahli majlis pernah datang berjumpa dengan saya minta tolong. Jadi saya haraplah, kalau ada gerai yang orang berniaga dengan elok, tolong jangan batal sewa. Biarkan mereka menyewa asalkan mereka membayar sewa secara berterusan tanpa ada masalah, biarkan mereka berniaga kerana itu punca rezeki mereka.

Begitu juga teguran saya kepada Kerajaan Negeri di Anjung Indah, saya buat tempat tu elok, RM200,000 lebih, saya bangkitkan dalam dewan yang lepas juga, tolonglah jaga *maintenance* gerai di Anjung Indah. Saya tunjuk gambar, ada pokok paku pakis, ada pokok-pokok yang telah tumbuh besar di atas bumbung kanvas itu. Padang Kota, saya sebut minta tolong. Tapi sampai ke hari ini pun, masih tak dibuat, tidak dijaga. Kalau ini merupakan masalah yang besar kepada Kerajaan Negeri, serahkan kepada kami, biar kami uruskan. Saya boleh ambil, bagi surat rasmi, saya uruskan. Saya akan minta peruntukan Kerajaan Pusat untuk selenggara tempat itu, bagi cantik, bagi bersih. Ini tidak, dibuat program makan durian di Balik Pulau, Durian Fest buat di situ. Orang mai tengok, apa ni. Bumbung pun tak jaga, penuh dengan sebagainya. Kalau tak boleh buat, bagi tahu kami, kami akan tolong jaga, boleh Dato'? Kita akan buat. Sebab itu saya kata semalam, ambil tak apa, tapi tolong jaga, kalau ambil tak mahu jaga, serah balik kepada kami, kami akan jaga. Kerana nikmat itu bukan untuk kami, tetapi kepada orang luar yang datang ke Pulau Pinang. Macam Balik Pulau ini, pintu masuk ke Balik Pulau adalah Anjung Indah. Masuk pun saya tengok bangunan, alamak.

Jadi, saya harap Kerajaan Negeri tolong dan jangan ambil tindakan seperti Ahli Majlis ini. Saya tau di belakang ini adalah Ahli Majlis, tolong prihatin. Dan kalau boleh selepas ini, Pejabat Daerah tolong ambil balik, saya hendak ia diserahkan kepada pentadbiran JKKK. Pejabat Daerah ambil balik, tadbir, dan berlaku adil kepada masyarakat di Balik Pulau. Begitu juga dengan pasar malam, gerai-gerai kita buat elok sekali. JKKK cuma datang kutip sewa. Baru-baru ni berlaku tak bayar bil elektrik tiga (3) bulan, dipotong, siapa yang susah? Kadar sewa dikutip, tetapi penyelenggaraan tak dibuat, bil elektrik tak dibayar. Menyusahkan orang.

Dan akhir sekali, tentang Projek Terowong Seri Pinang Tanjung 2. Ini panjang siki Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Speaker Consortium Zenith BUCG diberikan tempoh 30 tahun konsesi tol dan akan diberikan tanah deklemasi tambakan laut. Pada September 9 haribulan dalam akhbar The Edge. Disebutkan bahawa program ini projek ini akan melibatkan model pembiayaan yang luar biasa, *unusual financial model*. Kerajaan Negeri tidak perlu membayar dalam bentuk wang kepada konsortium ini, sebaliknya konsortium ini akan diberi dengan tanah seluas 110 ekar di fasa 2 Seri Tanjung Pinang yang akan dimiliki oleh Kerajaan Negeri setelah siap dan dilaksanakan oleh *Eastern and Oriental Berhad*. 50 ekar adalah di sepanjang *Gurney Drive* dan 60 ekar lagi adalah pulau buatan manusia. Ini bermakna, mereka akan mendapat 110 ekar dan juga konsesi tol terowong selama 30 tahun.

Persoalannya, apakah perkaitan di antara pembinaan terowong dan reklamasi tanah. Kerajaan Negeri difahamkan akan membayar mengikut jadual masa itu yang telah dipersetujui. Kerana Kerajaan Negeri akan membayar dengan memberikan tanah yang akan ditambah oleh pemaju lain, E & O yang mengikat kontrak dengan kontraktor lain. Dan mereka ini tidak ada kena mengena dengan pemaju dan pembinaan konsesi terowong. Bermakna, terowong dan konsesi yang lainnya tidak sama dengan orang yang akan menambak ataupun pemilik-pemilik projek Sri Tanjung Pinang 2. Tetapi pembayaran dikaitkan juga dengan tanah di Seri Pinang 2. Dan bayaran adalah dibuat secara progresif. Buat, dapat dan bayar. Ini saya difahamkan, saya nak minta penjelasan daripada Kerajaan Negeri. Apa kata jika sekiranya tanah itu lambat ditambun dan diserahkan dan adakah bermakna yang terowong itu akan berhenti bekerja. Saya nak tahu yang itu.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, saya rasa cerita terowong ini cerita yang cukup besar dan akan jadi cerita yang panjang lebar. Ada kaitannya juga dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh REHDA, bukan sekadar tadi 110 ekar. Saya dimaklumkan, setahu saya, dah beberapa penggal jadi EXCO sini, dah dibuat pemantauan, kajian geologi di sekeliling Pulau Pinang ini, tak ada pun longgokan pasir yang boleh digunakan untuk menambun pantai kita, tak ada, tak ada dah. Kecuali nak korek kat Jambatan Pulau Pinang tu. Yang itu kita *reserved*, kalau tidak ganggu, jadi sekarang pasir nak diimport masuk, berapakah kosnya? Saya nak tanya Dewan, berapakah kos nak import masuk pasir nak tambun 110 ekar? Jadi ini akan menyebabkan kosnya tinggi, selain daripada kos untuk dapatkan konsesi, kos untuk menambun dan berapa agak kalau dibuat pembangunan, berapa harga rumah yang akan dibina itu, mesti jutaan ringgit. Dan apa nak jadi pada penduduk Pulau Pinang, nak dibuat pemasaran di Hong Kong, Taiwan, merata-rata. Walaupun dikenakan RM2 juta minimum untuk dan levi apa semua untuk apa ini untuk orang luar, orang asing. Ini tak menjadi masalah kerana kalau kita gandakan duit Singapore \$2.5, duit Brunei duit apa. Jadi inilah masalah Pulau Pinang ini haruslah diberi perhatian yang lebih mendalam sebelum kita buat sebarang keputusan yang akan menjejaskan penduduk Negeri Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Dan juga saya difahamkan, ianya akan melibatkan selain daripada terowong sepanjang 6.5 km akan terdapat juga Air Itam *bypass*, 5 kilometer. George Town Inner Ring Road, 4.2 km, George Town Penang Outer Ring Road (PORR) *External Pair* Tanjung Bunga, Telok Bahang sejauh 12 kilometer. Ini semua juga akan melibatkan kos yang cukup tinggi.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Minta laluan sikit.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kita risau di manakah sumber pembiayaannya. Silakan, Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Mengenai terowong ini, ini ada soalan bertulis yang ditanya. Soalan saya Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menandatangani projek perjanjian dengan syarikat Negara China untuk harga RM6 bilion, siapakah yang menanggung perbelanjaan ini? Sekiranya ditanggung oleh syarikat Negara China, adakah peruntukan tanah akan berlaku? Jika ada, di manakah lokasi, keluasan tanah dan keluasan kaki persegi? Jawapan yang saya dapat dari Yang Berhormat Lim Hock Seng. Perjanjian awal yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. Pada 6 Oktober 2013 bukanlah perjanjian untuk membina *link* ketiga terowong dan tiga (3) buah lebuh raya. Sebaliknya, perjanjian tersebut hanyalah untuk pelaksanaan kajian kemungkinan laporan impak alam sekitar, reka bentuk terperinci, kos pelaksanaan. Ketiga-tiga proses ini adalah sebanyak 305 juta dan ditanggung oleh pihak syarikat. Sebagai balasan, Kerajaan Negeri akan menyerahkan tanah di Lot 713 atau 702 Seksyen 1, Bandar Tanjung Pinang, Daerah Timur Laut, Pulau Pinang. Dengan keluasan kasar masing-masing 5.73 ekar, lot 713 dan 3.67 ekar

bagi lot 702. Nilai tanah telah ditetapkan pada nilai ditetapkan pada nilai RM1,300.00 satu kaki persegi. *Next developer area* untuk kedua-dua lot tersebut Kerajaan Negeri masih dalam rundingan sama ada untuk menyerahkan Lot 713 atau 702. Soalnya ini untuk buat kajian itu, kita bagi tanah seluas nilai begitu, kalau kajian itu tidak benar, tanah sudah kita bagi, kita tahu defisit Bajet RM250 juta lebih, kita jual satu (1) tanah untuk kambus defisit, tapi projek kita kehilangan tanah yang bernilai RM300 juta yang boleh bantu defisit kita di masa akan datang. Saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pulau Betong. Saya sudah lama.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Okey, memang betul, terlampau banyak persoalan, bahkan apabila saya duduk fikir tentang kawasan penambakan laut itu berapakah jumlah rumah yang akan itu dibina, berapakah jumlah populasi berada di situ dan sebagainya terlalu banyak persoalan yang timbul. Memandangkan Kerajaan Negeri hanya tiada tandatangan persetujuan dengan MOU dengan konsotium untuk membuat kajian. Saya nak mendesak Kerajaan Negeri supaya menyiapkan kajian itu secepat yang mungkin dan dibentangkan dalam Dewan ini di penggal di mesyuarat akan datang. Kita nak semua supaya maklumat tentang pembangunan projek mega melibatkan Tanjong Pinang 2, dan juga Terowong di bawa dalam Dewan ini dibentangkan untuk kita bahas. Kerana ini melibatkan peta Pulau Pinang yang akan berubah kemasukan trafik yang besar *environment* dan sebagainya. Ini satu perkara serius dan saya minta supaya Kerajaan Negeri membuat ataupun menyediakan kertas putih tentang projek ini dan di bentangkan dalam Dewan yang mulia ini di sesi akan datang supaya kita tahu, kita boleh bahas sama ada boleh atau tidak boleh, kerana saya rasa masih belum terlambat kerana ia baru ditandatangani, hanyalah perjanjian untuk melakukan *business study* sahaja, *last* ya.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Minta ingin.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta laluan, sikit saja, kenyataan apa yang disebut oleh Pulau Betong. Saya ingin juga minta dan mencadangkan supaya setiap perjanjian yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan mana-mana pihak berkaitan berkaitan projek mega ini dibentangkan di Dewan ini. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Penjelasan, saya rasa *is no fee lunch event as* Kerajaan *you* mesti tengok kerana pihak sana banyak ahli peniaga, apa yang *you* suruh orang buat, *you* mesti *play list* jadi untuk Kerajaan Pulau Pinang lebih prihatin kita buat kajian dulu dan kalau sekiranya juga apa permintaan Ahli Kawasan Permatang Berangan saya rasa kalau UMNO atau Barisan Nasional boleh menunjukkan contoh teladan yang baik. Selama ini semua perjanjian kita minta itu adalah rahsia jadi sekarang bukan saya kata tidak boleh tapi sama-sama la buka semua telus juga Barisan Nasional minta kita buat yang sama.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Hj. Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Kalau CAT tunjuklah. Saya minta *very-very serious*. Saya hendak minta supaya kertas putih tentang kedua-kedua projek mega ini kerana ianya melibatkan persekitaran, sosial, ekonomi, kedudukan di seluruh Pulau Pinang dan saya rasa YB. Dato' Speaker, tidak bagi dah, saya dah lama. Saya tidak menyokong bajet ini dan minta ianya di buat semula kerana ini tidak melambangkan Bajet yang sebenar.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli Yang Berhormat, sebelum saya teruskan, ini saya nak perbetulkan dan sedikit yang Penaga Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersidang dalam Dewan ini sepatutnya faham saya memberi peluang dan ruang yang secukup untuk setiap Ahli Yang Berhormat untuk bahagian dalam perbahasan dan ini tidak boleh di anggap dan di lihat oleh Ahli-Ahli Berhormat bahawa kesabaran saya itu di anggap *take it for granted*. Saya minta bahawa semua Ahli-Ahli Yang Berhormat ikut peraturan mesyuarat yang jelas nyatakan apa yang boleh dan tidak boleh ini akan memudahkan kita semua. Seterusnya.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker. Saya ingin mengusulkan di bawah Peraturan 34 (viii) di mana Yang Berhormat Pinang Tunggal dirujuk ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan kerana beliau ingkar arahan YB. Dato' Speaker untuk mohon maaf. Merujuk Peraturan 34. Usul-usul yang berikut ini boleh dicadangkan dengan tidak payah mengeluarkan pemberitahu, (viii) usul yang kesegaraannya diakui oleh Speaker dan disokong oleh sepuluh orang Ahli-Ahli yang berdiri di tempat masing-masing.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan.

[Sepuluh (10) orang Ahli berdiri]

Sila duduk. Usul ini memerlukan sepuluh (10) Ahli yang berdiri di tempat masing-masing. Terima kasih dan saya minta Jawi untuk jelaskan lagi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Terima kasih YB. Dato' Speaker. Merujuk kepada muka surat 52 dan 53 dalam Penyata Rasmi Mesyuarat Pertama Penggal Pertama, Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Ketiga Belas yang diadakan pada 3 Julai 2013, YB. Pinang Tunggal telah memberikan contoh bahawa seorang doktor daripada kaum Cina di Hospital Seberang Jaya dan dua (2) orang doktor Cina di Hospital Kepala Batas, bila ada pesakit Melayu hadir, tulang yang patah dimasukkan besi, besi patah dia kata dia tidak boleh buat. Merujuk kepada peraturan 34(viii) saya mencadangkan usul bahawa tuduhan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat Pinang Tunggal, Dato' Haji Roslan bin Saidin berkenaan dengan tiga (3) doktor bersikap *racist* di Hospital Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam persidangan Dewan Undangan Negeri pada 3 Julai 2013 adalah tidak berasas dan bersifat *racist*.

Tujuan saya mencadangkan usul ini adalah untuk kepentingan masyarakat. Tadi kita pun dengar Penaga berkata bahawa rakyat tidak mahu melihat wakil rakyat datang ke Dewan berbincang isu-isu *racist* dan saya setuju Dewan ini wakil rakyat adalah wakil yang mewakili rakyat datang untuk berbahas itu Bajet, berbahas isu-isu tempatan dan lain-lain. Bukanlah datang sini untuk sengaja *being up the issue* tanpa *supporting evident*. Hari ini saya bangkitkan isu ini kerana saya ada *evident*. Saya mencadangkan tuduhan ini adalah untuk kepentingan rakyat. Tuduhan-tuduhan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Pinang Tunggal adalah tidak berasas dan disengajakan untuk memesong orang awam dan Dewan yang mulia ini serta mencemarkan nama baik Ahli-Ahli Dewan yang lain. Ini akan mencemarkan nama baik Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Susulan daripada soalan lisan yang dibangkitkan oleh YB. Ng Wei Aik iaitu *Member of Parliament* Tanjong dalam Dewan Rakyat pada 30 September 2013. Satu (1) laporan jawapan telah diberikan oleh YB. Datuk Seri Dr. S. Subramaniam, Menteri Kesihatan Malaysia, bahawa siasatan yang terperinci telah dijalankan, di mana kesemua pengadu dan anggota hospital yang terlibat telah dijemput untuk hadir sesi soal jawab bersama Ahli Jawatankuasa Khas Siasatan. Penjelasan tentang hasil siasatan telah dimaklumkan kepada pengadu dan mereka berpuas hati dengan penjelasan tersebut.

Pertama. Hasil siasatan menunjukkan bahawa Pegawai Perubatan gagal berkomunikasi dengan baik hingga timbul salah faham kepada pesakit berdasarkan intonasi dan gaya pertuturan Pegawai Perubatan yang disiasat. Pegawai berkenaan tidak fasih berkomunikasi dalam Bahasa Malaysia sehingga terdapat kekeliruan oleh pesakit semasa menginterpretasi penerangan yang disampaikan oleh pegawai berkenaan semasa memberi rawatan.

Kedua. Kes ini melibatkan kompetensi Pegawai Perubatan yang gagal men *diagnose* penyakit pesakit sehingga menyebabkan timbul rasa tidak puas hati kepada pesakit dan

Ketiga. Pengadu tidak membangkitkan doktor *racist* semasa siasatan dilakukan. Laporan jawapan tersebut telah membuktikan bahawa tuduhan YB. Pinang Tunggal pada 3 Julai 2013 adalah tidak benar dan sengaja memainkan isu perkauman dalam Dewan yang mulia ini. Tuduhan ini juga akan merosakkan hubungan erat antara kaum Melayu, Cina, dan India. Tambahan pula, tuduhan *racist* ini telah menjatuhkan maruah dan imej profesional doktor di Malaysia bukan sahaja di Pulau Pinang. Ini menyebabkan masyarakat kehilangan keyakinan terhadap doktor yang berlainan kaum semasa mereka ingin untuk mendapatkan rawatan daripada doktor.

YB. Dato' Speaker, sebagai seorang wakil rakyat. Saya ingin membangkitkan sekali lagi, sebagai seorang wakil rakyat tugas dan tanggungjawab beliau adalah untuk membela kepentingan rakyat dan bukan menyalahgunakan kebebasannya (*privilege*) serta membuat tuduhan yang tidak berasas dan bersifat *racist* di Dewan yang mulia ini. Saya berasa amat kecewa kerana Ahli Dewan Undangan Negeri Pinang Tunggal sebagai pemimpin dan wakil rakyat yang *senior* yang telah berkhidmat tiga (3) penggal tetapi masih tidak dapat bebas daripada isu perkauman. Walaupun negara kita telah mencapai kemerdekaan ke-56.

Sampai bila isu perkauman boleh diberhentikan? Macam mana generasi muda kita boleh bersatu padu antara kaum dan bebas daripada fikiran *racist* pada hal pemimpin kita masih berfikiran *racist* sehingga sekarang? Kita boleh lihat baru-baru ini, dua (2) hari sebelum ini Ketua Pembangkang juga membangkitkan isu-isu kedai Cina,

walaupun nama restoran Cina, dia ingat ini Cina, tak bolehlah macam ini, ini kena ada *evident some prof.* Jangan sebut Melayu, India dan Cina, apa ini, kita hendak selesaikan masalah.

YB. Dato' Speaker, maka cadangan saya adalah merujuk Ahli Yang Berhormat Pinang Tunggal kepada Jawantankuasa Hak dan Kebebasan untuk siasatan selanjutnya serta menentukan tindakan-tindakan yang wajar diambil terhadapnya. Sekian terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

YB. Dato' Speaker bagi saya izin saya bercakap. Terima kasih YB. Jawi kerana bagi bola tanggung kepada saya. Pertama saya nak sebut isu telah pun berlaku pada sidang Dewan yang lalu, saya beranggapan setelah sidang yang lalu perkara ini telah pun selesai, setelah perdebatan antara dengan Y.A.B. Ketua Menteri dan juga Yang Berhormat daripada Seberang Jaya berlaku, akan tetapi dia tidak habis di sini. Selepas saya balik dari Dewan, saya ingat lagi, apabila saya dan keluarga saya dengan kawan-kawan, kita meneliti satu perkara apa yang disebut di Malaysiakini yang mana ada di kalangan wakil rakyat dan Pakatan Rakyat yang menghentam saya sebagai mengatakan saya ini jahat, saya ini wakil rakyat yang tidak bertanggungjawab, sebagai wakil rakyat yang hanya bawa perkara-perkara yang palsu saja ke Dewan yang mulia ini. Membuat tuduhan tidak ada bukti dan sebagainya dalam Malaysiakini. Saya masih ingat lagi pada ketika itu. Maka tampil saya untuk membawa mereka-mereka yang membuat aduan kepada saya, bagi membuat penjelasan, penjelasan akhbar-akhbar, siaran akhbar, TV, radio dan sebagainya. Kalau saya pun bernasib baik, saya masih simpan antara keratan-keratan akhbar yang ada ini....{tunjuk keratan akhbar} banyak.

YB. Dato' Speaker, YB. Jawi kena ingat dan sedar kita ini wakil rakyat, apabila diberi tanggungjawab sudah tentu kita nak menunaikan tanggungjawab kita itu. Saya mendapat aduan demi aduan daripada rakyat. Saya bawa ke pengetahuan YB. Dato' Speaker di dalam Dewan yang mulia ini, saya rasa inilah tempatnya. Kalau boleh kita selesaikan dan perlu saya sebutkan lagi dalam Dewan yang mulia ini, saya sebagai seorang Islam apabila lepas sembahyang berdoa "*Ya Allah, Ya Tuhanku*, bukalah dada ku, permudahkan segala urusan ku, hilangkanlah segala kekakuan pada lidahku, biarlah aku nyatakan perkara yang benar-benar saja." Saya nak sebutkan dalam Dewan yang mulia ini tidak ada perkataan *racist* yang keluar daripada mulut saya pada hari itu, tidak ada. Saya suka pinjam ayat yang selalu disebut oleh YB. Sungai Puyu, *play the tape* ...(dengan izin), *play the tape, play the tape*. Boleh lihat hansard, tidak ada perkataan yang keluar dari mulut saya perkataan doktor *racist* yang hanya keluar daripada mulut pihak Pakatan Rakyat menuduh saya. Saya ini *racist* dan sebagainya. Malah bukan menuduh saya saja malah kepada wakil-wakil rakyat yang lain juga dituduh *racist* dan sebagainya.

Seterusnya YB. Dato' Speaker, saya mendapat maklumat daripada Ketua Jabatan bahawasanya tindakan telah pun diambil kepada doktor-doktor yang terlibat ini. Diberi kursus dalaman, makna kata ada, ada kesalahan-kesalahan. Malah saya difahamkan Pengarah Hospital juga ditukar. Suka juga saya sebut dalam Dewan yang

mulia ini, bahawasanya apabila aduan yang dibawa oleh rakyat kepada saya dan saya sebagai wakil rakyat membuat teguran yang baik ini dan mendapat liputan yang luas ke seluruh negeri malah sampai ke peringkat kabinet. Kabinet mengarahkan Kementerian Kesihatan malah Kementerian Kesihatan melalui Menteri telah pun mengarahkan Timbalan Ketua Pengarah untuk hadir ke Hospital Kepala Batas pada satu hari, yang saya pun tak ingat tarikhnya bila untuk membuat siasatan. Maka saya dapati apabila tinjauan selepas itu doktor-doktor yang terlibat ini dah pun pandai, pandai untuk menunaikan tanggungjawab melayan pesakit. Dah elok, pandai dan sebagainya dan rakyat pun merasa *happy*, seronok. Jadi itulah antara apa yang suka saya sebut dalam Dewan yang mulia ini apa yang sangkut paut dengan isu apa yang dibangkitkan oleh YB. Jawi.

Dalam masa yang sama juga YB. Dato' Speaker, saya mengambil kesempatan ini juga kalau tadi YB. Jawi ada sebut supaya saya minta maaf sebagai ini apa semua. Sekali-kali saya tidak akan minta maaf oleh kerana saya menjalankan tugas dan tanggungjawab. Kalau nak hadapkan saya ke Jawatankuasa Hak dipersilakan. Tapi dalam masa yang sama juga saya pun hendak YB. Dato' Speaker pun minta maaf dengan saya. Kalau tak, saya pun nak mencadangkan supaya YB. Dato' Speaker dihadapkan ke Jawatankuasa Hak sebab saya kemukakan soalan-soalan Lisan dan Bertulis. Soalan Lisan saya pun tak dijawab dalam buku ini, tak ada pun. Jadi saya minta YB. Dato' Speaker minta maaf dengan saya. Kalau tak, kalau YB. Dato' Speaker tak maafkan dengan saya, saya minta YB. Dato' Speaker juga dihadapkan ke Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Dalam masa yang sama juga, bila dah tumpang berdiri ni, saya pun banyak hari juga, banyak masa juga tak mai Dewan kali ini ambil kesempatan ini juga YB. Dato' Speaker hendak tanya kepada YB. Permatang Pasir. YB. Permatang Pasir, Menteri Besar Kelantan dah jumpa Dato' Seri Najib. YB. Permatang Pasir bila lagi nak jumpa? Yang keduanya YB. Dato' Speaker, saya nak juga tanya juga....(gangguan). Sat lagi jawab....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker, yang penting hari ini, YB. Dato' Speaker....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila duduk, YB. Jawi nanti dulu, biar YB. Pinang Tunggal habis?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Belum habis lagi. Seterusnya saya nak tanya YB. Penanti, ramai di kalangan wakil-wakil rakyat di belah-belah Sabah sana dah keluar mai masuk menyokong Barisan Nasional. Jadi Penanti bila?....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal, ini....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

YB. Dato' Speaker, isu yang penting sekarang bukan nak bincang Permatang Pasir atau Penanti. Isu yang penting sekali lagi....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Jawi, saya belum bagi izin lagi, nak ucap....(gangguan).

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta izin dari YB. Dato' Speaker. YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Cakap elok-elok.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya cakap elok, saya bukan cakap yang bukan-bukan, cakap tanpa tunjuk gambar, tanpa penjelasan. Saya cakap ada *fact*. Lihat Penyata Rasmi, muka surat 52 apabila ada perkembangan yang tidak sihat ini. Contoh saya boleh bagi seorang doktor dari kaum Cina dari Hospital Seberang Jaya dan dua (2) orang doktor Cina di Hospital Kepala Batas, lepas itu sambung lagi ada gangguan, sambung lagi muka surat 53, tulang yang patah dimasukkan besi-besi patah dia kata dia tak boleh buat.

YB. Dato' Speaker, saya amat kesal kerana sebagai wakil rakyat yang tiga (3) penggal, tiga (3) penggal dan kita faham satu (1) tahun Dewan bersidang berapa hari? Dua penggal, betulkah? Kalau saya silap, saya orang baru. Sebagai *senior*, sebagai wakil rakyat nak tunggu Dewan bersidang baru bangkit aduan daripada rakyat DUNnya. Memang kecewa kerana pengundi di Pinang Tunggal nak tunggu dia punya wakil rakyat selesai masalah, kena tunggu Dewan sidang baru bangkit. Wah ini doktor Cina, ini doktor Melayu, ini isu bawa sana. Senang saja, setiap hari mungkin saya kena bagi tahu dia macam mana cara saya selesai masalah. Sebenarnya kalau YB. Pinang Tunggal tak tahu tak apa, saya boleh *share*, *share* macam mana cara saya selesai aduan. Senang saja, ada aduan masuk daripada emel, daripada *message*, daripada telefon, *jot down*. Tulis surat kepada jabatan yang berkenaan. Tak bolehkah? Tulis surat kepada jabatan yang berkenaan guna sendiri punya *letter head*, tunggu jawapan mari. Takkan nak tunggu sini, bincang isu ini. Ini doktor tak mahu bantu, saya amat kecewa kerana wakil rakyat juga dia adalah perbahas dan juga untuk membantu selesaikan aduan-aduan dan masalah-masalah yang dibangkit di DUN-DUN masing-masing. Kalau bukan yang datang ke Dewan untuk membangkit isu yang ber *racist* dan juga tidak berasas ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pulau Betong kalau boleh diringkaskan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Terima kasih, YB. Dato' Speaker. Saya berpandangan kesegeraan kes itu dalam peraturan merujuk kepada masa sesi itu, ini sesi yang lain, satu (1). Yang kedua, telah banyak kali ditimbulkan YB. Telok Bahang supaya definasi *racist* ni. Kalau kita nak

menyebut nama Cina, nama Melayu, nama India dalam mana-mana ucapan kita kalau dianggap *racist*, itu agak sukar untuk kita berucap. Sebab kita dalam masyarakat Malaysia ada berbilang bangsa, berbilang kaum. Maka definisi *racist* ini saya rasa YB. Dato' Speaker harus membuat keputusan. Apakah yang diungkapkan oleh Yang Berhormat *racist* itu atau tidak, sebab kalau pandangan masing-masing ada empat puluh (40) orang, empat puluh (40) pandangan yang berbeza. Saya rasa sebagai Speaker kuasa penentu buat keputusan dan kena bagi kami itu bukan *racist* kerana kita menyebut orang ini orang Cina, orang ini orang Melayu, orang ini orang India. Tetapi kadang-kadang untuk memberi spesifik terpaksa menyebut kaum itu. Saya minta pertimbangan sewajarnya daripada YB. Dato' Speaker dan bukan lagi menimbulkan Dewan ini dan sebagainya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya minta laluan daripada YB. Dato' Speaker. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Saya ingin menarik perhatian Dewan sekali lagi daripada sesi yang lepas, sesi yang lalu. Semua di sini jadi saksi bahawa ketika itu YB. Pinang Tunggal dengan jelas menyebut tentang pengundi-pengundi beliau sebelum ini di Kampung Selamat tidak memberi sokongan kepada beliau. Cuba menggambarkan tsunami Cina berlaku ketika itu dan mengambil contoh dengan menyatakan bahawa doktor di hospital Kerajaan, doktor kakitangan awam yang YB. Pulau Betong tadi pertahankan, kakitangan awam ini bersikap *racist* tidak mahu merawat pesakit kerana berbeza bangsa dan kaum. Itu yang dibangkitkan oleh YB. Pinang Tunggal. Kita akui YB. Pinang Tunggal, kekanda saya ini dah berkhidmat tiga (3) penggal di Pinang Tunggal. Walau pun rakyat memberi sokongan turun majoriti sikit daripada 3,000 jadi 1,000 lebih. Kita tahu... (gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, sakit hati ini. Peraturan 46, menyakitkan hati saya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

YB. Sungai Aceh jangan selalu sangat sakit hati, hati itu dia dekat dengan jantung.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Doktor boleh tolong rawat ya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Tapi kita ingat lagi ketika dalam Dewan YB. Pinang Tunggal tidak langsung menimbulkan isu sama ada ianya aduan daripada pesakit atau tidak. Dia cuba menggambarkan bahawa keadaan masyarakat Pasca PRU 13 berlaku begitu sehinggakan doktor bangsa Cina tidak mahu merawat pesakit bangsa Melayu. Itu yang digambarkan oleh YB. Pinang Tunggal dan bila kita minta bukti dalam Dewan ketika itu sehingga habis sesi, beliau tidak mengemukakan bukti sehinggalah kita bawa ke luar Dewan. Kenapa kita bawa ke luar Dewan kerana ini melibatkan kepentingan umum, melibatkan imej kakitangan Kerajaan, melibatkan imej kakitangan para doktor. Sebab itu kita minta YB. Pinang Tunggal keluarkan bukti. Beliau tampil bawa sidang media, bawa pengadu-pengadu dan bila kita buat siasatan yang dibuat

daripada Kementerian Kesihatan terbukti tidak ada unsur-unsur *racist* dan perkauman. Betul berlaku masalah komunikasi itu sahaja. Sehingga hari ini, ada YB. Pinang Tunggal minta maaf kepada doktor-doktor ini, tak ada. Ada YB. Pinang Tunggal keluar menyatakan kenyataan bahawa saya silap sebut, yang saya patut sebut adalah ini tidak bercakap dengan elok, itu sahaja, tak ada. Itu yang kita minta daripada YB. Pinang Tunggal daripada sesi lepas dan kenapa hari ini kita dapat dikeluarkan sebab daripada mula sesi ni, saya dok perhati YB. Pinang Tunggal jarang-jarang sangat masuk Dewan ini. Saya pun tak tahu kenapa, saya dok tunggu juga kekanda saya ni masuk. Tapi sampai hari ini baru masuk, jadi hari ini baru kita dapat bawa usul ini. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Last, Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

YB. Dato' Speaker, adinda saya YB. Seberang Jaya. Adik saya baru belajar, kena belajar satu-satu, semua Pakatan Rakyat kena ikhtiar, nak bagi kita Pulau Pinang bersatu. Bolehkah? YB. Dato' Speaker, YB. Sungai Puyu rasa sakit hati tapi bagi saya dak, nak sakit hati buat apa.....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sungai Acheh.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Sungai Acheh, minta maaf. Saya dok berangan YB. Sungai Puyu, sahabat saya, dia tak ada. Sungai Acheh sakit hati dan bagi saya tak ada, nak sakit hati buat apa. Sebab apa yang saya bawakan adalah permasalahan rakyat. Aduan oleh rakyat dan jelas terbukti dengan apa saya tunjukkan tadi bukan saya yang bercakap, yang dicakap, yang diluahkan oleh mereka yang terlibat, nereka terlibat, saya tampil untuk sahut cabaran bagi saya kita ingat selesai di sidang dah selesai. Tapi dak Malaysia Kini hentam saya. Anak-anak saya nak buka tengok ini pun depa pun rasa malu apa yang saya kena. Tapi tak apa anak-anak orang politik dia faham akan peranan dan tugas dan tanggungjawab ibu bapa diakan. Tapi itulah hakikatnya saya bawa mereka-mereka yang buat aduan kepada saya. Mereka sendiri yang tampil dan mereka sendiri sebut. Ada satu pak cik dia sebut kalau tuan-tuan masih ingat lagi apa yang dia sebut begitu juga aduan-aduan yang lain. Dalam masa yang sama juga saya ingin jawab apa yang ditimbulkan oleh YB. Jawi. Dia kata kena tunggu masa lah, apa lah, apa semua. Saya tiga (3) penggal, YB. Jawi baru sepenggal, kena belajar banyak lagi, tempik pang-pang. Saya tempik lebih teruk lagi dari YB. Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Saya tak akan belajar sikap, YB. Dato' Speaker minta laluan. Saya tak akan belajar sikap yang datang Dewan untuk bincang isu kaum. Saya datang, saya akan ikut peraturan...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal sila teruskan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

Sedikit saja. Itu antaranya yang kata kena belajar. Sebab saya kalau dok bercakap, pang, pang, tak ada dalam peraturan. Saya belajar. Jadi apa yang saya nak sebutkan kepada YB. Jawi. YB. Jawi ni saya rasa nampak baik sikit daripada YB. Jawi yang dulu. YB. Jawi yang dulu cakap Melayu pun tak tahu. YB. Jawi ini nampak okey sikit tapi kena belajar banyak. Kalau setakat tempik sikit-sikit tu tak jadi benda, kami dulu....(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal adalah lebih baik jangan buat...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan bin Saidin):

YB. Dato' Speaker, suka juga saya sebutkan sikit lagi apa yang dibangkitkan oleh YB. Jawi, tunggu masa Dewan baru nak bok keluar itu, ini apa semua, kalau tidak wakil-wakil rakyat yang lain tak payah bawa keluar masalah longkang itu ini. Pi selesai sendiri la. Saya pun yang bersangkutan paut dengan saya, anak saya jatuh tangga patah tulang saya tak bawa pun dalam Dewan ini. Saya bawa pi selesai di luar sana. Dan banyak perkara yang bersangkutan paut dengan JKKK, Kariah, PIBG, Rukun Tetangga yang kita dapat selesaikan, kita selesaikan. Tak ada masalah pun. Ini dalam masa yang sama juga, itulah. Bagi saya menjalankan tugas adalah tanggungjawab saya YB. Dato Speaker. Untuk membantu rakyat apabila rakyat sampai ke peringkat yang satu tahap, kita pun tak sampai hati nak tengok tulang patah, sambung besi, besi patah, bengkok paha. Bila kita terima telefon pukul 11.00 malam. Saya pi *and then* lihat tengok tak sampai hati nak tengok dengan kedudukan dan keadaan yang tuan puan tengok. Dengan mengandungi lagi. Sapa boleh tengok? Sapa boleh lihat ini? Dan perlu saya tegaskan sekali lagi YB Dato' Speaker, tak ada pun perkataan *racist* yang keluar dari mulut saya. Saya masih ingat lagi. Jadi itu saja YB. Dato Speaker. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Jadi YB. Pinang Tunggal, sebelum saya nak uruskan usul ini, saya nak perbetulkan beberapa perkara yang telah pun dibangkitkan khususnya YB. Pinang Tunggal menyatakan soalan lisan beliau tidak dicetak dalam buku. Setakat yang mana yang saya dapat. Adalah tiada soalan lisan diterima daripada YB. Pinang Tunggal. Tapi...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato Speaker, Peraturan 43. Gangguan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ganggu Speaker lagi serius, duduk. biar saya habiskan. Soalan Pinang Tunggal itu timbul, saya dah minta Setiausaha Dewan untuk semak dan akan bagi jawapan. Adakah Pinang Tunggal, kalau YB. Pinang Tunggal tidak masukkan soalan lisan nanti YB. Pinang Tunggal kena minta maaf dan tarik balik.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Tidak hormat YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Suara bertempik. Hai Jawi diam.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Sungai Aceh duduk, YB. Jawi duduk. Ini urusan antara saya. Yang lain semua duduk. YB. Pinang Tunggal.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

YB. Dato Speaker, saya kemukakan tiga belas (13) soalan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tulis ada, tadi *you* sebut lisan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Yes, ya betul, maksudnya. Saya pun dah tiga penggal jadi wakil rakyat, setiap soalan-soalan yang saya hantar, selalunya dipilih antara soalan-soalan ini untuk dikemukakan sebagai soalan lisan....(gangguan) jadi kenapa? (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Yang ini saya tak setuju, (gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Kalau penggal yang lalu, soalan-soalan saya boleh dipilih untuk menjadi soalan lisan, dan juga tambahannya pula sebagai soalan bertulis.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

YB. Pinang Tunggal duduk. Saya sudah bagi peluang dan luahan begitu jelas tapi dengan hujah yang sebegini, saya rasa itu tidak benar sekali. YB. Pinang Tunggal, saya minta, kalau itu saya nak minta YB. Pinang Tunggal perlu tarik balik dan.... (gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Ini dah terbalik ni, saya yang minta YB. Dato' Speaker, minta maaf dengan saya (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tapi YB. Pinang Tunggal tak *key in* soalan lisan. Kalau tak *key in* soalan bertulis itu beza.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya tahu, YB. Dato Speaker belah mana, saya tahu. Tapi dalam masa yang sama, saya kemukakan apa persoalannya yang sepatutnya saya kemukakan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tidak. Silap. Saya mesti minta YB. Pinang Tunggal...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya bagi. Saya bagi benda yang sama juga dengan penggal...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tapi bagi soalan bertulis atau soalan lisan? Tak ada. Ini silap, tiga (3) penggal saya tidak boleh maafkan.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Setiausaha kena buat rujukan saya tidak boleh.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Kalau dalam soalan lisan sistem akan terus...(gangguan).

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Tak ada apa masalah. Saya dengan YB. Dato' Speaker, sahabat baik lama dah... (gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Sila tarik balik. Yang lain diam. Sila.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya pun dengan YB. Dato' Speaker tiada masalah. Kalau rasa saya bersalah. Dalam bab ini, saya tiada masalah kalau nak minta maaf kepada YB. Dato' Speaker. Tak ada masalah. Saya bukan minta maaf dengan YB. Seri Delima pun....(gangguan). Saya tak minta maaf dengan dia pun. Apatah lagi YB. Jawi...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okey minta maaf.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya minta maaf dengan YB. Dato' Speaker.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Okay, duduk. Ahli-Ahli Yang Berhormat, usul telah pun dikemukakan. Saya perlu uruskan usul ini. Jadi, Ahli-Ahli Yang Berhormat satu usul bahawa Ahli Kawasan Pinang Tunggal dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Ahli-Ahli Yang Berhormat, setuju?

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Boleh balikkah?

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak. Belum boleh balik.

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (YB. Dato' Haji Roslan Bin Saidin):

Saya ingat saya dah boleh balik dah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tak perlu. Ini masih menunjukkan demokrasi, anda boleh bela diri lagi di bawah jawatankuasa. Ahli-Ahli Yang Berhormat, bersetuju katakan "Ya". Yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli-Ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-Ahli Pembangkang:

"Tidak."

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya" lebih banyak. Dengan ini Ahli Kawasan Pinang Tunggal dirujuk kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan. Saya ingin teruskan dengan sesi perbahasan. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang masih ingin mengambil bahagian sila.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Assalamualaikum dan selamat pagi kepada YB. Dato' Speaker, Ahli-Ahli Yang Berhormat. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dewan yang mulia ini kerana memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan keatas ucapan Bajet Negeri Pulau Pinang 2014 oleh Y.A.B. Ketua Menteri Lim Guan Eng. Saya mempunyai cadangan penambahbaikan iaitu saya nak mencadangkan supaya diadakan proses perbincangan dan dialog pra-Bajet untuk mengumpul input dan keperluan dari ADUN, JKKK, Persatuan Penduduk, JMB (Joint-Management Body) dan NGO sebelum Bajet tahunan dibentangkan, dibahas dan diluluskan di sidang DUN. Saya juga telah memberi cadangan ini kepada Jawatankuasa Peraturan dan saya harap pihak Dewan Undangan Negeri akan meluluskan. Ini ialah untuk memastikan yang peruntukan pembangunan dan operasi adalah seimbang di antara kawasan. Sebagai contohnya, kalau kita tengok MPSP dalam jawapan soalan lisan nombor 50 sebagai contohnya. Dari tahun 2008 hingga 2013, tidak membina apa-apa gerai ataupun dewan orang ramai selama lima (5) tahun dan dari 2014 MPSP hanya merancang membina dewan orang ramai di Bandar PEERDA. Itu di KADUN Seberang Jaya. Dan lain-lain lagi la. Jadi saya memohon supaya, seperti yang diadakan di Selangor di mana ada proses dialog pra-Bajet diadakan sebelum Bajet di bentang.

Cadangan kedua, adalah cadangan penambahan peruntukan kepada anak-anak muda dan wanita terutamanya bagi yang mereka yang *graduate* ataupun graduan dan yang lulus Politeknik ke macam-macam tapi, kolej ke tapi tidak mendapat pekerjaan disebabkan oleh keadaan ekonomi yang ada sekarang. Kalau kita tengok dan kalau kita telitikan kepada keadaan kitaran ekonomi dunia. Saya juga mendapat maklumat dari mereka yang menjual bon Malaysia di *overseas* dan dari data yang kita dapat, kitaran dunia hanyalah akan naik semula selepas dua puluh tujuh (27) atau dua puluh lapan (28) tahun. Jadi dalam keadaan begitu, kebanyakan syarikat-syarikat, mengurangkan kos perbelanjaan termasuk kos sumber manusia. Jadi saya ingin membuat cadangan penambahan peruntukan.

Kalau kita tengok data dari Projek Titian Saksama Rakyat (PTSR), dari 2008 hingga 2013, bantuan pinjaman mikro kredit diberi kepada 1,509 peniaga kecil dengan nilai pinjaman berjumlah RM5.6 juta lebih kurang itu dalam lima (5) tahun. Jadi kalau kita tengok dari segi puratanya ialah RM4,000 setiap peniaga dalam lima (5) tahun, dan puratanya dalam RM800.00 setahun untuk 1,509 peniaga. Kalau tengok pula dari segi jawapan di SPT sebab saya ADUN di Penanti. Di SPT, dari tahun 2008 hingga 2013, hanya 362 peniaga sahaja yang mendapat mikro kredit. Iaitu 72.4 peniaga setahun. Dalam masa tempoh lima (5) tahun itu. Kalau kita bahagikan kepada tujuh (7) KADUN di SPT, maknanya hanya 10 peniaga setahun untuk setiap tujuh (7) KADUN itu. Dari segi data yang kita lihat. Maknanya, disetiap KADUN, hanya kalau (10) peniaga sahaja yang dapat mikro kredit. Setiap tahun. Maknanya, mungkin ada masalah peniaga tidak mendapat maklumat ataupun mereka tidak berjaya. Sebab saya tengok di sini 1,509 permohonan telah berjaya dalam tempoh lima (5) tahun. 845

permohonan telah ditolak di sini. Dan diberi di sini sebab-sebabnya ialah sebab peniagaan itu tidak berdaftar dan had umur, kurang kemampuan dari segi pendapatan dan tapak peniagaan yang tidak sah. Tapi walau bagaimanapun bila kita ambil data dan letakkan dengan data oleh MPSP, sebagai contohnya, MPSP tidak membuat tidak membina satu (1) gerai pun dari 2008 sehingga 2013. Jadi mungkin ada masalah-masalah untuk dapatkan tapak peniagaan yang sah. Jadi saya ingin memohon supaya peruntukan ini ditambah untuk PTSR terutama dalam keadaan ekonomi yang meruncingkan sekarang ini. Dan juga kita kena tambahkan tapak-tapak peniagaan. Jika kita ada pra-bajet dialog, mungkin kita boleh memikirkan keperluan setiap ADUN di kawasan, JKKK, NGO, dan persatuan penduduk boleh memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri.

Cadangan yang ketiga, saya ingin mencadangkan, projek kemasyarakatan di bina di kawasan Penanti seperti trek sukan, rekreasi, gerai makan bersepadu yang mesra *gender* dan OKU dan juga pusat-pusat inovasi untuk anak-anak muda dan pelajar-pelajar dan murid sekolah, menaik taraf dewan badminton kepada dewan orang ramai. Sebagai contohnya di kawasan perumahan Perumahan Taman Guar Perahu yang berkeluasan empat perpuluan empat (4.4) ekar. Faktor utama justifikasi yang saya ingin beri ialah sekarang ini kalau saya tengok daripada jawapan soalan mengatakan di Penanti hanya ada satu (1) tempat rekreasi yang dibina oleh PBA iaitu di Mengkuang Dam sebagai tapak jogging, tapi Mengkuang Dam ini akan ditutup. EXCO telah meluluskan ia ditutup dari 1 Februari 2014 sehingga 31 Julai 2016, maknanya dari 2014 hingga 2016 selama dua (2) tahun lebih ataupun dekat tiga (3) tahun tidak ada tempat rekreasi dan juga kalau kita tengok MPSP pun hanya bercadang untuk membina dewan orang ramai di Bandar PERDA dan tidak ada cadangan apa-apa pun tempat rekreasi. Jadi saya ingin mencadangkan disebabkan tapak di tapak lapang di kawasan Taman Perumahan Guar Perahu yang berkeluasan 4.4 ekar ini adalah tanah Kerajaan, yang ia boleh digunakan.

Saya juga telah membuat dialog bersama Kariah Masjid dan penduduk persatuan-persatuan penduduk di situ. Jadi saya ingin mencadangkan yang tempat rekreasi baru dibina bukan sahaja di Taman Guar Perahu 4.4 ekar tapi juga di *homestay* Mengkuang Titi. Homestay Mengkuang Titi juga adalah satu kawasan lapang dan juga ada taman permainan yang agak lusuh dan juga lagi satu tempat yang saya ingin cadangkan ialah di Kampung Tun Sardon. Kampung Tun Sardon mempunyai satu (1) bangunan gajah putih yang telah dibina pada 2008 sebelum PRU Ke-12, tetapi telah tidak digunakan langsung dan sekarang ini. Cadangan saya dan juga dari JKKK dan penduduk ialah dibaikpulihkan supaya dewan badminton ini boleh dinaiktarafkan kepada dewan serbaguna orang ramai dan juga bangunan usang dan rosak anai-anai di sebelahnya itu dirobohkan dan dijadikan tempat futsal.

Cadangan yang keempat, saya ingin seperti soalan lisan tambahan yang telah saya tanya pada 29 November. Saya telah tanya berkenaan dengan apakah peruntukan infrastruktur asas di kampung seperti parit dan jalan dan lampu sebab di Kadun Penanti kita mempunyai 28 buah kampung dan hanya tiga(3) taman. Sebab taman itu dibina oleh pemaju dan diselenggara oleh MPSP, tapi di kawasan kampung, sistem perparitan adalah sangat uzur dan mempunyai paya dan jalan kampung yang rosak teruk dan berlopak. Keadaan ini menyebabkan banjir kilat sering berlaku di kawasan-kawasan rendah terutamanya kalau ada taman ataupun kalau ada sekolah, semua air-air akan turun ke kampung serta terutamanya di kawasan rendah, dan juga di kawasan di mana juga ada pembangunan. Jadi saya mencadangkan supaya sistem perparitan di kampung-kampung dinaik taraf dan jalan-jalan kampung khususnya di

KADUN Penanti dibaik pulih, bukan hanya setakat mengguna peruntukan ADUN tapi peruntukan infrastruktur asas oleh Pejabat Daerah. Cadangan penambahbaikan bajet kelima yang saya ingin cadangkan ini berkaitan juga dengan proses pra-Bajet ataupun pra-Bajet dialog iaitu sekarang ini di Pulau Pinang kita ada polisi *Gender Responsive Budget* di mana polisi ini mengambil kira *input* dan dialog dan apakah keperluan yang diperlukan oleh penduduk dari berbagai golongan, dari golongan warga emas, kanak-kanak, wanita dan juga orang lelaki. Jadi saya ingin mencadangkan supaya projek pilot yang telah dibuat di PPR Sungai Pinang dan juga di PPR Ampang Jajar. Projek pilot itu telah selesai dan kita dah tengok keputusan Audit yang telah dilakukan oleh Dr. Regina dari Germany, jadi saya ingin mencadangkan supaya proses pra-bajet dialog ini juga mengguna pakai proses GRB ataupun *Gender Responsive Budget* yang telah dilakukan di kedua-dua PPR ini.

Dengan itu, saya juga ingin mencadangkan untuk ditubuhkan Jawatankuasa Tetap Gender dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang supaya Jawatankuasa ini dapat jadi satu Jawatankuasa Bipartisan yang akan mengawasi supaya peruntukan lesen dan belanjawan dari Kerajaan Negeri adalah berlandasan kepada GRB ataupun *Gender Responsive Budget*. Terima kasih itu saja, dengan saya mohon menyokong. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Terima kasih Yang Berhormat daripada Penanti, Ahli-Ahli Yang Berhormat ingin saya tanya sekali lagi ada lagi Ahli-Ahli Berhormat yang masih ingin mengambil bahagian, saya rasa tak ada dan Ahli-Ahli Yang Berhormat maka dengan itu Dewan ini telah pun selesai sesi perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014. Ahli-Ahli Yang Berhormat kita seterusnya kita berada dalam Sesi Penggulangan Rang Undang-Undang Perbekalan Tahun 2014 dan Usul Anggaran Pembangunan Tahun 2014 dipersilakan Yang Berhormat daripada kawasan Seberang Jaya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Speaker. *Assalamualaikum* dan Salam Sejahtera saya ucapkan kepada semua Yang Berhormat dan saya mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini mengenai Rang Undang-Undang Pembekalan Tahun 2014 terutamanya yang berkaitan portfolio yang telah dipertanggungjawabkan kepada saya iaitu Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan. Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih saya kepada semua Agensi dan Jabatan Negeri yang berusaha bersungguh-sungguh dalam merealisasikan perancangan projek dan program-program berkaitan portfolio saya pada tahun 2013. Walaupun kita baru berkenalan tak sampai lebih kurang enam (6) bulan tetapi mereka telah menunjukkan komitmen yang cukup tinggi dalam menjayakan program-program di bawah portfolio saya. Saya berharap kerjasama yang padu serta semangat kesepakatan yang lebih tinggi dapat disatukan bagi menjayakan pelbagai lagi perancangan yang telah ditetapkan bagi tahun 2014.

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin menarik perhatian Dewan akan ungkapan ini, ungkapan ini telah diungkapkan oleh falsafah terkemuka Yunani iaitu Plato di dalam makalah beliau *The Republic* manusia memiliki dorongan kerinduan untuk kembali ke asalnya iaitu pulang menuju Kerajaan "ide-ide." "Ide" di sini

membawa maksud kehidupan yang baik, beliau telah menjelaskan tentang idea Kerajaan yang baik atau *good governance*...(dengan izin). Plato menekankan tentang pentingnya keadilan yang padanya membawa maksud membenarkan seseorang individu untuk memenuhi tujuannya sebagaimana dikehendaki oleh fitrah. Plato juga berkata bahawa keadilan dapat mengekalkan serta mewujudkan ketiga-tiga kebaikan utama yang lain iaitu kesederhanaan, kebijaksanaan dan keberanian. Keadilan ialah sebab dan syarat untuk kewujudan ketiga-tiga kebaikan itu. Plato menganggap bahawa hidup yang baik atau kebahagiaan dapat dicapai dengan kehidupan bernegara yang baik, dengan demikian pemimpin dituntut untuk menjadi seorang yang baik, dituntut untuk menjadikan sebuah negeri itu baik dengan amalan demokrasi bersesuaian dengan aspirasi rakyat yang memilih Kerajaan ada pengaruh timbal balik antara hidup yang baik sebagai individu dan negara yang baik. Bila satu negara ditadbir dengan tidak baik tidak mungkin warganegaranya hidup dengan baik begitu juga sebaliknya. Inilah perjuangan Pakatan Rakyat selama ini, perjuangan untuk mengembalikan semula Negeri ini dan Negara ini ke landasan yang betul, menjadi model Kerajaan yang baik, Kerajaan yang peduli tentang rakyat, Kerajaan yang cekap, akauntabiliti dan telus menjadi sebuah Kerajaan harapan rakyat dan kita bermula di Pulau Pinang.

Menjadi matlamat kami untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai Negeri bertaraf antarabangsa dan pintar yang bersih, hijau dan selamat. Kesungguhan itu terpancar di dalam pembentangan belanjawan Negeri Pulau Pinang tahun 2014 sebagai testimoni komitmen Pakatan Rakyat dalam menjana pendapatan, menjimatkan perbelanjaan dan dalam masa yang sama mengagihkannya semula kepada rakyat Pulau Pinang keseluruhnya. Selaku EXCO Pertanian, untuk makluman Ahli Dewan bagi tahun 2013 jumlah pengeluaran tahunan produk pertanian seperti padi, buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman ladang meningkat daripada 275.000 tan kepada 284,000 tan setahun. Dengan nilai pengeluaran menghampiri RM647,634,000.00 setahun, purata pendapatan petani juga meningkat kepada RM3,454.00 sebulan. Peningkatan juga turut dicatatkan dalam pengeluaran hasil ternakan akuakultur dan jumlah ikan yang didaratkan di pelabuhan-pelabuhan kita. Oleh sebab itu Kerajaan Negeri komited untuk terus menjayakan projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan TKPM di Juru seluas 115.2 hektar dan zon industri akuakultur ZIA Penaga kelak, untuk makluman soalan yang telah dibangkitkan mengenai pertukaran status tanah di Taman Kekal Pengeluaran Makanan TKPM di Juru. Ini adalah demi menyahut seruan Kementerian Pertanian dan juga Kerajaan Pusat yang mana kita nak perbanyakkan lagi sumber-sumber makanan dan juga tempat-tempat pertanian di dalam negara. TKPM ini bukan hanya wujud di Juru sahaja bahkan di Ara Kuda juga ada satu TKPM yang telah dibina oleh Kerajaan Pusat yang mana statusnya sama untuk pembangunan ditukar kepada pertanian bagi menampung keperluan dan permintaan di dalam negeri dan juga pada masa hadapan di harap dapat membekalkan juga kepada negeri-negeri yang lain.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

Dato' Speaker Yang Berhormat, saya rasa cukup banggalah di atas berkenaan dengan pendapatan hasil daripada pertanian dan sebagainya dengan pendapatan yang meningkat yang dinyatakan tadi, cuma tak disentuh berkaitan dengan tanaman sayuran, ternakan tadi ada sebut, cuma di atas perkara-perkara yang saya rasa bila ada peningkatan sudah tentu ada selain daripada bentuk bantuan dan sumbangan terutamanya baja-baja. Saya masih lagi nak mempersoalkan tentang bantuan khususnya baja-baja sama ada tanaman sayur atau pertanian khususnya padi. Terima Kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Permatang Pasir, untuk makluman Yang Berhormat Permatang Pasir segala bentuk bantuan alatan untuk petani-petani kita memang telah di masukkan dalam belanjawan Kerajaan Negeri dan salurkan kepada jabatan-jabatan yang berkaitan Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan dan Jabatan Veterinar, jabatan-jabatan ini bertanggungjawab untuk menyampaikan bantuan ini kepada petani-petani kita, cuma *detail numbers* itu saya tak ingat tetapi di dalam saya akan kemukakan Yang Berhormat Permatang Pasir nanti. Saya juga merakamkan setinggi penghargaan saya atas keperihatinan Ketua Menteri dengan penubuhan Tabung Usahawan Petani Muda demi memaksimumkan kemampuan penggunaan tanah yang terhad itu Negeri Pulau Pinang dan ini memastikan kelangsungan sektor industri pertanian di Negeri ini. Pengumuman untuk mewujudkan usahawan petani muda sebagai suntikan dana sebanyak RM5,000 kepada petani-petani muda dalam bentuk mikro-kredit ini jelas membuktikan keikhlasan Kerajaan Negeri untuk membantu golongan muda dan berdaya saing dengan sektor-sektor lain di dalam Negeri ini. Selain itu demi mengekalkan sumber laut yang ada di Negeri kita. Kerana sumber laut ini adalah khazanah penting untuk para nelayan. Selain sumber dan mengekalkan ekosistem yang baik dengan usaha-usaha konservasi sumber ikan dengan pemberian tukun tiruan di Pulau Aman, Sungai Udang dan Penaga demi mengekalkan hidup spesies penyu, Kerajaan Negeri akan terus memperuntukkan Pusat Konservasi di Pantai Keracut di Telok Bahang.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, terima kasih anakanda Seberang Jaya. Pangkat anak dah tu, belum sampai cucu. Saya cukup tertarik dengan kenyataan falsafah yang disebut oleh Seberang Jaya. Ini saya tambah sedikit. Peribahasa Bahasa Inggeris menyatakan .. (dengan izin) *he who comes into equity must come with clean hands*. Siapa yang menuntut keadilan mestilah datang dengan tangan yang bersih itu saya tambah. Apa orang dulu-dulu dicakap haruslah diamalkan. Jadi merujuk kepada perkembangan pertanian, walaupun pertanian memberi sumbangan hanya 2% kepada KDNK Negeri Pulau Pinang, tetapi ianya perlu diberi perhatian kerana melibatkan ramai pengusaha-pengusaha petani-petani luar bandar.

Saya menyambut baik peruntukan untuk petani muda tadi RM5,000, boleh saya tahu berapa dananya dan berapa orang petani-petani muda yang akan terlibat. Kita amat berharap ianya dapat meningkatkan lagi usahawan petani muda dan juga saya ingin bertanya dalam soalan saya tentang akuakultur ataupun ternakan ikan dalam sangkar. Terima kasih Dato' Speaker, dimaklumkan bahawa separuh daripada pengusaha-pengusaha ikan dalam sangkar di Negeri Pulau Pinang tidak mempunyai TOL, yang tidak sah. Jadi saya minta kalau boleh Kerajaan Negeri memberi perhatian kepada masalah ini sama ada nak *legalise* mereka ataupun kalau tidak boleh mengambil tindakan sewajarnya kepada mereka. Kita kalau boleh nak tambahkan pengusaha akuakultur ini, oleh itu kita tak mahu masalah ini tak boleh dibiarkan berterusan dan kita tak mahu sesiapa sahaja datang buat sesuka hati di perairan kita. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih bonda Telok Ayer Tawar. Saya ingat seisi lepas panggil bonda. Saya tak panggil nenda. Yang Berhormat Bonda Telok Air Tawar saya mengucapkan terima kasih di atas peringatan kepada Yang Berhormat Telok Ayer Tawar saya terlupa nak sebut bahawa jumlah peruntukan yang kita akan bekalkan di dalam Tabung Usahawan Petani Muda ini adalah satu permulaan adalah sebanyak RM200,000.00, maka permulaan maka kita *flexible* bila bertambah itu kita lihat kepada 50 petani muda sebagai permulaan *pilot project* ini, kerana ini melibatkan dana awam kita tak nak letak kelompok banyak dan kita letak 50 jika ada permintaan yang lebih hasil daripada tahun hadapan dan kita akan bawa kepada perhatian Kerajaan Negeri untuk menambah lagi jumlah dana untuk tabung ini.

Mengenai isu akuakultur industri ini dan juga ternakan di dalam sangkar di laut perairan Pulau Pinang ini, untuk makluman Telok Ayer Tawar dalam mesyuarat kita saban minggu, tiap minggu memang ada proses permohonan ini masuk untuk pertimbangan pihak Kerajaan Negeri dan dalam sekarang ini proses untuk menjadikan semua kawasan ini mendapat TOL seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat Telok Ayer Tawar dan kita melihat bahawa industri ini cukup memberangsangkan dan boleh membawa pulangan yang tinggi dan bukan hanya kepada Kerajaan tetapi juga kepada rakyat dan individu-individu di dalam industri ini.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Sedikit lagi penjelasan, terima kasih Seberang Jaya. Dalam soalan bertulis saya juga Kerajaan Negeri telah memberi jawapan bahawa perancangan pembangunan untuk Pulau Jerejak fasa yang seterusnya tidak dapat dilaksanakan, oleh kerana pemandangan yang cantik di Pulau Jerejak itu telah terhalang dengan pengusaha-pengusaha ternakan ikan dalam sangkar ini. Jadi saya tak tahu apakah perancangan Kerajaan Negeri sama ada industri pelancongan dan perancangan pembangunan Pulau Jerejak ini terhalang atau terus disekat dan diteruskan oleh sebab masalah ini.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Untuk makluman Yang Berhormat Telok Ayer Tawar. Di dalam perancangan Pulau Jerejak ini bukan di dalam bidang kuasa keseluruhannya tetapi mengenai sangkar-sangkar ikan berada di hadapan Pulau Jerejak ini memang mereka telah mohon dan telah mendapat kelulusan. Maka itu saya akan serahkan pada Yang Berhormat Air Putih kerana menjaga soal tanah untuk menjawab perkara itu. Saya teruskan.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Anakanda saya minta laluan. Terima kasih anakanda 6 *series* dah ni. Dato' Speaker, saya cuma nak tanya. Apa perbezaan ternakan ikan dalam sangkar dan ternakan ikan di kolam di darat. Kemudian dari segi lesennya, selain daripada mendapat lesen tumpangan sementara di sangkar atau di darat juga ada yang TOL. Agensi mana lagi yang patut jadi sebagai pengeluar lesen supaya dapat kita memantau perusahaan ternakan ini yang tidak boleh menggugat masyarakat sekitar.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Acheh. Untuk makluman YB. Sungai Acheh, perbezaan di antara kolam di darat dan sangkar ini ada perbezaan yang agak ketara apabila melibatkan pembenihan ikan-ikan yang kecil yang perlu ada di kolam kemudian nak besarkan dia bawa di sangkar dan di letakkan di situ untuk dibesarkan kepada size-size, kalau Yang Berhormat berminat saya boleh bawa kita pergi tengok di sangkar Sungai Udang apa pun boleh. Kita pergi sama-sama yang mana kita tengok besar saiz ikan itu mereka di letakkan di sangkar ikan di laut. Tetapi untuk makluman Sungai Acheh selain daripada Kerajaan Negeri memberi kelulusan untuk pendudukan di tanah, kita juga di pihak PBT MPSP dan juga MPPP sendiri mengeluarkan lesen untuk semua ladang-ladang ternakan termasuk ikan, ayam, semua jenis ternakan dikeluarkan oleh MPSP dan juga pihak MPPP, tetapi sekarang ini saya di bawah jawatankuasa, saya sendiri telah melihat keperluan untuk melibatkan Jabatan Perikanan di dalam pemberian lesen-lesen ini kerana Jabatan Perikanan ini mempunyai kemampuan teknikal dan juga lebih arif daripada penternakan ikan dan mereka merujuk kepada PBT-PBT yang ada untuk isu-isu lesen ini.

Saya pun ingin menjawab soalan ayahanda YB. Sungai Acheh, iaitu masalah pencemaran dari kolam-kolam ikan di sekitar Sungai Udang yang telah dibangkitkan dalam seisi perbahasan ini. Masalah ini memerlukan bersepadu daripada pendidikan penternak di kawasan ini. Saya selaku EXCO telah meminta Jabatan Perikanan dan MPSP untuk turut sama menyelesaikan masalah ini untuk melaksanakan tindakan yang tegas termasuk tindakan menutup kolam ternakan akan diambil jika mereka gagal mematuhi peraturan dan larangan yang telah ditetapkan. Namun dalam masa yang sama sebelum penguatkuasaan ini berlaku saya telah berjumpa dan berdialog dengan penternak-penternak ini satu (1) tahun untuk menaik taraf dan membuang sikap-sikap yang tidak elok yang boleh menyebabkan pencemaran ini sebelum penguatkuasaan di ambil ke atas mereka.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih Seberang Jaya. Saya berminat juga untuk mengambil bahagian, untuk bertanya Seberang Jaya berkaitan dengan projek TKPM ini kerana salah satu kawasan terlibat di ZIA Penaga. Soalan satu, saya telah difaham satu (1) Jawatankuasa Teknikal telah ditubuhkan untuk menyelaras projek ini. Dan saya minta supaya Yang Berhormat dapat memberi maklumat mengenai ini. Kedua peserta yang mengambil bahagian dalam projek ZIA Penaga. Saya difahamkan ini lebih kepada *private investment* ...(dengan izin), peserta sekiranya boleh nama-nama mereka yang terlibat khususnya di Penaga.

Yang ketiga berkaitan dengan permohonan DEIA, sama ada telah diluluskan atau tidak. Sekiranya telah diluluskan adakah ianya mendatangkan apa-apa bahaya kepada kawasan pantai dan sekitarnya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Berkaitan dengan kolam ternakan ikan di Sungai Udang khususnya apabila pengeluar lesen mengeluarkan lesen oleh MPSP. Apakah syarat yang dikenakan oleh pemohon itu. Dan kedua, Seberang Jaya ketahui atau tidak di mana saya sebutkan dulu ternakan ikan di kolam ini, pengusaha-pengusaha ini selalu membuang kelodaknya di Parit 2, Sungai Udang menyebabkan parit itu menjadi cetek. Semasa

Dato' Speaker jadi EXCO Pertanian dulu ada satu (1) persetujuan dan persefahaman bersama pengusaha, pengusaha telah berjanji atas pakatan mereka, mereka tidak akan membiayai dalam mendalamkan parit tersebut kerana dilakukan oleh mereka sendiri produk-produk itu.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya respon dengan Yang Berhormat Penaga. Mengenai akuakultur Yang Berhormat, untuk maklumat proses untuk membina ZIA Penaga ini jadi amalan Kerajaan Negeri kita mengamalkan sistem tender terbuka dan menjemput sesiapa yang berminat untuk membangunkan tanah ini. Untuk makluman YB. Penaga, proses itu sudah berjalan dan sudah ada pemilihan dilakukan. Salah satu tak silap saya 19 peserta, salah satu (1) daripadanya adalah Unit Nelayan Penaga sendiri yang mana mereka telah diberi satu lot untuk membangunkan kawasan ini. ZIA Penaga ini untuk makluman Ahli Dewan sekalian adalah satu lagi projek yang mana yang pertama dan julung kalinya diadakan di Negara ini yang mana kawasan akuakultur memerlukan satu kajian DEIA ke atas projek akuakultur ini.

Di negeri-negeri lain tak pernah dibuat seperti ini untuk makluman YB. Penaga proses itu sekarang ini masih lagi berjalan dan belum lagi boleh di kemukakan untuk perhatian Yang Berhormat. Saya selaku EXCO pertanian mengalu-alukan YB. Penaga untuk terus menerus memberi saya *feedback* dan juga kerjasama di dalam memastikan kejayaan projek ZIA Penaga ini kerana kita bukan bicara soal bekalan ikan semata-mata bukan soal penternak ini tapi kita harap dengan projek ZIA Penaga ini kawasan Penaga sendiri akan dinaikkan taraf ekonomi penduduk-penduduk di kawasan itu, *Insyah-Allah....*(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Soalan tambahan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya respons YB. Sungai Aceh tadi, takut terlupa nanti. Okey, untuk yang Sungai Aceh yang mana melibatkan soal bagaimana lesen itu diberikan, *detail* nya saya ada, yang mana itu saya boleh berikan kepada YB. Sungai Aceh, tetapi di dalam perbincangan saya dengan penternak-penternak baru-baru ini. Sebelum itu untuk makluman YB. Sungai Aceh proses pendalaman baru pit yang ada di Sungai Udang telah dilaksanakan oleh JPS, melibatkan kos sebanyak RM200,000 dan pihak JPS sendiri maklum pada saya itu adalah peruntukan dari JPS. kita tak berjaya dapatkan daripada penternak-penternak ini tapi atas ketetapan itu, saya telah memberi maklum kepada penternak-penternak bahawa jika mereka masih lagi melakukan seperti apa yang disebutkan oleh YB. Sungai Aceh ini adalah salah satu sebab yang menyebabkan mereka akan digantung lesen dan ditarik balik kebenaran untuk melaksanakan program penternakan mereka di situ jadi YB. Penaga tadi.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Sikit lagi, terima kasih Yang Berhormat sebenarnya saya nak tanya sama ada Kerajaan Negeri akan mengeluarkan pembiayaan ataupun projek ini dibiayai sendiri oleh peserta-peserta itu sahaja.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Untuk makluman YB. Penaga, projek ZIA Penaga ini Kerajaan Negeri melalui CMI menyediakan tanah untuk pengusaha-pengusaha ini, tetapi dari segi kerja tanah dan penyediaan kolam akan dibiaya oleh pihak swasta dan pihak peserta sendiri, YB. Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Kita lihat dari segi industri akuakultur adalah industri yang penting kerana keperluan ataupun jumlah ikan di laut semakin berkurangan dan perlu dipertingkatkan dari segi penternakan ikan air tawar ataupun penternakan ikan dalam sangkar. Jadi saya harap kalau boleh kita cuba galakkan cari tempat yang sesuai, kita buat penternakan ikan dalam sangkar di sungai-sungai yang bersesuaian, mungkin Sungai Muda dan juga 2, 3 kawasan yang sesuai dan pernah dibuat di kawasan Sungai Muda penternakan ikan Talapia dan saya rasa ikannya cantik dan tidak hanyir mungkin orang boleh, jadi kita kalau boleh cari kawasan yang sesuai untuk dibuat ternakan akuakultur ikan dalam sangkar di sungai-sungai yang banyak di kawasan yang ada sungai dan kalau boleh galakkan juga orang untuk makan, buat satu promosi untuk makan ikan sungai. Kadang-kadang orang tak mahu makan tapi sedap, sebab ikan Talapia dan sebagainya. Dari segi penguatkuasaan kalau boleh dipertingkatkan penguatkuasaan di dalam sungai. Saya baru ini melawat di kawasan Sungai Dua ada pukuk-pukuk kecil yang direntang di tepi-tepi sungai yang menyebabkan anak-anak ikan ini mati. Kesalahan dari segi perikanan kalau boleh dikuatkuatkan dan dipertingkatkan penguatkuasaan supaya pukuk-pukuk ini boleh dihapuskan. Baru ini YB. Seberang Jaya ada melepaskan anak ikan, anak ikan itu akan mati kalau sangkut di pukuk-pukuk yang kecil. Satu lagi nelayan sungai di kawasan Sungai Dua, Permatang Pasir sebelah sana, nelayan sungai ini sekarang ia tergantung nak pergi ke perikanan pun susah nak pergi ke LKIM pun tak boleh, dia nak masuk dalam LKIM pun susah, dia tak dapat kemudahan-kemudahan dari segi peruntukan dan sebagainya mungkin agak berkurangan, kalau boleh dicuba cari satu kaedah supaya mereka dikelaskan dijadikan sebagai satu kumpulan yang mendapat perhatian daripada pelbagai pihak terutamanya Jabatan Perikanan dan sebagainya, terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Saya ada soalan berkenaan dengan Sungai Terus di Kampung Terus dia mempunyai udang-udang yang sangat bagus, tapi saya tak nampak apa-apa industri, tak ada nampak apa-apa pembangunan apa benda la kat situ dari segi sektor perikanan. Apa yang saya nampak adalah satu rumah pam yang dah jadi gajah putih, lagi satu ada tempat stor. Bot-bot nelayan tetapi stor bot-bot nelayan ini di lokasi yang tersangat jauh daripada jeti. Jadi saya ingin mencadangkan kalau EXCO pertanian dapat membantu di kawasan kampung terus dan juga masalah apa itu empangan Ampang Jajar, saya diberitahu empangan itu tak berfungsi, tapi jawapan yang saya terima itu tak ada kaedah apa-apa penyelesaian dibuat sebab ia menjejaskan laluan bot-bot di situ.

Seterusnya saya ada satu soalan ini ada berkaitan dengan apa yang disyorkan oleh Asia Development Bank (ADB) baru-baru ini semasa mesyuarat Ketua-ketua Menteri dan Gabenor, Gabenor Indonesia dan Thailand di mana kita Pulau Pinang telah menjadi tuan rumah untuk tahun ini apa yang disyorkan oleh Asia Development Bank (ADB) ialah Pulau Pinang tahap industri kita sangat tinggi. Jadi apa di laporkan ialah tahap ...(dengan izin), *food security* keselamatan makanan disebabkan dia mengesyorkan Asia Development Bank (ADB) mengesyorkan supaya pulau pinang fokus kepada keselamatan makanan ...(dengan izin), *food security*. Sekiranya berlaku kemarau di negara-negara pengeluar makanan jadi saya harap Yang Berhormat dapat memberi apakah jawapan terhadap *food security* yang ada di Pulau Pinang dan juga jawapan terhadap soalan tadi, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih ahli YB. Sungai Dua dan YB. Penanti. Untuk makluman YB. Sungai Dua memang betul dengan seperti yang disebutkan oleh YB. Sungai Dua nelayan-nelayan sungai ini nasib mereka tidak terumbang ambing dan saya maklum tentang masalah-masalah yang mereka hadapi terutama pengkalan-pengkalan mereka, jeti-jeti mereka. Untuk makluman YB. Sungai Dua, saya pun dimaklumkan YB. Sungai Dua berusaha untuk menambah baik Pengkalan Machang di Sungai Dua dan saya pun akan membantu YB. Sungai Dua untuk menambah baik jeti itu.

Untuk makluman YB. Penanti jeti di Sungai Terus memang kita sudah dalam perancangan yang mana saya telah mengarahkan pegawai saya untuk melihat kesesuaian dan keperluan membuat jeti di situ. Mengenai yang disebut oleh YB. Penanti mengenai *food security* di Pulau Pinang kita hanya ada dua (2) sahaja sumber makanan yang *secured* iaitu yang pertama ayam dan yang kedua khinzir itu saja, yang lain kita masih perlu ambil dari luar iaitu daripada negara luar dan negeri luar dan sebab itu, di dalam dasar agro pemakanan, agro makanan negara yang dikeluarkan berikutan peristiwa 2008 yang mana *import* makanan ini terjejas di dalam Negara menjadi dasar kementerian dan semua jabatan-jabatan negeri untuk meningkatkan taraf *food security* di dalam negeri-negeri dan ini menjadi fokus sebab itu kita menubuhkan kawasan-kawasan seperti KKTM, kawasan-kawasan seperti ZIA Penaga kerana untuk menambah *food security* ini dan mengurangkan kebergantungan kepada sumber-sumber makanan yang diimport.

Untuk makluman YB. Penanti juga bagi meningkatkan lagi sumber padi di dalam negeri kita ini. Kita telah meminta dan juga mendapatkan khidmat tunjuk ajar daripada pihak MARDI sendiri daripada kementerian sendiri tentang projek-projek di bawah MMKPA, yang kita nak *sorry* EPP11. YB. Sungai Dua dia tau sebab kami selalu duk bincang benda ini EPP11...(ketawa). EPP11 dia warga tani dia tahu apa kita ni jadi EPP11 ini untuk menambah baik tanah-tanah terutama di luar jelapang dan juga tanah-tanah terbiar. Baru ini YB. Dato' Salleh Man juga mencadangkan supaya tanah-tanah Majlis Agama yang terbiar mungkin digunakan untuk keperluan pertanian itu antara cadangan yang kita buat dan *food security* memang jadi matlamat saya selalu EXCO Pertanian memastikan perkara ini ditingkatkan dalam tempoh perancangan masa hadapan, ya Yang Berhormat teruskan...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ada sebut tentang padi tadi, cuma saya nak dapat pandangan daripada YB. Seberang Jaya, bagaimanakah cara kaedah kita nak atasi masalah tanah-tanah sawah ini terutama di kawasan saya sendiri telah banyak ada pembangunan lain, ada bangunan Burung Walet, kena ada tanaman lain seperti kelapa sawit dan juga bangunan perumahan. Jadi sedangkan makanan pertama kita beras daripada padi, sawah kita, kita biarkan begitu jadi kecil dan produk padi itu kurang, perkara ini saya timbul lama dah tetapi tak ada satu pun tindakan yang dapat kita laksanakan sebagai contoh tanaman kelapa sawit, dia melahirkan banyak tikus dan tikus itu menjadi musuh kepada tanaman padi betul tak? Jadi susahlah depa nak tanam padi dapat hasil yang *target* kita berapa 6 tan contohnya, di Sungai Aceh tak sampai takat itu sekarang banyak pula burung-burung walet punya halangan menjadi satu halangan dan pengusaha-pengusaha sawah, terima kasih doktor.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Aceh masalah berkaitan dengan penggunaan tanah di mana bangunan-bangunan burung walet dibina berdekatan sawah-sawah padi ini menjadi perhatian yang kita semenjak saya mengambil alih tugas ini. Di peringkat jabatan sendiri kita memang mengkaji cara menghalang dan mengkaji kawasan dan rumah-rumah burung walet. Untuk makluman YB. Sungai Aceh *average national* di dalam penghasilan dan pengeluaran padi di seluruh negara ada lebih kurang 4 tan, tapi Pulau Pinang mencatatkan hampir 6 tan *average*, dari segi pengeluaran saya merasakan Pulau Pinang ini merupakan yang terbaik berbanding negeri-negeri lain yang saya merasakan mempunyai tanah yang begitu luas tetapi tidak dapat mengeluarkan hasil dan *average* seperti Pulau Pinang yang mana Pulau Pinang gandingannya Selangor, yang mana mengeluarkan padi yang banyak...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh saya tanya sikit lagi terima kasih, berkaitan pertanian ini tadi YB. Sungai Aceh ada bertanya mengenai bangunan burung walet dan saya dapati di kawasan saya pun terdapat juga bangunan burung walet dibina di dalam sawah. Saya ingin bertanya YB. Seberang Jaya sama ada bangunan-bangunan ini dibina dengan kelulusan MPSP ataupun sekiranya tidak mendapat kelulusan yang sempurna adakah tindakan akan diambil oleh Kerajaan Negeri terhadap bangunan-bangunan tersebut dan juga apakah langkah-langkah lain yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri sekiranya didapati bahawa mereka melanggar sebarang undang-undang berkaitan dengan pembangunan tersebut, sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Minta penjelasan, minta izin cuma saya nak pengalaman dalam kes-kes tambak tanah ini di Penaga, di kawasan-kawasan sawah padi memang berlaku penambah tanah yang agak luar biasa, jadi tindakan kadang-kadang saya dengan JPS pernah ambil tindakan jangan tahan, jangan masuk sampai dia pecah pagar yang untuk pecah masuk jadi dia pihak pemaju ini dia gunakan surat daripada Majlis, dari PBT dia cakap dapat surat dari PBT dia benarkan mengambil tanah dan pihak lain, pihak kita di peringkat jabatan JPS dan sebagainya tak dia mai pula hari Ahad, hari cuti tu dia mai tambun setengah, memang dari segi tanah memang dibenarkan, 1/3 untuk tambun tapi kalau di kawasan yang melibatkan sistem pengairan yang ada mengganggu memang

patut diambil tindakan dan saya harap benda ini akan dipandang serius Kerajaan Negeri supaya tanah-tanah pertanian ini tidak berkurang, ia merupakan *food security* untuk kita di Pulau Pinang jadi terima kasih...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh Bin Man):

Minta tambahan sikit, saya tertarik juga apa yang disebut YB. Sungai Dua berkenaan tanah-tanah pertanian, dulu saya pernah sebut bahawa tanah-tanah pertanian dijadikan sebahagian daripada jelapang padi untuk Pulau Pinang, tapi oleh kerana akhir-akhir ini apa nama tambunan, timbunan pasir tambak kawasan-kawasan pertanian akibat berlakunya mungkin kekurangan tanah-tanah untuk dijadikan tempat pertanian. Cuma saya nak tanya satu kebenaran berkaitan apabila kita lulus, tahu tanah-tanah ini bila nak buat tanah pertanian untuk dibangunkan bangunan perlu kepada ubah syarat. Jadi setakat mana dari segi kedudukan ubah syarat untuk dari tanah pertanian untuk dibangunkan tanah tersebut.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya ingat panjang sangat, banyak soalan ini. Saya ingat saya jawab dulu mengenai YB. Permatang Pasir sebut itu prosesnya seperti biasa melalui Jawatankuasa Tanah dan juga perlu ada kelulusan daripada Jawatankuasa Tanah, tapi setakat hari ini kebanyakan seperti yang disebut oleh YB. Sungai Dua penambakan-penambakan yang berlaku tambakan haram, yang mana mereka tanpa kelulusan sebenarnya masuk dan menambak tanah-tanah di kawasan ini. Penguatkuasaan memang sedang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan, tetapi satu yang perlu kita ingat adalah mereka yang tinggal di situ terutamanya petani sendiri, kumpulan peladang sendiri yang ada di kawasan itu perlu memantau selalu dan memaklumkan kepada penguatkuasa-penguatkuasa kerana kita mendapat laporan kadang-kala apa yang berlaku yang mana sebelum penguatkuasa sampai, mereka dah lari dulu masalah "tonto." Ini adalah masalah-masalah yang dihadapi tetapi untuk makluman Yang Berhormat semua, satu proses pemutihan tanah-tanah pertanian sedang dijalankan. Kita mengira balik berapa banyak sebenarnya tanah-tanah yang memangnya digunakan untuk pertanian di Negeri Pulau Pinang ini. Saya ingin teruskan perbahasan saya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Yang Berhormat berkaitan dengan bangunan-bangunan burung walet yang dibina di sawah-sawah sama ada bangunan-bangunan ini diperolehi kelulusan daripada Pihak Berkuasa, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Isu burung walet ini seperti saya sebut masalah yang kita hadapi sekarang mereka berpindah keluar daripada kebanyakannya daripada kawasan-kawasan pekan, mereka keluar pergi ke kawasan pertanian, mereka menggunakan klausa $\frac{1}{3}$ itu, satu (1) tanah boleh ditambun untuk buat bangunan, jadi mereka menggunakan klausa itu untuk membina rumah burung walet ini dan masalah rumah burung walet ini bukan hanya masalah di Pulau Pinang, di seluruh Negara dan saya percaya di peringkat Kementerian ini memang ada usaha-usaha untuk mengekal permasalahan ini.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya rasa berkaitan 1/3 tadi, berkaitan dengan tanah, soalan saya tadi berkaitan dengan kelulusan daripada MPSP. Contohnya sebab untuk membina sesuatu bangunan, kelulusan bangunan perlu diperolehi daripada pihak Kerajaan Tempatan, jadi sama ada perkara ini telah diperolehi atau tidak, sekiranya tidak diperolehi, maka bangunan yang didirikan ataupun yang telah didirikan adalah didirikan secara haram. Soal tanah lain, soal mendapat kelulusan untuk membina itu datang daripada PBT Saya harap sekiranya berlaku perkara ini saya harap Kerajaan Negeri sepatutnya mengambil tindakan yang sewajarnya sebab macam kita katakan tadi tanah-tanah ini adalah penting sekali untuk *food security* ...(dengan izin).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Untuk persoalan itu, mengenai kelulusan daripada pihak PBT, saya rasa EXCO Padang Kota lebih layak untuk menjawab itu kerana mengenai kelulusan daripada pihak PBT. Saya ingin meneruskan penggulangan saya pada hari ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Sikit sahaja, lagi ada kaitan tadi. YB. Seberang Jaya yang popular hari ini banyak kami tanya menunjukkan membuat kerja. Bila sebut Padang Kota sebenarnya Seberang Jaya pun ada juga tanggungjawab sebab tanah pertanian kena dapat pandangan dan ulasan daripada jabatan, saya rasa sebab tanah pertanian makna kita EXCO, sebagai EXCO Pertanian, kemudiaanya kita jangan lepaskan tangan maknanya seharusnya setiap pembinaan dan pembangunan yang nak dibuat di kawasan itu kena dapat ulasan dari jabatan teknikal tertentu, kalau kata tanah pertanian, pertanian berhak memberi pandangan jadi itulah Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Saya rasa untuk menjawab semua persoalan yang telah ditimbulkan oleh YB. Sungai Aceh dan juga YB. Penaga, saya rasa saya akan minta nanti YB. EXCO daripada Padang Kota untuk mengeluarkan statistik berapa kelulusan yang telah dikeluarkan nanti untuk dibentangkan dalam Dewan. Boleh Yang Berhormat? Boleh Telok Bahang. Terima kasih.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seberang Jaya, jadi kita sambung. Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari.

Dewan disambung semula jam 2.30 petang

Setiausaha:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesi penggulungan disambung semula, silakan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih, YB. Timbalan Speaker, saya ingin teruskan ucapan penggulungan saya pada hari ini dengan memasukkan isu portfolio kesihatan saya..(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Minta laluan, sebelum pergi ke isu lain saya hendak bertanya sedikit mengenai dari segi lautan tentang *deep fishing*, *fishing* dan juga satu isu *seagrass bed* jadi Media Bank menjadi salah satu kawasan untuk *ecosystem* kehidupan lautanlah, apa pandangan daripada EXCO tuan.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih kepada perkara yang dibangkitkan oleh YB. Tanjung Bunga. Perkara itu memang menjadi perhatian daripada Jabatan Perikanan dan Jabatan Laut tentang kepentingan untuk mengekalkan *ecosystem* ini, tetapi soalan ini tidak dibangkitkan sebelum ini, jadi saya tidak *prepare all* program yang telah kita laksanakan saya akan *get back* kepada YB. Tanjung Bunga mengenai perkara ini.

Izinkan saya untuk teruskan penggulungan pada hari ini dengan portfolio saya seterusnya portfolio kesihatan. Dalam memastikan rakyat Pulau Pinang menjadi masyarakat yang sihat dan demi melindungi generasi masa hadapan negeri ini. Satu usaha menyeluruh telah dimulakan dengan inisiatif Pusat Dialisis CAT, Penang Sihat, PENBAR (Penang Bebas Asap Rokok) dan program pemeriksaan mamogram percuma untuk wanita Pulau Pinang dengan tema Sayangi Wanita Pulau Pinang.

YB. Timbalan Speaker, bagi menjayakan Agenda Ekonomi Saksama melalui Bajet 2013 pada tahun ini, pelbagai inisiatif yang dirancang oleh Kerajaan Negeri telah berjaya dilaksanakan, yang paling terkini adalah Pusat Dialisis CAT. Kerajaan Negeri telah merasmikan Pusat Dialisis CAT di Balik Pulau dan disempurnakan oleh Ahli Parlimen Permatang Pauh, YB. Dato' Seri Anwar Ibrahim. Pusat Dialisis ini merupakan satu-satunya Pusat Dialisis yang seumpamanya ini yang dikelola oleh Kerajaan Negeri bersama pihak swasta seperti B. Braun. Pembukaan pusat ini membuktikan keprihatinan dan kesungguhan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan rakyat Negeri Pulau Pinang dengan memastikan setiap rakyat terutamanya yang kurang berkemampuan mendapat hak penjagaan kesihatan yang sama seperti rakyat lain. Hasil kepintaran kepimpinan dan rundingan Kerajaan Negeri, maka kita berupaya mendapatkan sumbangan mesin dialisis dari pihak swasta untuk bersama-sama mendukung hasrat Kerajaan Negeri bagi membela kebajikan rakyat Negeri Pulau Pinang. Sebagai sebuah Kerajaan yang telus, pemilihan pesakit juga dibuat secara adil agar pesakit yang benar-benar memerlukan rawatan segera tidak tercicir. Untuk masa hadapan, sebuah lagi pusat dialisis akan diwujudkan di Seberang Jaya tidak lama lagi dan Kerajaan Negeri berhasrat untuk memanjangkan usaha ini agar sampai ke seluruh daerah di Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli Dewan Yang Berhormat sekalian, baru-baru ini satu program yang dipanggil program Penang Sihat telah dilancarkan yang mana program ini adalah satu platform di mana kem-kem kesihatan akan dibentuk bersama dengan kerjasama Jabatan Kesihatan Negeri dan badan bukan Kerajaan untuk bersama-sama menjalankan pemeriksaan kesihatan dan mempromosikan gaya hidup sihat di kalangan rakyat Pulau Pinang melalui pameran dan ceramah-ceramah kesihatan. Objektif utama program ini adalah bagi membangkitkan kesedaran masyarakat berkenaan bahaya penyakit (NCD) *Non Communicable Disease* seperti Diabetes Mellitus, Hipertensi dan juga penyakit kardiovaskular. Sebagai permulaan program ini akan dilaksanakan sebulan sekali di setiap KADUN di seluruh Negeri Pulau Pinang. Program ini akan ditingkatkan kekerapannya berdasarkan respons yang diterima daripada setiap kawasan. Program ini diharap akan dapat membantu Kerajaan Negeri untuk *reach out* atau menghampiri dan mendekati golongan-golongan yang kurang berkemampuan dan juga mereka yang berada di kawasan desa.

Seperti yang semua maklum, Kerajaan Negeri telah mengumumkan satu inisiatif yang dipanggil Penang Bebas Asap Rokok, ini adalah satu usaha mulia yang telah dimulakan oleh Yang Berhormat Mantan EXCO Kesihatan dari Sungai Puyu bersama dengan Jabatan Kesihatan Negeri dan juga Mysihat daripada Kementerian Kesihatan. PENBAR menjadi platform untuk mewujudkan persekitaran dan udara yang lebih sihat dan bebas daripada asap rokok. Orang-orang cerdik pandai selalu menyebut kepimpinan melalui teladan. Maka saya menyeru Ahli-Ahli Dewan yang merasakan diri mereka adalah perokok diharap dapat menghormati undang-undang dan menunjukkan teladan yang baik dengan tidak menghidupkan rokok di kawasan bangunan Dewan yang mulia ini. Ini demi menjaga imej Dewan yang mulia ini dan juga menjaga imej Yang Berhormat sendiri. Sebanyak enam (6) kawasan telah digazetkan sebagai kawasan PENBAR pada 2012 iaitu, enam kawasan rekreasi tersebut ialah Taman Perbandaran, Jalan Utama, Botanical Garden, Jalan Air Terjun, Empangan Air Itam, Empangan Telok Bahang, Taman Bandar Ampang Jajar dan Empangan Mengkuang, Berapit.

Baru-baru ini juga, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) di bawah kepimpinan YB. Permatang Pasir, telah melancarkan apa yang dipanggil sebagai MASBAR (Masjid Bebas Asap Rokok) selari dengan fatwa yang telah diwartakan pada 18 November 2004, bahawa merokok itu adalah haram, dengan pengumuman MASBAR ini, maka 207 buah masjid di seluruh Pulau Pinang kini adalah kawasan bebas asap rokok dan bernaung di bawah program Penang Bebas Asap Rokok (PENBAR). Demi meneruskan usaha ini, satu kajian lapangan telah dijalankan sepanjang tahun ini dalam menjadikan kawasan Warisan George Town sebagai kawasan Penang Bebas Asap Rokok dalam tempoh setahun yang akan datang ini.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Seberang Jaya, merujuk kepada program tanpa rokok di masjid-masjid, saya rasa hebahan tidak menyeluruh dan tidak semua masjid tahu tentang perkara ini sebab saya pun tidak pernah mendengar macam kata pemberitahuan di dalam masjid diadakan dan masih lagi banyak masjid-masjid masih lagi membenarkan jemaah mereka menghisap rokok, so mungkin kalau hendak buat kenalah serius lagi dan mungkin boleh membuat hebahan yang berterusan

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Untuk makluman YB. Pulau Betong dalam sesi perbahasan ini pun YB. Permatang Pasir telah menyebut bahawa perasmian telah dilakukan pada 8 Disember baru-baru ini hari Ahad di Masjid Abdulah Fahim di Kepala Batas dan saya dimaklumkan ketika program itu bahawa Majlis Agama Islam telah menyediakan peruntukan sebanyak RM250.00 untuk menaikkan papan-papan tanda di semua masjid dan disampaikan kepada kariah-kariah dan saya ucapkan terima kasih atas sokongan yang ditunjukkan oleh YB. Pulau Betong ke atas program ini dan kita harap ianya akan lebih meluas lagi dan akan mendapat sokongan daripada semua rakyat yang ada di Pulau Pinang.

Saya ingin teruskan hasil kajian PENBAR kawasan Warisan George Town ini menunjukkan inisiatif ini telah diterima lebih daripada 70% sokongan daripada responden. PENBAR tidak bertujuan untuk menafikan hak perokok, tetapi bertujuan untuk memaklumkan kepada perokok bahawa ada tempat atau kawasan terbuka yang khusus untuk anda merokok. Jika amalan lalu adalah mengazetkan kawasan larangan merokok, kini kita mengubahnya kepada pengazetan kawasan-kawasan yang dibenarkan merokok. Langkah ini diharap dapat menjaga dan melindungi mereka yang tidak mahu terdedah kepada asap rokok yang boleh membahayakan kesihatan ini. Ini selari dengan matlamat menjadikan Pulau Pinang, sebagai sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar yang Bersih, Hijau, Sihat dan Selamat. Sebagai bukti keperihatinan Kerajaan Negeri, kita komited dalam melafazkan rasa kasih dan sayang kita kepada golongan wanita di Pulau Pinang. Selain program Ibu Tunggal, Ibu Emas, Warga Emas, Anak Emas, Pelajar Emas, Kerajaan Negeri akan memulakan program pemeriksaan mamogram percuma untuk wanita-wanita negeri ini. Usaha ini telah dimulakan dengan membuka (RFP) *Request For Proposal* pada Oktober lepas dan dijangka akan dimulakan seawalnya pada Mac tahun hadapan. Dengan kewujudan program ini, maka diharap kesedaran dan pengesanan awal berkenaan penyakit-penyakit melibatkan payu dara seperti kanser dapat ditingkatkan. Penyediaan perkhidmatan ini melibatkan peruntukan sejumlah RM3.5 Juta. Program ini akan menambah nilai kepada program Ibu Emas dan juga memperkasa Briged Wanita dan juga memperkasa Briged Wanita di seluruh KADUN Pulau Pinang.

Untuk perhatian semua Ahli Dewan saya ingin menarik perhatian Ahli Dewan mengenai isu dan masalah denggi di Negeri Pulau Pinang, bukan hanya di Negeri Pulau Pinang, tetapi cacatan peningkatan kes ini berlaku di seluruh Negeri dan kebanyakan melibatkan kawasan berkepadatan tinggi. Untuk tahun 2013 jumlah kematian yang telah dicatatkan di Pulau Pinang sebanyak lima (5) kematian dan ini meningkat dari satu (1) kematian sahaja pada tempoh yang sama pada tahun 2012. Saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih dan juga setinggi penghargaan kepada semua anggota-anggota kesihatan negeri, Unit Vektor daripada MPSP, MPPP yang saban hari dan saban minggu bertungkus lumus untuk membantu dan juga mengurangkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes ini tetapi saya masih merasakan tahap penyertaan komuniti di dalam negeri ini masih berada di tahap rendah untuk membantu, untuk memerangi masalah penyakit denggi ini di kawasan-kawasan yang terlibat. Maka saya menyeru pada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk sama-sama *mobilized* dan menggerakkan terutamanya JKKK dan juga jawatankuasa-jawatankuasa yang ada di kampung dan juga di taman-taman untuk bersama-sama kita menangani isu denggi ini dengan menghapuskan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes ini.

Mengenai isu yang dibangkitkan oleh kekanda saya daripada YB. Bertam berkenaan dengan premis makanan yang tidak bersih sehingga bulan November 2013 sebanyak 685 pemeriksaan dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri terhadap premis-premis makanan berdasarkan risikan dan aduan awam. Ini adalah *out of the routine inspection* yang dilakukan oleh Jabatan Kesihatan Negeri melibatkan 685 restoran dan juga premis makanan. Walau bagaimanapun sebanyak 22 operasi pemeriksaan rasmi yang mana *routine inspection* telah dibuat dalam tahun 2013 melibatkan sebanyak 7,853 buah premis makanan seluruh Negeri Pulau Pinang. Dari jumlah tersebut hasil kajian mereka mendapati sebanyak 159 buah kedai yang beroperasi selama 24 jam terlibat dengan pemeriksaan yang dijalankan. Saya faham akan kesan dan juga kekhawatiran yang disebut oleh YB. Bertam bila dibuka 24 jam bila waktu mereka bersihkan, ianya terpulang kepada operator masing-masing untuk mengekalkan tahap kebersihan, selagi mana restoran itu buka 24 jam, buka 2 jam, buka berapa jam sekali pun tidak bersih kita akan tutup itu adalah SOP dan juga *standard* piawaian yang kita pakai. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri juga sedang mengusahakan agar tindakan undang-undang boleh terus diambil oleh pegawai-pegawai dari Pihak Berkuasa Tempatan terhadap premis yang tidak bersih ini melalui penurunan kuasa kepada pegawai PBT daripada Menteri Kesihatan sendiri. Penurunan kuasa kepada pegawai PBT ini dapat menjadikan penguatkuasaan yang dibuat agar lebih efisien dan berkesan dalam mewujudkan premis persekitaran yang bersih dan sihat dalam Negeri Pulau Pinang. YB. Timbalan Speaker, saya ingin masuk kepada penggulungan mengenai isu portfolio pembangunan desa, sokongan dan (gangguan).

Ahli Kawasan Berapit (YB. Ong Kok Fooi):

Minta laluan, YB. Seberang Jaya, sebelum masuk ke kategori lain mengenai kesihatan ya. Pada Isnin yang lalu saya dah cadang kepada YB. Sungai Puyu dan YB. Seberang Jaya mengenai Skim Insuran Perlindungan kepada Warga Emas, Skim Perlindungan Perubatan Warga Emas, tetapi sebab melihat YB. Sungai Puyu tidak hadir, tak tahu bila dia balik, dan saya minta perhatian daripada YB. Seberang Jaya untuk meneliti dan melihat bagaimanakah Kerajaan boleh melaksanakan Skim Perlindungan Insuran Perubatan Warga Emas untuk menolong warga emas yang hidup di Negeri Pulau Pinang yang semakin hari melihat keadaan perubatan yang meningkat begitu banyak dan mereka sukar, kalau mereka jatuh sakit mahu pergi ke hospital atau mendapat rawatan yang sempurna.

Lagi satu (1) mengenai program-program atau projek-projek Negeri Pulau Pinang adalah bagus tetapi ada satu faktor tercicir iaitu mengenai belia dan beliawanis, di keadaan kebanyakan belia dan beliawanis melimpah tekanan jiwa sebab ekonomi yang lembab dan kebanyakan *problem-problem social* yang nampak sistem kita kurang kaunseling yang sempurna untuk memberi kaunseling kepada belia dan beliawanis yang menempah tekanan jiwa dan kebanyakan mereka tiada tempat untuk mencari pertolongan dan akhirnya berlaku beberapa kes bunuh diri di Negeri Pulau Pinang. So saya harap Jabatan Kesihatan di bawah portfolio YB. Seberang Jaya boleh meneliti mekanisme yang boleh memberi pertolongan kepada belia dan beliawanis atau murid-murid di sekolah bila mereka menghadapi masalah hidup atau tekanan jiwa, ini ialah satu jalan untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat kita di bawah warga emas dan pemuda-pemudi, terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Kawasan Berapit atas cadangan dan juga komen beliau mengenai isu skim perlindungan insuran kesihatan warga emas dan juga mengenai tahap kesihatan mental belia-belia dan beliawanis yang ada di Pulau Pinang, saya ambil maklum perkara ini dan kita akan perhalusi dan juga perkemaskan langkah-langkah yang perlu kita ambil perkara ini, saya akan bincang dengan Yang Berhormat daripada Padang Lalang dan juga Sungai Puyu. Izinkan saya untuk meneruskan penggulungan hari ini.... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Saya ada soalan kesihatan. Saya ada cadangan untuk kalau Kerajaan Negeri boleh buat satu program seperti *Women in Crisis*, untuk ibu-ibu muda yang miskin untuk memastikan yang anak-anak mereka yang umur lima (5) tahun ke bawah mempunyai cukup makanan, seperti yang dilakukan di US, dia ada program *Women in Crisis* di mana kalau ibu itu seorang yang berpendapatan rendah dia menyediakan baucer-baucer mungkin boleh dibuat dengan beberapa *hypermarket* dan sebagainya untuk membeli susu anak dan keperluan asas untuk anak-anak di bawah lima (5) tahun.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Penanti, saya faham YB. Penanti dan YB. Berapit berada dalam Jawatankuasa Brigid Wanita dan cadangan ini akan dibincangkan di dalam Brigid Wanita dan saya di pihak EXCO sendiri akan berhubung dengan Brigid Wanita untuk mendapatkan cadangan-cadangan untuk di pertimbangkan dan dilaksanakan, terima kasih kepada YB. Penanti. Sokongan dan kepercayaan rakyat Pulau Pinang kepada pimpinan Kerajaan Negeri sewajarnya dibalas dengan pelaksanaan projek dan program yang mengutamakan kesejahteraan rakyat. Kesejahteraan rakyat Pulau Pinang terutamanya yang berada di luar bandar sentiasa mendapat perhatian dan keutamaan Kerajaan Negeri. Keselesaan rakyat di kawasan luar bandar terutamanya di Seberang Perai dan juga di daerah Barat Daya akan ditingkatkan melalui pelaksanaan program pembaikan rumah rakyat termiskin di bawah peruntukan khas projek khas ekonomi.

Saya ingin merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh YB. Sungai Dua mengenai jumlah peruntukan pembaikan rumah untuk rakyat dari golongan yang berpendapatan rendah. Untuk makluman YB. Sungai Dua, peruntukan ini adalah di bawah P 01 Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Butiran 64, projek khas ekonomi di bawah program pembaikan rumah rakyat termiskin. Pada tahun 2013 Kerajaan Negeri telah memperuntukan sebanyak RM5.58 juta, untuk projek khas ekonomi di mana bagi program pembaikan rumah rakyat termiskin, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM440,000.00 bagi setiap daerah. Setakat hari ini, data yang kita dapat untuk tahun 2013 di Daerah SPU sahaja, rumah yang dibina baru sebanyak tiga (3) buah rumah, dibaiki sebanyak 37 buah rumah. Daerah SPT, Daerah SPU adalah yang tertinggi penerima sebanyak tiga (3) rumah baru dan 37 dibaiki, dengan kemudian daerah SPT 5 biji rumah baru dan dibaiki 15 buah rumah, daerah SPS sebanyak empat (4) buah rumah baru dibina dan dibaiki sebanyak 28 buah rumah dan di Daerah Barat Daya sebanyak 13 buah rumah telah dibaiki.... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Minta laluan, saya nak tanya berkenaan lima (5) rumah baru di SPT itu, syarat-syarat dia adalah yang RM770.00 isi pendapatan keluarga ke? Terima kasih, dan berapakah lama proses untuk mendapatkan rumah baru ini?

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Proses ini bergantung kepada bila permohonan itu masuk dan juga *waiting list* yang ada dan untuk makluman Yang Berhormat, yang disebut lima (5) tadi ni sudah dibina dan sudah dibaiki setakat hari ini. Saya ingin teruskan selain daripada itu, kemudahan jalan dan infrastruktur lain seperti membaik pulih jambatan kecil, parit dan bumbung rumah di kawasan luar bandar akan dibaik pulih mengikut keperluan dan keutamaan. Kemudahan penyediaan infrastruktur yang baik dan selesa sangat penting bagi memastikan rakyat di kawasan desa yakin dengan kesungguhan Kerajaan Negeri dalam memelihara kesejahteraan mereka. Dorongan dalam bentuk perniagaan juga pada pengusaha gerai turut diberi melalui projek khas ekonomi.....(gangguan).

Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Ong Chin Wen):

Minta penjelasan, berkenaan dengan pembangunan luar bandar terutamanya infrastruktur asas di mana saya percaya dan juga saya pernah tanya soalan, sama ada terdapat satu (1) peruntukan khas di mana-mana jabatan dan sebagainya untuk terutamanya sama ada di bawah portfolio pembangunan luar bandar, sebab setahu saya selama ini peruntukan di bawah portfolio pembangunan luar bandar itu tertumpu pada aktiviti atau latihan di luar bandar sahaja, itu soalan saya.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Sebab itu yang saya katakan tadi di bawah MMK memang ada peruntukan untuk aktiviti dan program tapi bila melibatkan infrastruktur dan alatan atau input yang ini datangnya daripada yang saya sebut itu daripada peruntukan Projek Khas Ekonomi. Pejabat Ketua Menteri dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri peruntukan sebanyak RM5.8 juta, peruntukan ini dipohon melalui sokongan dan juga cadangan daripada ADUN bersama dengan Pejabat Daerah di setiap kawasan. Ya, Yang Berhormat.....(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Terima kasih YB. Timbalan Speaker, soalan saya berkaitan dengan rumah yang dibina dan juga dibaiki di SPU. Boleh tak Yang Berhormat nyatakan di mana? Di KADUN mana dibuat? Saya nampak di sini tiga (3) unit rumah baru dan 37 rumah dibaiki, boleh tak nyatakan di kawasan mana? terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Yang itu saya minta maaf kepada YB. Penaga, sebab dalam data yang saya dapat ini kita tak *prepare the locality* di mana tempat itu dan kemudian kita akan pergi melawat tempat tu dengan YB. Penaga, boleh ? Dua (2) orang hari dah melawat sama. YB. Sungai Acheh dulu,.....(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Tadi ada sebut dari segi lesen yang dikeluarkan oleh Majlis kepada ikan dalam sangkar termasuk dalam sangkar bukan takat kolam saja dak? Ini saya, ada sangkar-sangkar ikan yang agak berlaku pencemaran, ini sangkar ikan di Pulau Jerejak.... (tunjukkan gambar). YB. Jawi nak tengok, YB. Jawi ni sahabat saya, kadang-kadang dia bagi saya marah. Ini sangkar banyak dekat Pulau Jerejak, so di depan ini, ada tandas, maksudnya air tandas ini dia keluar mai ke laut, jadi dekat dengan itu, jadi saya bimbang kut-kut dia jadi sebahagian daripada makanan ikan-ikan dalam sangkar ini. Itu yang saya tanya, kalau kata kita yang keluar lesen, kita boleh semak, kita bawa alam sekitar sekali, makna kita tak benar, sayanglahkan? Industri ikan dalam sangkar ini terkenal di Pulau Pinang dan restoran besar-besar duk makan ikan, pelancong mai makan-makan jadi sakit rupanya kerana pencemaran ini. Nak tanya ini, yang itu tak adalahkan? Soalan itu maksud saya sama ada ianya boleh ambil tindakan kepada ikan dalam sangkar ini supaya tak bela kat situ dahlah, kerana mengelak ini, yang ini orang lain pula, mungkin ini di bawah PBT kan? Bina bangunan, dekat Pulau Jerejak, kalau Yang Berhormat nak pergi melawat boleh kita tangguh Dewan sekarang pun saya ajak pergi melawat....(ketawa), depa nak bukti.....(gangguan).

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Aceh, gambar itu gambar tandas lebih besar daripada saya, tak berapa perasan di belah mana, tapi untuk makluman YB. Sungai Aceh, semua ikan-ikan itu akan ada pemeriksaan rutin daripada Jabatan Perikanan sendiri untuk memastikan kualiti ikan itu adalah terjamin dan bersih dan sihat untuk dibekalkan kepada restoran-restoran. Jadi setakat ini memang kita belum ada lagi kes-kes ikan yang kita bela walaupun di eksport sampai ke Hong Kong, ke Eropah pun tidak ada lagi kita dengar kes-kes keracunan yang teruk tapi pelesenan penguatkuasaan ini memang bidang kuasa Jabatan Perikanan dan juga PBT untuk memastikan bahawa perkara berjalan dengan baik dan undang-undang. Ingin saya teruskan penggulungan saya hari ini dengan menyebut mengenai dorongan bentuk bantuan kepada pengusaha gerai turut diberikan melalui projek khas ekonomi ini, melalui program peningkatan dan pemulihan ekonomi, Kerajaan Negeri akan membantu membiayai perbelanjaan bagi projek pembinaan naik taraf dan selenggaraan gerai serta bantuan peralatan bagi setiap daerah mengikut keperluan masing-masing.

Untuk makluman Yang Berhormat semua, program peningkatan ekonomi golongan miskin dan pembangunan desa dari segi bantuan peralatan. Setiap daerah dibekalkan RM50,000.00 daripada Tabung Projek Khas Ekonomi:

Daerah Seberang Perai Utara sebanyak 20 penerima pada tahun 2013 melibatkan peruntukan sebanyak RM43,200.00;

Daerah Sebrang Perai Tengah sebanyak 16 penerima dengan peruntukan sebanyak RM27,000.00;

Daerah Seberang Perai Selatan sebanyak 39 penerima dengan peruntukan sebanyak RM50,000.00;

Daerah Timur Laut sebanyak 3 penerima dengan RM13,125.00; dan

Daerah Barat Daya 8 penerima dengan peruntukan RM16,700.00.

Selain daripada itu, penyelenggaraan naik taraf dewan orang ramai dan jalan kampung serta membina bangunan baru bagi dewan orang ramai turut diutamakan. Kesiediaan pembiayaan bagi projek-projek di bawah Projek Khas Ekonomi jelas menunjukkan komitmen Kerajaan Negeri dalam memelihara kesejahteraan rakyat di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Saya ada soalan sedikit. Berkaitan dengan Projek Khas Ekonomi dan juga peruntukan untuk usahawan, saya nak tanya sama ada ini berbentuk geran ataupun pinjaman *soft loan* apa ke.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Ia berbentuk peralatan-peralatan. Selalunya cadangan daripada penerima sendiri apa alat yang perlu. Pegawai Daerah akan menyemak dan memberikan mengikut cadangan mereka. Jadi kita tak bagi apa-apa dalam bentuk *cash*. Untuk makluman YB. Tuan Speaker, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh YB. Penanti sebelum ini mengenai peruntukan perparitan bagi memperkemaskan sistem saliran di seluruh Pulau Pinang, Jabatan Pengairan dan Saliran diperuntukkan sebanyak RM16 juta bagi tahun 2013. Daripada jumlah tersebut sehingga kini, pelbagai projek naik taraf sistem saliran dan perparitan telah dilaksanakan di seluruh Negeri Pulau Pinang. Hasrat Kerajaan Negeri adalah menyediakan sistem perparitan yang efisien untuk mengelakkan berlakunya masalah banjir yang akan merumitkan rakyat. Pembangunan infrastruktur asas kawasan luar bandar seperti pembaikan dan menaik taraf sistem perparitan di kampung-kampung termasuklah 28 kampung di KADUN Penanti boleh dilaksanakan dengan menggunakan pelbagai saluran peruntukan bukan hanya tertumpu kepada satu peruntukan sahaja.

Saluran peruntukan lain yang dimaksudkan adalah dengan menggunakan penjimatan peruntukan pembangunan di bawah UPEN, peruntukan Jabatan Kewangan Negeri (B16), Akaun Amanah Caruman Perparitan dan Saliran JPS dan peruntukan daripada Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar. Dan saya juga maklum bahawa YB. Penanti telah menerima senarai dari yang telah dibaiki ini ada satu senarai telah kita sediakan dan akan diserahkan kepada YB. Penanti di kawasan-kawasan Penanti. Saya ingin kebelakang sedikit menarik perhatian YB. Penaga. Tadi beliau ada meminta mengenai senarai peserta di Zon ZIA Penaga, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang. 19 peserta, satu Kampung Pertama Nelayan, Sungai Tembus dan ada lagi banyak peserta saya akan serahkan pada YB. Penaga selepas ini. Jadi saya, ya Yang Berhormat...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Saya kebelakang sedikit, Yang Berhormat pun sebut kebelakang, jadi saya pun kebelakang sedikit. Ada YB. Seberang Jaya sebut soal penyelenggaraan dan pembinaan dewan. Adakan tadi? Ada. Jadi, setakat ini berapa banyakkah dewan yang telah dibina dan berapa buah dewankah yang telah dibaiki sebagai contoh di kawasan saya, ada

dewan Sungai Chenaam, dewan yang cukup besar yang kita bina dulu, sekarang milik orang, tapi dewan itu dah jadi usang. Saya sendiri masuk dalam dewan tu, dapat keizinan dari pemimpin di sana. Sayanglah dewan itu elok. Jadi saya pohonlah supaya dapat pertimbangan pihak EXCO berkenaan mengambil berat untuk membaiki dewan-dewan. Malah banyak dewan lagilah di kawasan saya yang dah tak terjaga sebagaimana yang disebut oleh YB. Telok Ayer Tawar. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih YB. Sungai Acheh. Saya rasa Ahli EXCO yang paling layak untuk menyebut mengenai berapa jumlah-jumlah dewan yang telah dibaiki apa semua ni adalah daripada YB. Pantai Jerejak, Timbalan Ketua Menteri I. Untuk menyebut dan memberikan senarai kepada Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Yang Berhormat, boleh saya tanya soalan sedikit. Terima kasih Timbalan Yang di-Pertua. Semalam saya ada timbulkan isu berkaitan dengan parit tali air, saya tak tahu sama ada ini masa yang sesuai untuk tanya Yang Berhormat pada masa ini ataupun belum sampai lagi. Saya ada bertanya dalam soalan saya, berapakah jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk merawat air di dalam parit tali air di kawasan luar bandar dan nyatakan berapa kali dalam setahun ujian dibuat ke atas air di dalam parit tali air untuk memastikan bahawa air tersebut selamat diguna atau tidak ada pencemaran. Jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat itu pada masa ini tiada peruntukan disediakan bagi merawat air di dalam parit tali air kerana tiada jabatan yang melaksanakan perkhidmatan tersebut. Buat masa ini khidmat rawatan air hanya dilaksanakan di sungai atau anak sungai, empangan dan kolam kumbahan. Merujuk kepada agensi-agensi yang terlibat seperti MPSP, MPPP, JPS atau Jabatan Kerajaan Negeri. Soalan saya tadi saya rasa ini ada kaitan dengan Kerajaan Negeri dan seperti yang dijawab tadi tiada peruntukan yang disediakan untuk merawat air. Saya sebenarnya, kelmarin saya ada cerita kisah benar yang berlaku di kawasan saya dan saya bimbang air di dalam parit tali air itu mungkin tercemar. Itu sebab saya bangkit soalan ini kerana saya berpendapat bahawa peruntukan perlu disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk membuat ujian, untuk memastikan bahawa air itu selamat digunakan dan juga disebabkan ia ada kaitan dengan sawah, di mana air sawah ataupun racun digunakan di sawah untuk membunuh siput gondong dan saya amat bimbang sekali sekiranya ada pencemaran di dalam air tersebut. Saya minta apa tu penjelasan dan kalau boleh tolong sediakan peruntukan secukupnya untuk perkara ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Soalan tadi yang YB. Seberang Jaya jawab tadi yang pasal peruntukan JPS, RM13 juta tu, tapi JPS dia hanya menyelenggara ataupun membuat kerja-kerja di sungai yang di *designated*...(dengan izin) yang digazetkan dalam JPS. Kalau masuk dalam kampung kebanyakannya tidak digazetkan sebab saya dah tanya banyak kali dan dia akan cakap ni bukan sungai yang digazetkan. Jadi kalau kita minta daripada Pejabat Daerah pula, Pejabat Daerah dalam semua permohonan saya, saya akan dapat jawapan daripada ADO dan dia akan kata isikan borang Lampiran A untuk P16 Pembangunan. P16 Pembangunan hanyalah RM80,000 setahun untuk menyelenggara dan menaik taraf semua parit-parit di kampung. Memang tidak mencukupi. Sebab tu saya mempunyai soalan adakah peruntukan untuk infrastruktur

asas di kampung yang disalurkan kepada Pejabat Daerah untuk pembinaan parit dan juga jalan dan lampu dan macam tu. Sebab peruntukan ADUN memang bawah P16 02 itu memang tidak mencukupi. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih kepada YB. Penanti. Saya tadi dah sebut beberapa kali berapa akaun-akaun yang kita ada yang mana melibatkan peruntukan-peruntukan yang boleh dipohon dan saya rasa *distribution* atau pengagihan peruntukan ini bukan hanya masalah di Penanti saja di semua kawasan pun ada timbul masalah ini kerana setiap tempat memang kita buat kalau boleh nak habis baik. Macam contoh di Sungai Acheh, sampai sekarang kita tak dapat peruntukan lagi. Betul YB. Sungai Acheh? Untuk betulkan di Kampung Surau, Kampung Tok Tuntong, jadi benda-benda ini memang kita faham dan maklum masalah yang dihadapi oleh ADUN-ADUN. Jadi sebab itu saya sebut tadi, peruntukan-peruntukan ini ada di bawah akaun-akaun yang tertentu ini seperti di bawah penjaminan peruntukan pembangunan di bawah UPEN, peruntukan Jabatan Kewangan Negeri (B16) dan Akaun Amanah Caruman Perparitan dan Saliran JPS dan juga peruntukan di bawah Jawatankuasa MMK Pembangunan Luar Bandar sendiri. Jadi saya menyeru kepada YB. Penanti untuk bangkitkan perkara ini di dalam melalui Pejabat Daerah dan juga melalui kepada Kerajaan Negeri terus jika ada desakan dan juga keutamaan yang perlu kita berikan kepada satu-satu kawasan.

Mengenai pencemaran di tali air di kawasan Penaga, untuk makluman YB. Penaga, saya dimaklumkan oleh jurutera-jurutera dan juga mereka yang terlibat dalam usaha pemulihan dan juga rawatan air ini, kita merawat air daripada sumber dia, sumber di mana *source* pencemaran itu, sumber pencemaran itu. Kalau tali air ini daripada sungai, sungai masuk air mengalir masuk atau daripada empangan misalannya. Jadi tempat-tempat ini yang kita rawat dan dirawat di situ. Peruntukan tidak diberi dari segi rawatan di tali air ini kerana seperti yang saya sebut dalam jawapan saya, memang tidak ada agensi yang terlibat untuk merawat air di kawasan tali air tetapi dari segi penggunaan racun apa semua ni, memang dipantau oleh Jabatan Pertanian dan sekarang ini langkah kita adalah untuk pergi ke arah menghentikan penggunaan racun tetapi menggunakan sumber-sumber semula jadi untuk menghalau dan juga mengawal serangga perosak dan juga haiwan perosak di kawasan-kawasan pertanian ini. Jadi, saya. Ada lagi soalan?

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff bin Mohd Noor):

Soalan tambahan, saya nak sentuh tentang JPS. Jadi kerja-kerja penyelenggaraan parit dan tali air ni kalau boleh dilaksanakan mengikut kualiti yang ditetapkan. Kadang-kadang kontraktor yang dapat ni dia buat kerja tak ikut *spec*. Kalau boleh penguatkuasaan atau pihak *technician* tolong tengok balik. Kadang-kadang spek dia atas ni berapa kaki bawah sampai ke dasar kena dibersihkan baru pengaliran air itu boleh mengalir dengan sempurna dan lancar. Dari segi jangka masa kerja kalau boleh *timing* tu, kalau boleh *timing* yang betul. Tali air ini dibuat masa nak masuk air. Jadi, dibuat dengan masa yang tepat walaupun pusingan itu kita tak paham, peruntukan kadang-kadang tak mencukupi. Tak boleh buat sampai tiga, empat pusingan. Cuma *timing*, *timing*, masa tu kalau boleh masa nak buang air itu *timing* ikut masa buang air di parit buang dan juga tali air untuk masuk air. Dari segi itulah. Kalau boleh ia akan membantu petani untuk mendapatkan air dengan lebih mudah dan membuang air dengan lebih mudah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):

Terima kasih atas nasihat dan juga peringatan daripada YB. Sungai Dua. YB. Tuan Timbalan Speaker, saya dengan ini ingin menamatkan ucapan penggulungan saya pada hari ini dan saya berdoa agar kita semua diberikan kesihatan dan kelapangan dada yang berterusan daripada Allah s.w.t untuk terus kita memberi khidmat kepada rakyat Negeri Pulau Pinang seluruhnya. *Insya-Allah*. Jadi saya dengan ini mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya YB. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Selamat Petang, Salam Sejahtera. YB. Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih untuk membenarkan saya untuk membuat penggulungan saya terhadap perdebatan yang telah berlangsung tempoh hari berkenaan dengan Bajet Negeri Pulau Pinang tahun 2014. Saya ingin mula dengan merujuk kepada perbahasan oleh Tanjung Bunga di mana beliau telah menyentuh tentang isu Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang iaitu Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat, kajian semula RSNPP 2020(dengan izin) Tuan Timbalan Speaker bemula dilaksanakan pada bulan September 2012 selaras dengan Seksyen 11(a) Akta 172 dan kajian ini melibatkan penilaian semula dan kajian semula dasar-dasar yang telah dikenal pasti yang disyorkan dipinda berdasarkan arahan-arahan kepada mesyuarat jawatankuasa Perancang Negeri, aduan oleh orang awam dan maklum balas dari agensi-agensi teknikal. Penyediaan kajian semula RSNPP 2020 adalah mengikut proses asal penyediaan rancangan struktur negeri di mana secara umumnya, YB. Tuan Timbalan Speaker, proses penyediaan ini mengambil masa yang agak lama. Iaitu di antara 3 hingga 5 tahun kerana ia melibatkan dua (2) proses bantahan awam yang panjang. Kajian semula RSNPP 2020 perlu melalui proses-proses yang tertakluk di dalam akta 172 sebelum ianya dapat diwartakan. Dan ia melibatkan beberapa peringkat iaitu:

- (a) Laporan pemeriksaan yang menyediakan maklumat-maklumat dan data terkini pembangunan Negeri.
- (b) Publisiti dan laporan publisiti
- (c) Draf laporan awal kajian semula
- (d) Draf akhir kajian semula RSN
- (e) Pembentangan kepada Jawatankuasa Perancang Negeri
- (f) Majlis Perancang fizikal Negeri
- (g) Pewartaan

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Tanjung Bunga, sehingga Oktober 2013 Jabatan Perancang Bandar Dan Desa telah pun menyiapkan laporan pemeriksaan dan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri untuk kelulusan publisiti. Dan laporan ini mengandungi laporan data terkini semua sektor yang terdapat dalam RSNPP 2020. Data ini perlu diperolehi dari pelbagai agensi dan memerlukan banyak sesi perbincangan, pengesahan, pengumpulan data tersebut dan publisiti akan didakan selama sebulan, dan dalam peringkat publisiti, satu pameran

akan diadakan kepada orang awam bagi membolehkan kepada mereka memberi ulasan dan cadangan mengenai data-data yang dipamerkan. Satu laporan akan disediakan berdasarkan maklumat dan cadangan dari orang awam tersebut dan akan digunakan dalam merumuskan dasar-dasar baru dan akan dimasukkan dalam draf laporan kajian semula RSNPP 2020 yang saya harap akan disediakan pada awal tahun 2014.

Berkenaan dengan isu Pewartaan Pelan Tempatan Pulau Pinang yang juga disentuh dalam perbahasan Yang Berhormat Tanjung Bunga, saya nak tekankan bahawa penyediaan rancangan-rancangan tempatan tertakluk kepada Kerajaan Negeri dan oleh kerana ia melibatkan pindaan tertentu, maka tambahan masa diperlukan. Tuan Yang di-Pertua Timbalan Speaker untuk meyempurnakannya sebelum pewartaan dapat dilaksanakan dan rancangan-rancangan tempatan berkenaan dapat diguna pakai. Dalam masa yang sama, ianya masih perlu dirujuk dan dibincang secara mendalam bersama dengan ADUN Kerajaan Negeri yang berkenaan, proses ini agak memakan masa, di samping itu ia juga perlu dipinda selaras dengan dasar-dasar terkini pembangunan negeri dan hanya akan dipamerkan setelah mendapat kelulusan Jawatankuasa Perancang Negeri, setelah perkara-perkara yang perlu dipertimbangkan diambil kira dan di masukkan dalam rancangan tempatan tersebut.

Yang Berhormat Tanjung Bunga, bagi rancangan tempatan di Pulau terdapat beberapa pindaan perlu diselaraskan dan di masukkan dalam draf rancangan tempatan berkenaan dengan mengambil kira kawasan Tapak Warisan Dunia George Town dan Taman Botani. Di samping itu juga, pengesahan kandungan rancangan tempatan perlu diperolehi dari ADUN dan EXCO di bahagian Pulau sebelum rancangan tersebut dapat dibawa untuk sesi publisiti dan bantahan awam. Rancangan Tempatan Pulau Pinang telah diluluskan di peringkat MPPP pada 13 Januari 2008 dan dibentangkan di Jawatankuasa Perancang Negeri pada 14 Januari 2010, 21 Januari 2010 dan 7 April 2010. Draf Rancangan Tempatan Pulau Pinang dalam Pulau 2020 dalam proses penelitian. Pelan tempatan di dalam kawasan Seberang Perai ialah Draf Rancangan Tempatan Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan.

Ketiga-tiga draf ini telah pun diluluskan oleh Majlis Penuh MPSP dan berikut adalah Draf Rancangan Tempatan dengan tarikh kelulusan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri iaitu untuk satu SPU, 1 April 2011, SPT 16 Mei 2011, SPS 14 Mei 2012. Draf Rancangan SPU dan SPT dalam peringkat sesi siasatan dan pendengaran awam yang akan diadakan bermula 26 November tahun ini iaitu sudah pun dan manakala draf SPS dalam peringkat pindaan draf laporan akhir. Itu adalah ulasan yang saya dapat berikan kepada apa yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Tanjung Bunga, tetapi juga ada dinyatakan dalam perbahasan saya dapati Yang Berhormat Tanjung Bunga ada menyebut tentang RKK perlu diadakan untuk dua (2) cadangan, dua (2) bahagian yang baru iaitu, tanah yang tambak dan tanah tambunan dan juga lereng bukit. Itu saya akan ambil kira cadangan Yang Berhormat Tanjung Bunga. Saya teruskan.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta penjelasan, YB. Dato' Keramat, saya cuma ingin ada satu permintaan di mana selain daripada mengkaji apa yang telah dibangkit oleh YB. Tanjung Bunga di atas kedua-dua RKK, saya mencadangkan agar Kerajaan Negeri juga boleh melihat

ke atas kawasan kawasan yang berisiko tinggi banjir. Yang saya rasa sekiranya kawasan-kawasan yang berisiko banjir itu perlu ada satu (1) perancangan dan pewartaan yang khas untuk membuat kawalan ke atas pembangunan yang sedang dijalankan atau akan dijalankan. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih atas pandangan yang diberikan oleh Machang Bubuk dan kita akan ambil kira tapi untuk pengetahuan Yang Berhormat Machang Bubuk, memang apa-apa projek yang dicadangkan untuk dimaju, aspek sama ada ia akan *contribute* kepada banjir memang akan diambil kira di peringkat PBT dan mahupun peringkat apabila ia dilingkungan semula untuk kemajuan. Memang ulasan-ulasan akan diberikan oleh pelbagai pihak termasuk JPS. Atas isu dan cadangan Yang Berhormat....(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Dalam perbahasan saya juga ada bangkitkan satu kawasan iaitu *middle bank* untuk di keluarkan daripada rajah 40.4 dan di mana kawasan itu dijadikan satu kawasan tanah tambunan untuk pembangunan dan kawasan itu jelas ada satu kawasan yang mustahak ekosistem laut di mana terletaknya *seagrass bed* yang terunggul di Pulau Pinang ini. Dicadangkan supaya dijadikan satu taman laut untuk negeri kita.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya ambil kira cadangan daripada Yang Berhormat Tanjung Bunga berkenaan isu *middle bank* tersebut dan di peringkat ini untuk maklumat Yang Berhormat memang berkenaan ini Kerajaan Negeri memang mengambil berat tentang apa yang dikatakan tadi. Saya teruskan dengan penggulangan saya, iaitu saya juga rujuk kepada Yang Berhormat Tanjung Bunga yang menyentuh dalam ucapan penggulangannya tentang perlu kita cari satu tapak untuk *coronation camp* dan saya ingin maklum kepada Dewan yang mulia ini memang saya telah bersama-sama dengan Yang Berhormat Tanjung Bunga dan juga EXCO YB. Chong Eng ada satu jawatankuasa kecil di mana kita sedang menangani beberapa tapak kem rekreasi yang wujud untuk dipastikan sama ada ia boleh digunakan sebagai satu *coronation camp* semula untuk Negeri Pulau Pinang di mana *coronation camp* yang wujud terlebih dahulu di kawasan *Botanical Garden* telah pun tidak wujud sekarang.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, di beberapa tapak telah pun dikenal pasti iaitu di Daerah Timur laut iaitu di antaranya Taman Belia, Empangan Air Itam, Taman Metropolitan Relau dan Pulau Jerejak. Di daerah Barat Daya di sebelah Pulau antaranya adalah Pantai Acheh dekat Balik Pulau, Telok Tempoyak di Bayan Lepas, Air Putih, di Balik Pulau, dan Anjung Indah di Jalan Tun Sardon dan Gertak Sanggul di Bayan Lepas. Di Seberang Perai Utara pula, beberapa antara lain tapak yang telah dikenal pasti ialah Taman Awam Vision dekat Kepala Batas dan Taman Robina di Telok Ayer Tawar.

Di daerah Seberang Perai Tengah pula yang dicadangkan adalah Kem Cherok To'Kun dan Empangan Mengkuang. Dan akhirnya di Seberang Perai Selatan yang dicadangkan adalah Taman Rekreasi Bukit Panchor dekat Nibong Tebal dan Pulau Aman. Kita masih dalam proses mengadakan lawatan tapak untuk mengenal pasti

kesesuaian ataupun ketidaksesuaian tapak-tapak tersebut dan kita harap pada bahagian awal tahun depan kita dapat selesaikan dengan usaha mengenal pasti tapak baru untuk *coronation camp* Negeri Pulau Pinang. Saya teruskan dengan apa yang telah dikatakan oleh kebanyakan...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Minta laluan, *sorry*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, silakan.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Yap Soo Huey):

Untuk makluman, tapak perkhemahan di Taman Negara selepas telah diberikan kepada pihak pengakap, mereka mendapatinya susah digunakan disebabkan terlalu banyak nyamuk. So, sampai mereka yang biasa berkhemah pun ada masalah nyamuk di sana. Lepas tu, masa di situ tanah diberi kepada pihak pengakap oleh PBA, tapi *contour* tanah tersebut tidak sesuai untuk mereka menggunakannya bagi perkhemahan. So, saya harap tapak-tapak yang telah dicadangkan ia akan dipantau bersama dengan individu-individu yang mahir dalam *you know*, perkhemahan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang di peringkat ini kita di peringkat *preliminary* dalam mengenal pasti tapak tersebut dan kita memang jawatankuasa kecil. Saya akan memanggil pihak-pihak yang telah pun kita kenal pasti antaranya ialah *Scout* dan juga *girl guide* dan beberapa pihak lain juga organisasi-organisasi beruniform ini. Kita akan panggil mereka untuk pandangan mereka setelah kita selesai dengan peringkat *preliminary* yang masih dalam proses sekarang. Dan saya akan ambil kira apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pulau Tikus.

Seterusnya saya ingin menyentuh kepada isu yang telah dibangkit oleh rakan saya daripada Kebun Bunga iaitu isu Padang Tembak di mana ini merupakan salah satu projek perumahan awam yang terlama di Negeri Pulau Pinang, *I think* daripada 69 tak silap saya. *So, it's about 40 plus years old*. Dan *of course* setelah saya ingat bulan Jun saya diajak oleh rakan saya daripada Kebun Bunga untuk pergi berjumpa penduduk di situ untuk menangani masalah yang dihadapi mereka iaitu berkenaan dengan paip najis yang bocor saya difahamkan. So, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerja-kerja penukaran paip tersebut dibuat oleh pihak JKR melalui kontraktor-kontraktor yang diupah, mereka iaitu ada dua (2) pakej dan saya telah mengarahkan kontraktor tersebut membuat pembaikan semula sekiranya terdapat kes-kes unit-unit yang ada kebocoran. Saya merayu pada pihak Yang Berhormat Kebun Bunga supaya datang jumpa saya dengan satu senarai penuh akan unit-unit yang masih menghadapi masalah supaya saya dapat diusahakan dengan pihak JKR melalui kontraktor mereka kita lihat bagaimana kita boleh tangani dan atasi masalah ini. Memang saya ingin tangani masalah ini, tapi laporan yang saya dapati daripada JKR sepertimana saya telah jawab soalan Yang Berhormat Kebun Bunga, mereka-mereka menyatakan setakat pemantauan mereka, mereka telah pun membaiki unit-unit yang telah didapati mengalami kebocoran tersebut. Itu yang saya dapati.

Ahli kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Yang Berhormat Dato' Speaker, mengenai perkara ini saya kena pada peringkat ini buat penjelasan yang betul-betul kerana jawapan yang diberi kepada saya bahawa JKR dan *sub-contractor* mereka sudah menyiapkan dan apa yang ditinggalkan, yang tidak dibuat adalah kerana secara peribadi penduduk-penduduk di tempat ataupun Pangsapuri Padang Tembak itu yang buat sendiri yang bocor ataupun menyebabkan masalah itu. Bagi saya, setahu saya saya rasa ini bukan dibuat oleh penduduk-penduduk untuk maklumat EXCO juga. Saya juga rakamkan juga sejak jadi Wakil Rakyat di kawasan Tanjung Bunga dan Padang Tembak, saya ada lebih kurang tiap-tiap bulan atau 1, 2 bulan bermesyuarat dengan pihak JKR dan juga sub kontraktor, yang bertanggungjawab dengan kebocoran paip tersebut. Pendek kata tidak boleh selesai perkara itu jadi sebahagian ada diselesaikan tetapi secara keseluruhan 9 blok 320 unit seblok, 3,660 unit dan separuh dari itu kesimpulan bagi saya, kebocoran itu, saya bukan seorang Jurutera bila kita nak cuba buat paip atau mengosongkan dinding, dia bocor, kerana dimaklumkan bahawa sepatutnya *device* atau cara untuk membuat kekosongan secara *coring* tetapi saya diberi tahu dia guna *hammering effect*. *Coring* ataupun *drill*. Cara yang digunakan adalah *hammering* dikebanyakan bangunan Dato' Speaker, bangunannya yang usang selama 44 tahun dengan 16 tingkat ada 20 unit satu (1) tingkat dan dia ada 20 kali *hammering* di atas tiap-tiap tingkat, jadi kemungkinan besar dah reput, dah retak.

Oleh itu bila hujan atau mana-mana paip bocor, airnya akan mengalir ke semua tempat dan susah dikawal. Air ini susah dikawal sekali kerana molekulnya kecil dan ia akan pergi sini, sana. Jadi pendek kata, dan juga secara berkesan, YB. Timbalan Speaker, saya telah berbincang dan bermesyuarat tiap-tiap kali jumpa dengan ketiga-tiga pihak yang berkaitan, JKR *main con* dan *sub con* mereka dan juga pihak perumahan. *List* maksudnya senarai nama banyak telah diberi kepada pihak tertentu setebal macam ini. Satu muka surat mungkin 20 unit ada yang sini bocor, sana bocor. Tapi semua tempat bocorlah. Jadi dengan ringkasnya saya rasa sampai sekarang untuk makluman Dewan ini, sampai sekarang kontraktor juga tidak pergi. Kita tidak pergi, dikatakan bahawa orang yang tak bagi masuk, memang ada kadang-kadang satu (1) unit, dua (2) unit mereka pergi kerja tidak boleh buka pintu untuk membaiki. Saya rasa pada peringkat ini kita sangkutlah.

Walaupun saya akan beri *list*, memang saya akan beri *list* kepada Yang Berhormat Datok Keramat, EXCO kita sudah banyak kali bagi *list* kepada Pejabat Perumahan di bawah EXCO, tapi isu dia YB Timbalan Speaker adalah adakah JKR dan adakah sub kontraktor JKR berminat ataupun berkeupaya untuk menyiapkan, walau bagaimanapun saya akan terus bagi *list*. Dan juga untuk makluman Dewan, saya rasa boleh dirakamkan bahawa saya baru dapat hari ini ancaman, *warning*, amaran dari penduduk-penduduk Padang Tembak bahawa mereka akan buat demonstrasilah pada Chinese New Year terhadap saya. Bagi saya satu Happy Chinese New Year kerana paip bocor ini kerana mereka kata saya bagi susu coklat mereka akan bagi saya tak boleh Happy New Year. Hari ini saya dapat satu *message* dan juga di kedai kopi Padang Tembak, dia bagi *extra flavour*. Sampai kita boleh tengok tak siap lagi.

Untuk makluman YB. EXCO Datok Keramat, kedai kopi yang kita jumpa itu di mana ada satu (1) hingga lima (5) *extra gutter* untuk ambil air di dalam bilik mereka. Jadi di luar ambil air hujan, di dalam ada *gutter* juga ambil air dalam bilik mereka, sampai sekarang tidak boleh disiapkan. Walaupun JKR dan sub kontraktor mereka diminta dibawa dan juga sudah buat. Itu saya tak nak panjang lebar walaupun sudah panjang lebar.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Kebun Bunga. Pendek kata...(ketawa), ada masalah di situ yang saya juga tidak dapat toleransikan jadi saya akan cuba sedaya upaya dan harap Chinese New Year kita dapat *celebrate* dengan eloklah. So sila rujuk aduan tersebut, saya akan turun padang sekali lagi, kita akan tangani isu ini, Sekian, terima kasih.

Saya akan teruskan dengan isu yang kemudian setelah dibangkitkan oleh beberapa Yang Berhormat. Rakan saya daripada Pengkalan Kota ada beberapa isu yang dibangkitkan bersama-sama dengan Paya Terubong satu isu yang konsisten antara mereka ialah bagaimana kita dapat tangani permasalahan yang wujud berkenaan dengan banyak pekerja-pekerja warga asing di Negeri Pulau Pinang yang membanjiri projek-projek perumahan kita yang secara langsung menyebabkan masalah sosial kerana ramai warga-warga asing di kawasan perumahan. Ada beberapa aspek yang kita harus tangani isu ini, nombor satu adalah untuk perumahan-perumahan awam atau perumahan-perumahan kos rendah dan perumahan-perumahan kos sederhana rendah. Pemilik telah dipilih melalui senarai yang wujud di Pejabat Perumahan Kerajaan Negeri, mereka memang tidak dibenarkan untuk menyewa, bukan menyewa kepada warga asing menyewa kepada tempatan pun tidak boleh, mereka tidak dibenarkan kerana unit-unit ini terpaksa dihuni oleh mereka sendiri. Bukan kita, *this is low cost and low medium cost*. YB. Timbalan Speaker untuk orang-orang yang memerlukan, *roof over their head*. So mereka tidak dibenarkan sewa sebagai satu perniagaan mendapatkan pendapatan daripada sewaan ini.

Isu ini kita boleh ditangani dengan memberi notis kepada tuan punya untuk memastikan ia tidak disewakan, sekiranya tidak kita akan ambil tindakan perundangan terhadapnya untuk pelanggaran syarat tersebut. Saya percaya saya telah pun turun padang bersama-sama dengan YB. Pengkalan Kota ke beberapa projek perumahan di kawasan beliau di mana banyak kes seperti ini dan saya dalam proses sekarang menderaf atau memuktamadkan deraf notis yang hendak dikeluarkan dan saya kira selepas Persidangan DUN ini kita akan proses penghantaran notis-notis itu.

Nombor dua (2) ialah saya dapat keluarkan warga asing daripada unit rumah tersebut, apa yang akan berlaku pada warga asing itu Tuan Timbalan Speaker. Itu persoalan nombor dua (2) terpaksa tangani. *To me to get out is one thing. But what are we going to do with this foreign worker. Where is he going to go? That is the second question* ...(dengan izin). So berkenaan ini saya ingin memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini, saya telah pergi ke Singapura dengan satu delegasi *about a month ago*, dalam sebulan yang lalu dan antara lain kita telah membuat satu kunjungan kepada satu asrama untuk pekerja asing di Keranji Lodge One di Keranji, Singapura.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di Singapura kita dimaklumkan bahawa polisi Kerajaan Singapura ialah pekerja asing dengan permit kerja taraf rendah iaitu *low end work permit holder* perlu di tempatkan di asrama pekerja asing. Pekerja asing tidak dibenarkan tinggal di kawasan perumahan awam. *That is their policy, that is their state policy the government policy of Singapore ...*(dengan izin) Tuan Timbalan Speaker. Dan sama ada kita hendak amalkan polisi atau wujudkan polisi baru itu satu soalan. Tetapi sebelum kita ke situ saya hendak beritahu apa yang saya nampak dalam kunjungan, *maybe* ini akan membantu kita untuk buat satu keputusan. Asrama yang saya lawat telah beroperasi selama dua (2) tahun. Saya telah dimaklumkan asrama tersebut dihuni oleh warga asing yang dihuni oleh warga Indonesia, Myanmar, Bangladesh dan juga orang Malaysia. Dan mereka diberikan satu (1) kad akses yang tidak boleh ditukar milik. *Identification by facial identification*, iaitu tidak boleh ditukar milik. Orang luar tidak dibenarkan untuk masuk dalam *compound* asrama tersebut dan antara perkhidmatan yang disediakan ialah medan selera, dobi, bilik televisyen, ruang sakit (*sick bay*), bilik kuarantin, kemudahan sukan *gym*, bola keranjang, sepak takraw, badminton, bilik internet dan bacaan. Satu unit asrama boleh diduduki oleh lapan orang, ada empat (4) katil dua (2) tingkat dan disediakan kabinet *locker*. Bilik mandi yang digunakan adalah secara berkongsi dan juga ada kemudahan memasak yang disediakan dan asrama yang saya lawati itu ada 12,000 penghuni.

Ada banyak blok dan keselamatan kita cakap tentang keselamatan apa yang kita dengar di Singapura disediakan oleh syarikat yang mengendalikan asrama tersebut pada waktu ada 18 pengawal keselamatan, pihak Polis juga buat rondaan secara berkala dan kita tanya satu soalan berkenaan dengan disiplin kalau ada kes gaduh dan sebagainya. Dia orang menyatakan bahawa satu aspek penting bahawa sekiranya seorang didapati melakukan kesalahan laporan akan dibuat kepada majikan dia dan pekerja itu akan di hantar balik ke negara asal dan tidak dibenarkan bekerja di Singapura lagi. *Is very*(dengan izin) *well organised* satu (1) isu yang terlintas dalam minda bila kita mahu asrama untuk warga asing ialah aspek kebebasan *human right*. *We look at that angle....* (gangguan), *let me finish first. In fact* YB. Perai pada sidang dahulu telah menyatakan pandangan beliau berkenaan aspek *human rights* terhadap pekerja asing ini tetapi *let me put on record*.

Asrama yang saya kunjungi berbanding dengan projek perumahan yang saya pergi dengan YB. Pengkalan Kota di Negeri Pulau Pinang saya rasa asrama itu lebih elok keadaan dia lebih banyak fasilitet dia. Di sini menjadi satu *slum* dan warga-warga terpaksa duduk dengan jiran-jiran dia warga asing ini. *So just put that aspect, you see it then you will understand the situation. To me* itulah apa yang kita lihat di negara Singapura dan pada peringkat ini saya mungkin akan cadangkan supaya kita dapat memperkenalkan satu konsep baru untuk menempatkan warga asing di satu tempat yang khusus. Silakan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Lau Keng Ee):

Terima kasih YB. Dato' Keramat. Setujukah YB. Datok Keramat bahawa LMC *facility* di Negeri Pulau Pinang harus *review again* selepas kita pergi mengunjungi Keranji Village for foreign workers mereka punya tempat ada *gym section, indoor, out door* pun ada setujukah kita *review our LMC* Punya *feasibility*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan. Terima kasih YB. Datok Keramat. Betul kita hendak menjaga *human rights*, tetapi kita juga perlu menjaga *citizen's right*. Baru-baru ini saya telah mengutus surat kepada pihak Imigresen mengenai satu (1) kes yang agak berleluasa di kawasan Balik Pulau di mana kalau dulu tidak berlakunya kecurian pokok pisang, buah pisang dan sebagainya hanya disebabkan oleh orang-orang kampung tetapi hari ini telah terjadi kecurian buah pisang dan sebagainya dicuri oleh warga-warga asing. Saya telah utuskan surat tapi belum dapat jawapan, tetapi satu (1) perkara yang serius maka saya berharap kalau boleh Datok Keramat mempercepatkan usul ini bagi memastikan ada satu (1) tempat khas untuk mendapat dia juga jika tidak saya takut *time bomb* di mana ada pertelingkahan antara masyarakat awam, masyarakat kita dan juga *foreign citizen*. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya akur dengan pandangan YB. Pulau Betong dan memang oleh itu saya cadangkan mungkin kita patut perkenalkan konsep baru ini. Berkenaan dengan Pengkalan Kota dan cadangan untuk kita timbang semula apakah fasilitet perlu diadakan semula dalam projek LC, LMC saya akan pertimbangkan cadangan tersebut. So, saya percaya.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih. Saya tertarik konsep itu di Singapura hanya sedikit sahaja level pekerja yang letak di situ sebab di Singapura ini banyak tinggi *level* CEO, MD, pekerja buruh, pekerja pertengahan. Adakah di letakkan semua sekali di situ dan bagaimana bentuk *transportation*. kalau Yang Berhormat boleh panggil untuk taklimat akan datang pun bagus.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Apa yang berlaku adalah untuk di Singapura, ia adalah untuk ini ia pekerja asing permit kerja taraf rendah *low and work permit, that mean not expropriate is this for labourers*. Berkenaan tentang isu *transportation* memang mereka tidak digalakkan untuk ada *transportation* majikan bawa bas kebanyakan pernah nampak di situ ialah *Bicycle Park*.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Terima kasih Yang Berhormat, saya cuma nak dapatkan maklumat tentang asrama di Singapura adakah ianya di bawah pengurusan swasta ataupun Kerajaan sebab agak menarik konsep yang dimaklumkan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih untuk soalan begitu baik. Memang saya nak bincang tentang isu ini. Di situ apa yang dibuat, tanah adalah tanah Kerajaan dia di *lease out* kepada syarikat swasta dan syarikat swasta yang mengendalikan asrama tersebut syarikat tersebut. Jadi itu adalah konsep di situ. Sama ada kita ada tanah yang mencukupi itu buat demikian itu satu persoalan untuk Pulau Pinang ataupun kita boleh bagi terus

pihak swasta projek-projek khusus untuk penempatan pekerja-pekerja warga asing ini. Tuan Timbalan Speaker saya teruskan dengan hujahan saya di mana ingin saya merujuk kepada rakan saya. Saya ada beberapa soalan, beberapa perkara Yang Berhormat ada di sini menyentuh tentang isu perlunya Kerajaan Negeri membina lebih banyak rumah-rumah Kos Rendah, Permatang Pasir, Pulau Betong, Telok Bahang, banyak kita sentuh tentang isu perumahan mampu milik diperlukan di Negeri Pulau Pinang. Saya ingat dalam ucapan Bajet yang dilafazkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri baru-baru ini memang kita lihat ini telah diberikan penekanan secukupnya di mana beberapa polisi baru diperkenalkan di Negeri Pulau Pinang termasuk selain daripada peruntukan pembekalan rumah-rumah mampu milik.

Saya telah pun nyatakan dalam ucapan saya terhadap soalan lisan, bahawa saya telah nyatakan secara terperinci saya tidak akan ulangi kita ada beberapa projek di negeri bahagian Pulau dan bahagian Seberang yang akan diusahakan bersama-sama oleh PDC. Kita berharap harus projek-projek tersebut akan membekalkan 20,000 unit rumah mampu milik berharga antara RM72,500 iaitu Kos Sederhana Rendah sehingga RM400,000 tapi kebanyakannya sehingga RM200,000 hingga RM250,000. Ini untuk makluman kerana YB. Telok Bahang tanya berkenaan isu siapakah kategori atau golongan manakah yang mampu beli kita *target* rumah-rumah RM400,000 yang mana rakan saya nyatakan *in on the high end...*(dengan izin). *Yes this is the higher in our range*, ia saya tidak nafikan kategori baru ini adalah tertinggi RM400,000 tetapi kebanyakan unit dalam lingkungan unit RM200,000 hingga RM250,000.

Untuk makluman Tuan Timbalan Speaker bahawa siapa yang layak untuk unit RM200,000 kelayakan dia ialah, dia boleh memiliki, dia sudah memiliki berbanding dengan Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan KSR tidak boleh memiliki langsung. Perbezaan dia untuk mampu milik dia boleh memiliki tetapi boleh memiliki kos rendah, kos sederhana rendah, tetapi dia takrifkan sebagai *upgraded, he can but he won't be given priority* seperti tak miliki *that is number one*. Nombor dua *range* harga yang kita ada RM200,000 pendapatan isi rumah *we have to be* RM6,000 . *For* RM300,000 *and below* RM8,000.00. RM400,000, RM10,000 *and below* seisi rumah tangga. Itu antara lain kelayakan yang perlu...(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan bin Ayoob Hussain Shah):

Terima kasih Yang Berhormat, satu lagi rumah kos rendah ini akan di buat kerjasama dengan PDC adakah syarikat PDC akan *past out* atau tender untuk syarikat-syarikat *developer* swasta terlibat dalam projek ini, sekiranya kalau ada, apakah nama-nama syarikat yang terlibat?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang ada untuk di peringkat ini yang telah ditender keluar ialah untuk projek S.P. Chelliah di mana Syarikat Zubicon telah diberikan projek tersebut. Itu jawapan saya kepada rakan saya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya difahamkan ini sebagai *comparison*, saya difahamkan dalam pada Disember 10, 2012 tahun sudah ada satu kenyataan akhbar bahawa DAP Sarawak mahu Kerajaan mengkaji semula kos pembinaan rumah di bawah Progam PPR kerana

kata mereka RM46,000 adalah rendah dan mereka hanya mampu RM15,000 sahaja ini kenyataan yang dibuat oleh pengerusinya Chong Chieng Jen, tahun lepas RM15,000 per unit. Ini daripada DAP Sarawak mungkin Yang Berhormat mahu bertanya dengan mereka apakah cara mereka buat sehingga membolehkan mereka membina rumah dua (2) bilik dengan harga RM15,000 sahaja cukup murah projek daripada DAP Sarawak dalam Projek Impian kalau tak salah saya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Saya tidak begitu sedar tentang isu tersebut, tapi sekiranya ada memang kita akan *look and do it* YB. Pulau Betong. Seterusnya saya ingin menyatakan bahawa. Silakan.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Minta laluan. Terima kasih YB. Dato' Speaker, sebenarnya YB. EXCO saya telah menerima satu aduan daripada seorang pemohon. Beliau telah menerima surat daripada Jabatan Perumahan bertarikh 01 November 2013 di mana beliau telah ditawarkan seunit Rumah Kos Sederhana Rendah, Centrio Avenue Daerah Timur Laut Pulau Pinang dan sekiranya saya boleh teruskan baca minta izin. Selepas itu beliau telah pergi ke Pejabat Pemaju untuk berurusan selanjutnya tetapi malangnya beliau menghadapi masalah. Sebenarnya surat yang diberikan kepada saya adalah di alamatkan Y.A.B. Ketua Menteri tetapi saya rasa mungkin lebih baik rujuk kepada EXCO Perumahan. Sebelum beliau menulis surat kepada Y.A.B. Ketua Menteri, beliau telah berjumpa dengan YB. Phee Boon Poh mengadu masalah yang beliau hadapi dan ekoran daripada itu beliau telah menulis surat kepada Yang Amat Berhormat dan salinan surat kepada pejabat YB. Phee Boon Poh dilampirkan, surat beliau bertarikh 03 Disember 2013 berserta dengan surat tawaran daripada Bahagian Perumahan dan juga surat pemaju.

Jadi beliau menghadapi masalah sebagai pembeli rumah pangsa kos sederhana seperti yang dimaklumkan tadi harga rumah kos sederhana ialah RM72,500 tetapi apa yang berlaku kepada beliau setelah pergi ke Pejabat Pemaju beliau dapati ada beberapa jumlah tambahan yang dikenakan sebelum dibenarkan beliau menandatangani perjanjian jual beli dan kos-kos tambahan tersebut ialah harga tempat letak kereta berjumlah RM28,500, kos ubah suai oleh kontraktor pemaju berjumlah RM59,000. Jadi jumlah keseluruhannya RM160,000 jadi inilah masalah beliau hadapi kerana jika beliau terus mengambil rumah yang ditawarkan kepada beliau, beliau terpaksa berhadapan dengan jumlah yang besar iaitu keseluruhannya RM160,000 pada hal rumah kos sederhana diklafikasikan mampu milik ialah RM72,500.

Dalam surat beliau kepada Y.A.B. Ketua Menteri sekiranya....(dengan izin), boleh saya baca Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng Ketua Menteri Negeri Pulau Pinang, Pejabat Y.A.B. Ketua Menteri, Tingkat 28 Komtar Pulau Pinang. Tajuk Menghadapi masalah membeli rumah LMC di bawah projek Centrio Avenue. Jadi masalah beliau walaupun kita Kerajaan Negeri telah menjanjikan rumah harga RM72,500 tetapi apa berlaku kepada beliau apabila pergi ke Pejabat Pemaju untuk menandatangani perjanjian jual beli, harga yang di masukkan ataupun harga tambahan keseluruhannya RM160,000 ini membuat beliau tidak dapat membeli rumah tersebut dan beliau ingin memohon kepada Y.A.B. Ketua Menteri, ataupun EXCO Perumahan untuk membantu beliau dalam kes ini. Saya difahamkan ramai lagi selain daripada beliau ramai lagi

pembeli-pembeli dan pemohon-pemohon yang sudah di terima telah sudah menerima surat tawaran daripada Jabatan Perumahan untuk unit-unit seperti ini manghadapi masalah yang sama jadi saya berharap kita dapat membantu Y.A.B. Ketua Menteri dan EXCO Perumahan membantu beliau dalam kes ini. Saya harap masalah-masalah begini tidak sepatutnya berlaku kepada pemohon-pemohon ataupun pembeli-pembeli yang ditawarkan rumah mampu milik. Sekian terima kasih.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Sedikit Yang Berhormat. Saya hendak simpulkan sedikit apa yang dikatakan oleh YB. Penaga tadi, bawah ini adalah perkara yang berlaku hari ini dapat rumah terpaksa membayar itu dan itu. Bagaimana Kerajaan Negeri mengekang dari mengelak berlakunya dari berterusan dalam perkara ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Penaga dan YB. Pulau Betong. Ya, memang saya akui tentang Projek Centrio ini ada masalah yang berlaku di mana Kerajaan Negeri kita membuat pemilihan dan memberi senarai nama kepada pemaju. Pemaju memilih pembeli dan pembeli itu ditawarkan surat membeli satu unit kos sederhana rendah. Itu adalah polisi Kerajaan Negeri. Kita tidak ada *condone* apa-apa pakej lain, melainkan ada *willing buyer, willing seller*. Kebiasaannya pakej yang akan diberikan *is package car park, supplementary for car park and supplementary for renovation*. Tetapi saya ingin jelaskan di sini bahawa pendirian Kerajaan Negeri ialah pembeli tidak wajib untuk menandatangani pakej-pakej yang *car park* dan *renovation package*....(gangguan).

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara binti Hamid):

Penjelasan. Saya nak ulangkan apa yang YB. Datok Keramat kata tadi tidak wajib. Tetapi kita dimaklumkan oleh pembeli ini, Puan Chin Mei Ying bahawa beliau memohon untuk menandatangani perjanjian tetapi pemaju tak mahu jual unit ini kalau dia tak ambil pakej ini. Ini memaksa pembeli, bermakna dia menggunakan kelemahan yang ada yang kita tak boleh *control* harga *renovation*, harga *car park* tambahan-tambahan ini dan dia mengenakan syarat yang wajibkan pembeli untuk menambah kos-kos ini kepada dia.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain bin Ahmad):

Sebenarnya Puan Chin Mei Ying yang disebutkan oleh Ketua Pembangkang tadi, beliau sebenarnya bersetuju membeli rumah dengan harga RM72,500 termasuklah dan juga harga tempat letak kereta, memandangkan ini adalah pangsapuri ataupun rumah pangsa berharga RM28,500. Beliau setuju tentang itu. Apa yang beliau tak setuju ialah untuk kos *renovation* dan ini nampaknya seperti pemaju memaksa pembeli-pembeli mengambil pakej yang mahal ini. Padahal pembeli-pembeli tidak mampu dan tidak mahu meneruskan dengan masalah ini. Apa yang mereka bimbang ialah mengikut surat daripada Bahagian Perumahan dikata di sini, kalau boleh saya baca dengan izin. Sukacita dimaklumkan nama tuan telah terpilih bagi tawaran projek rumah kos sederhana rendah, Centrio Avenue Daerah Timur Laut, Pulau Pinang.

Walau bagaimanapun sukacita dimaklumkan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEKS) telah menggubal dasar baru pada tarikh 27 Ogos 2013 bahawa untuk sebarang penolakan tawaran kali kedua pemohon dikehendaki mendaftar semula dengan tarikh permohonan yang baru bagi permohonan unit rumah kos rendah, rumah kos sederhana dan rumah mampu milik Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Borang PN1.

Masalah dia kalau lah beliau tidak dapat meneruskan dengan perjanjian jual beli disebabkan RM60,000 kos *renovation* sebagai tambahan. Maka beliau akan mungkin terpaksa berdaftar lagi sekali dengan Jabatan Perumahan. Keutamaan yang saya faham akan diberi kepada siapa yang daftar dulu. Ini masalah yang sering dihadapi oleh pemohon-pemohon ataupun pembeli yang ditawarkan. Saya harap pihak Kerajaan Negeri dapat membantu beliau dan memastikan bahawa perkara-perkara begini tidak lagi berlaku di Negeri Pulau Pinang. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih. Saya memang tahu tentang permasalahan ini dan saya ingin menyatakan bahawa satu perbincangan telah diadakan pada minggu dahulu hari Selasa di pejabat saya, bukan sahaja dengan Chin Mei Ying, tapi ada hampir seratus orang datang jumpa saya bersama dengan pemaju ada di situ. Saya telah sarankan kepada pemaju sila tangani masalah yang dihadapi oleh pembeli-pembeli tersebut. Pemaju memang bersetuju untuk berbuat demikian. Selepas akhir minggu dahulu saya masih dapat beberapa aduan lagi mungkin kurangnya, tapi masih ada beberapa aduan lagi. Saya akur dengan apa YB. Penaga kata tentang *time limit*. Tapi Pejabat Perumahan saya yang isu surat *time limit* tersebut saya akan lanjutkan masa untuk pemohon-pemohon ini supaya mereka dapat *resolve* masalah ini dengan pemaju. Saya akan pastikan ia akan di *resolve* dan mereka tidak akan perlu mendaftarkan semula sehingga ia diselesaikan. *My office will see the rest they no issue*. Saya nak bagitahu tentang SPEKS, Jawatankuasa saya ini mengapa kita ada polisi baru tersebut di mana kita memerlukan seseorang itu sekiranya dia tolak tawaran kali kedua dia perlu daftar semula.

Apabila saya mula dalam EXCO ini, saya dapati banyak pemohon senarai menunggu saja dalam 30,000 senarai menunggu aktif. *Just the active waiting list was thirty thousand and* apabila SPEKS mula memilih pemohon-pemohon sendiri saya bersama wakil rakyat lain tidak kurang dari tiga (3) wakil rakyat. Kita dapati beberapa isu yang begitu serius yang berlaku sebelum ini yang kita tidak boleh terima. Antaranya apabila seorang memohon *low cost* atau *low medium cost* itu dia perlu satu rumahkan? Tapi ada pemohon yang tolak tawaran sampai dua belas kali. Jadi tahun 1976, saya baru lima (5) tahun, *I was five year old only, 1976 he still on that list*, tolak tawaran dua belas kali. Kita mahu kasi dia tunggu sampai bila? *Because of him there the guy who come and apply today he is going to be denied to get that place. That's why I came out with that, but definitely let me make it very clear to YB. Penaga.*

Di sini bahawa saya akan pastikan itu bukan menjadi satu isu kepada pemohon tersebut. Isu ialah sepertimana saya nyatakan pemaju perlu beri satu unit RM72,500 sepertimana YB. Penaga kata tadi. Kebanyakan pembeli tiada isu dengan *car park*. Di dalam mesyuarat pun dia kata tiada isu dengan *car park*. *They can buy because that one is luxury tapi renovation you cannot force them*. Itu saya nak buat, saya punya, *my*

style I have to do it, my side you cannot force them so saya akan monitor kes ini dengan teliti dan harap saya dapat selesaikan, okey YB. Penaga. Saya teruskan dengan satu perkara yang telah dibangkitkan oleh doktor yang baru masuk Dewan. YB. Dr. Batu Uban telah menyatakan berkenaan isu premis-premis perumahan yang digunakan untuk pelbagai aktiviti-aktiviti lain. Seumpamanya *commercial purposes such as tuition and homestay*. Boleh saya nyatakan di sini bahawa ada dua (2) aspek berkenaan isu ini, satu (1) ia adalah perumahan awam ataupun perumahan yang diperolehi kos rendah ataupun kos sederhana rendah yang tertakluk pada senarai menunggu yang saya ada.

Kita boleh ambil tindakan sepertimana saya nyatakan pada YB. Pengkalan Kota tadi, kita boleh ambil tindakan dengan memerlukan pemilik memastikan ia tidak disewakan ataupun tidak digunakan untuk kegunaan komersial *because that is also* satu syarat untuk mendapatkan unit tersebut. *So we can look into it then that before* perumahan awam. *For* perumahan swasta pihak JMB ataupun MC perlu ambil tindakan. Saya ingin nyatakan dari segi perundangan memang kes-kes perumahan tidak boleh dibenarkan untuk dilakukan perniagaan dalam unit-unit tersebut. Itu adalah status perundangan *in fact* saya percaya YB. Pulau Tikus ada satu kes di kawasan beliau di mana pihak JMB telah menang kes itu di mana mahkamah telah mengeluarkan satu perintah bahawa penyewaan, penggunaan premis untuk *commercial purpose* ini tidak dibenarkan. *So* saya sarankan supaya untuk kes-kes pemaju swasta, projek swasta ambil tindakan undang-undang di mahkamah.

So saya teruskan dengan YB. Pengkalan Kota juga ada nyatakan tentang isu penyelesaian bayaran sewa ataupun penyelenggaraan di mana ada tunggakan. Ini juga telah disentuh oleh YB. Sungai Pinang berkenaan isu penyelenggaraan dan tunggakan yang wujud dalam isu pungutan pembayaran. Kita setuju ada tunggakan yang sedemikian. Memang kita tidak *write off* tunggakan tersebut yang masih merupakan satu hutang kepada Kerajaan Negeri dan daripada kes itu kita ambil tindakan perundangan di mana setelah notis di hantar kita akan mengambil mereka ke mahkamah. Saya faham apa yang YB. Sungai Pinang kata tentang mungkin ada kategori di mana penduduk tersebut dalam kategori kritikal langsung tak dapat membayar. *In fact* saya pernah berada dalam kerusi *backbenchers* dan saya sendiri ada tanya kepada Kerajaan Negeri. Waktu itu saya Pengerusi PAC sama dengan YB. Pulau Betong kita ada nampak, kita ada minta satu senarai tunggakan dan mereka beri dengan kategori-kategori. *So* mungkin ada kategori yang boleh kita kiralah sama ada nak hapuskan atau tidak tunggakan tersebut. Tetapi di peringkat ini memang kita tidak bersetuju kerana ia tidak adil kepada mereka yang boleh bayar tetapi engkar bayar. sepertimana YB. Sungai Pinang ada kata, tinggal di *low cost, low medium cost unit* tapi dia punya TV 60 inci, kereta BMW macam-macam kita lihat kita tak boleh biar macam ni. *So have to be strict where they are concern*. Saya ingin menyatakan memang proses perundangan melalui Pejabat Penasihat Undang-Undang diteruskan. Seterusnya.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Timbalan Speaker, cuma saya nak dapatkan pandangan dari segi penentuan harga rumah. Adakah pihak Kerajaan Negeri sendiri ada kuasa untuk menentukan harga rumah? Saya ambil contoh kalau pembinaan rumah itu dibuat di kawasan kampung, di kawasan saya sendiri sebagai kampung sudah tentulah harga itu tinggi. Kemampuan penduduk kawasan ini tak mampu beli. Sebagai yang disebut hari itu dikatakan hampir 200,000 rumah harganya di kawasan Sungai Aceh, 9 unit

telah beli. Jadi kalau ada saya mintalah jasa baik Kerajaan Negeri kalau kata nak buat di Kawasan Sungai Aceh kerana penduduk ia orang miskin, nelayan dan petani hanya rumah yang mampu dibeli oleh pihak penduduk itu sahaja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih YB. Sungai Aceh. Memang Kerajaan Negeri mempunyai polisi mengawal harga dan kita ada sepertimana saya nyatakan keperluan di mana pemaju dikehendaki menyediakan atau membekalkan unit-unit kos rendah dan kos sederhana rendah sebanyak 30% di mana harga unit tersebut dikawal iaitu RM42,000 dan RM72,500 masing-masing. Harga ini untuk makluman YB. Sungai Aceh *in fact is* harga *national is the national price of low cost and low medium cost*. Di Seberang sememangnya di bawah zon-zon yang tertentu ia lebih kurang daripada RM42,000. Ada bermula daripada RM25,000 hingga RM42,000. Ada *range* tersebut berdasarkan zon-zon yang tersebut. Memang kita akur, perlu kita kawal harga-harga di kawasan-kawasan tertentu dan *in fact* sepertimana dinyatakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri dalam *budget speech*, kita ada polisi yang terbaru sekarang.

Satu projek perintis iaitu S.O.S. Kita panggil (SOS) Shared Ownership Scheme. Memang Kerajaan Negeri akan berkongsi memiliki rumah tersebut di mana kita beri kepada mereka yang betul-betul tidak mampu mendapat pinjaman bank sehingga 100% untuk unit kos rendah pun. *There are that category even for kos rendah they cannot even get loan. So* kita ada polisi terbaru di mana kita berikan *loan* tanpa faedah 30% kepada mereka yang layak, mereka mesti layak. *They have to be eligible, they have to show that they cannot get the loan because we must give for that category of people* dan mungkin saudara saya YB. Sungai Aceh boleh minta mereka datang tengok projek tersebut. Kalau mereka layak *then okay, no problem* tapi memandangkan saya di dalam topik ini. Saya ingin nyatakan sepertimana daripada permulaan kita nyata rakan-rakan saya di Seberang ini, saya harap dapat kerjasama supaya apa-apa projek Pusat ataupun Persekutuan yang wujud mungkin boleh minta kerjasama supaya di dilaksanakan di Negeri Pulau Pinang.

Berkenaan pinjaman-pinjaman saya ingin nyatakan di sini ada satu (1) skim yang dikenali sebagai Skim Jaminan Kredit Perumahan, SJKP yang diusahakan dan di usahakan ataupun dijalankan oleh Kementerian Kewangan di mana beberapa bank telah menyertai skim ini dan mereka akan menjamin sesuatu pinjaman yang di buat oleh kategori, golongan yang bawahan ini yang langsung tak boleh dapat *loan*. *They came in to guarantee that loan*. Tetapi malangnya di Pulau Pinang pelaksanaan program ini daripada program Persekutuan ini tidak nampak berkesan. So, saya harap rakan-rakan saya daripada seberang dapat mohon supaya ia diberikan kerana sepertimana YB. Sungai Aceh nyatakan tadi ada golongan yang tak mampu pun dapat *loan*. So, kita harap ada *meet continuation* dari segi ini supaya Kerajaan Pusat dapat beri kerjasama beri lebih *loan* jaminan melalui skim-skim ini kepada pemohon di Negeri Pulau Pinang. Silakan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak tanya Yang Berhormat Datok Keramat.... (gangguan).

Y.A.B. Ketua Menteri:

Minta maaf. Yang di-Pertua Dewan Negeri. Selaras dengan Peraturan 6A(1) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri, Negeri Pulau Pinang. Saya mohon supaya masa persidangan hari ini 11 Disember 2013 dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ada sokongan?

Timbalan Ketua Menteri I:

Saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Y.A.B. Ketua Menteri telah mengemukakan usul di bawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh persidangan hari ini 11 Disember 2013 hari (Rabu) dilanjutkan sehingga jam 7.00 malam. Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya." dan tidak setuju katakan "Tidak."

Ahli-Ahli Kerajaan:

"Ya."

Ahli-Ahli Pembangkang:

"Tidak."

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

"Ya." Lebih suara bersetuju, usul dipersetujui. Terima kasih. Sila teruskan.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya nak tanya Projek Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah ini selalunya proses merancang, berapa lama diambil adakah kita *certified*...(dengan izin) untuk pendekkan proses permohonan merancang supaya kita dapat mempercepatkan projek perumahan ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sorry to say. Projek perumahan?

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Selalunya, saya nak tanya untuk buat permohonan, proses merancang, selalunya, *send that plan, how long it takes?* Berapa lama untuk kelulusan? Untuk Projek-projek rumah murah dan mampu milik ini, bagaimana pelan untuk kita *certified the process* supaya kelulusan itu cepat. Cepat untuk mereka memulakan kerja-kerja. Adakah ini dipertimbangkan?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang-memang sepertimana saya nyatakan dalam jawapan saya pada soalan lisan pada tempoh hari tadi, kita ada *timeline*. Kita memang ada *timeline*. Dan cukup-cukup bernas dan cantik persoalan yang di tanya oleh YB. Telok Bahang tadi, kerana kita ada *timeline* di mana saya telah nyatakan Projek Perumahan Mampu Milik yang kita ada bila kita *comment that work*. Kebanyakannya *effect for zoning come project*. Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, kita jangka *26 of December will be the launch of S.P. Chelliah this would be the first project this year*. Dan kita ada *timeline* untuk *delivery completion of works* bila? Saya dah nyatakan kebanyakannya dalam lingkungan 2017 and 2018.

Tetapi saya ingin tanya rakan saya pada YB. Telok Bahang kalau boleh tolong saya untuk tanyalah Kerajaan Persekutuan tentang isu perumahan di bawah PR1MA. Bilakah kita akan dapat pengesahan tentang berapa unit yang kita akan diberikan, lokasi dia, dan *time line of delivery impact*. Rakan saya YB. Pulau Betong pun saya harap *seen* kerana *at the end of the day* unit-unit ini akan di berikan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Itu yang penting. *And effect, just nak point out*, saya harap saya dapat nampak secara bertulis bantuan daripada Yang Berhormat daripada pihak YB. Pulau Betong ataupun YB. Telok Bahang kerana telah dibuat, saya ingin memberi satu contoh yang baik. Rakan saya dari Sungai Dua, pada sidang yang pertama, saya telah bangkitkan isu tentang TP1Malaysia, dalam hujahan saya dalam Dewan ini.

Memang Sungai Dua ada bangun kata beliau akan cuba tolong Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia untuk kerja-kerja kritikal pada kos rendah, kos sederhana rendah. Tabung tersebut ada satu tabung pusat sepertimana yang saya nyatakan tadi 119 permohonan cuma tiga (3) yang setakat ini yang telah di luluskan, mengapa kita perlu ia diluluskan? Kerana ia adalah kritikal projek, *talking about* tangki air bocor, *lift* tak boleh bekerja *and that kind of thing so infect* rakan saya di YB. Sungai Dua telah tulis satu surat kepada Menteri yang berkenaan dan merujuk kepada pertanyaan saya dan memohon supaya Kementerian tolong percepatkan. Dan itu yang baik. Kerana ia adalah satu kebaikan untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya harap mungkin saya dapat pertolongan dari segi rakan saya berkenaan projek-projek PR1MA ini. Apa status dia. Sekian.

Ahli Kawasan Telok Bahang (YB. Datuk Shah Headan Bin Ayoob Hussain Shah):

Saya, tujuan bertanya, jadi saya harap kita *standardise* tak kira pada Kerajaan Negeri ataupun *Federal* untuk kelulusan merancang projek ini. Untuk pengetahuan, saya ada berjumpa dengan Pengerusi PR1MA untuk tanya berkenaan dengan ini dan mereka telah kenal pasti lokasi dan dalam rundingan harga dengan di kawasan Bayan Lepas. Nanti saya akan dapat *detail* dan saya akan bagi maklumat dan saya harap proses perancangan itu tidak boleh di *delay* ataupun *standard-standard* yang lain.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, minta. Saya berharap, Kerajaan Negeri juga mengambil pendekatan yang sama YB. Datok Keramat. Contoh, Sungai Pinang dah siap dua (2) tahun rumah kos rendah. Tapi hampir dua (2) tahun tak dapat sijil menduduki OC. Dikenakan bermacam-macam syarat. Mungkin Yang Berhormat *aware* tentang ini dan saya difahamkan baru dapat. Begitu juga dengan rumah JKP yang nak di buat di

Permatang Pasir, mendapat kelulusan yang agak lama, so kalau kita boleh nak bantu apa saja permohonan yang di buat oleh Agensi Kerajaan Pusat harus dibantu dengan memberi kelulusan segera terutamanya yang berkaitan dengan rumah kos rendah. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, YB. Pulau Betong, memang kita tidak ada isu dengan secara sengaja hendak melengahkan proses kelulusan. Tapi, ingin saya nyatakan bahawa kelulusan tidak boleh diberikan begitu saja. Syarat-syarat yang perlu dipatuhi mesti dipatuhi. Sebelum ia dapat diluluskan. Itu jawapan saya kepada YB. Pulau Betong. Tapi saya setuju dengan sepenuhnya memang tumpuan kita beri kepada Projek-projek Mampu Milik, Projek-projek Kos Rendah dan Projek-projek Kos Sederhana Rendah. Kita akan fokus pada *on this project*.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Saya ada dua (2) soalan, satu (1) soalan adalah berkenaan dengan Projek Perumahan Mampu Milik dan Kos Rendah Sederhana iaitu di Bukit Mertajam, iaitu di Mukim 9, Kampung Tanah Liat di KADUN Penanti yang 11.6 ekar itu. Soalan saya ialah apakah yang akan jadi kepada penduduk sementara di rumah mampu milik itu dibina sebab dia dijangka rasanya dekat 888 unit macam tu, yang disebut hari itu. Jadi sebab sekarang ini, penduduk-penduduk, dia macam gembira jugalah yang PDC akan buat rumah mampu milik jadi mereka di Pejabat Daerah telah membuat banciaan juga dan telah menghantar memorandum yang mereka bersetuju dengan harapan yang mereka akan dapat miliki rumah itu, tapi saya tengok harga, kalau rumah mampu milik, harga dia kalau di Seberang Perai harga dia RM220,000, sebab saya kenal penduduk-penduduk kampung itu, saya risau itu la sebab sekarang mereka macam ada harapan, maknanya dia akan diusir dari rumah dia. Tapi dia dengan harapan dia dapat menduduki balik rumah di situ. Itu satu (1) dan sementara rumah itu dibina, di manakah mereka akan ditempatkan. Lagi satu (1) juga di situ sebab dia kampung dia ada bomba, sukarelawan, kereta bomba, mereka juga tanya kepada saya bolehkah apa-apa infrastruktur yang mereka masih akan bomba, sukarelawan mereka, JKKK itu masih dan semua dewan JKKK masih ada di situ juga.

Soalan yang keduanya ialah berkenaan dengan Skim Rumah Mampu Milik yang diusahakan oleh Syarikat Perumahan Negara saya nak tanya adakah Negeri Pulau Pinang bercadang untuk memperkenalkan skim yang sama, maknanya kalau di kampung-kampung, mereka ada tanah, kebanyakan rumah-rumah keadaan yang agak uzur, dan *especially* kalau di kawasan yang banjir memang dah rosak teruk. Jadi apa yang dia orang minta kalau dia orang nak buat pinjaman bank tersebut untuk membina semula rumah itu, memang mereka tidak mampu, jadi adakah Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan untuk membuat seperti Syarikat Perumahan Negara di mana mereka boleh bayar bulanan macam seratus lebih tiap-tiap bulan dia bayar balik dengan itu dia guna tanah dia bagi dia untuk membina rumah yang lebih selesa, mungkin yang telah rosak kena anai-anai ke, kena bajir ke. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih. Berkenaan isu kedua tadi, apa yang dicadangkan dan minta untuk dipertimbangkan projek atau skim-skim seperti skim sewa beli memang kita akan pertimbangkan sama ada kita boleh mewujudkan skim sewa beli di Pulau Pinang,

tetapi sebagaimana tadi kita telah nyatakan tadi, kita akan melaksanakan ataupun mengumumkan skim yang terbaru iaitu Skim SOS iaitu, *Shared Owner Scheme* dan projek perintis adalah di Taman Sungai Duri dan harap kita tengoklah *respond* dia bagaimana dan ini adalah satu jenis skim yang lain yang boleh membantu para penduduk atau golongan yang dinyatakan oleh YB. Penanti tadi.

Berkenaan isu yang pertama, tentang Projek Mampu Milik, Bukit Mertajam di Seberang Perai Tengah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ia jangka merangkumi 968 unit, bukan 886 unit. 968 unit di mana 484 unit tersebut ialah KSR, ataupun Kos Sederhana Rendah dengan keluasan 700 kaki persegi dengan harga RM72,500. 160 unit adalah kos sederhana yang berkeluasan 850 kaki persegi dan akan di jual di jangka pada RM200,000 dan *balance* 324 unit kos sederhana yang berkeluasan yang lebih besar 1,000 kaki persegi akan dijual dengan harga RM240,000. Jadi saya kira YB. Penanti memang harganya adalah berpatutan dan saya ingat bolehlah YB. Penanti maklumkan pada mereka. Tetapi tentang isu pengusiran mereka itu, saya tak begitu faham sama ada mereka setinggian atau bagaimana untuk jawab.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Okey. Tanah tu telah diambil alih oleh Kerajaan Negeri dan di beri kepada PDC. Sebab dia punya *original* tuan tanah itu sudah meninggal.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Sememangnya semua projek yang dicadangkan yang saya telah nyatakan tempoh hari sekiranya ada isu setinggian yang mesti ditangani dan saya percaya mereka yang berada di situ dan minat untuk mendapat unit yang baru di rumah mampu milik tersebut di projek tersebut boleh diberi keutamaan. Mereka boleh membuat surat rayuan terus kepada saya sebagai Pengerusi Jawatankuasa SPEKS yang baru. Jadi Tuan Timbalan Speaker....(gangguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Minta laluan YB. EXCO Datok Keramat. Sementara kita membincangkan begitu panjang lebar tentang rumah mampu milik dan bilangan-bilangan yang tentang kita keperluan rumah mampu milik. Saya ada dua (2) pertanyaan di sini. Adakah Kerajaan Negeri juga prihatin tentang atau ambil maklum tentang projek rumah pangsa lima (5) tingkat yang di Taman Sukun Indah yang sudah terbengkalai selama sepuluh (10) tahun, iaitu daripada 2003 sampai sekarang masih tidak dibangun lagi cuma ada tiang-tiang saja yang di sana dan projek tersebut sekarang juga menghadapi satu masalah di mana projek terbengkalai tersebut telah mengalami wabak denggi kerana tapak pembinaan tersebut yang tidak dijaga dan baru-baru ini juga didapati banyak kes denggi yang telah berlaku di Taman Sukun Indah. Kedua saya juga nak tanya kepada Kerajaan Negeri sama ada apa tindakan seperti seperti yang kita maklum dalam pembentangan Bajet yang daripada Y.A.B. Ketua Menteri, kita seolah-olah tidak ada usaha atau tindakan ke atas projek-projek yang terbengkalai yang ada di Pulau Pinang ini, so itulah yang saya berharap dapat jawab.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Machang Bubuk atas isu yang cukup penting ini, memang di Pulau Pinang setakat ini baru-baru ini kita ada saya ada tanya persoalan dan jawapan yang saya terima ada empat (4) projek terbengkalai, ada beberapa jenis kategori, ada projek-projek sakit, lewat, lewat *first* sakit, *then* terbengkalai *depending on percentage of progress works done*. Jadi di Pulau Pinang saya difahamkan ada empat (4) projek terbengkalai di peringkat ini dan memang Kerajaan Negeri sedang mencari *White Knight Contractor*, *White Knight Contractor* yang dapat membantu menyelesaikan projek-projek terbengkalai ini dan kita Kerajaan Negeri akan memberi apa-apa saja yang boleh yang kita boleh beri dari segi pengurangan ataupun pengecualian sumbangan-sumbangan yang perlu dibayar kepada *white knight-white knight* ini untuk *make it attractive to them to come forward, in fact* untuk Negeri Pulau Pinang saya ingin menyatakan di kawasan Paya Terubong, Yang Berhormat Paya Terubong ada banyak soalan tentang projek terbengkalai di situ iaitu Majestic Heights. Itu adalah projek terbengkalai yang terbesar di Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini ada satu *White Knight Contractor* yang telah mara ke hadapan dan menunjuk minat dia dan kita dalam proses perbincangan tentang bagaimana *we are going to moving forward* apakah sumbangan yang dapat kita kecualikan ataupun kurangkan kepada beliau kerana kos yang ditampung oleh mereka begitu besar untuk *revive* untuk *rehabilitate an abandoned project, so we are looking forward to that*. Tuan Timbalan Speaker nombor satu (1) kepada pemaju swasta, tapi baru-baru ini saya juga telah hantar *come back to reconciliation*. Selalu Kerajaan Pusat pun boleh bantu kita so kita minta lagi satu perkara saya mahu minta, Kerajaan Pusat ada satu pasukan pemantau projek terbengkalai di keseluruhan Malaysia, di mana ia dikepalai oleh *Chief Secretary* Kerajaan Pusat. Saya difahamkan bahawa mereka telah membelanjakan dari tahun 2011 sampai sekarang *region of* RM65 juta untuk membantu dalam pembangunan semula projek-projek terbengkalai. Jadi saya mintalah kepada rakan saya di situ saya telah hantar satu surat kepada beliau Yang Berhormat minta supaya sumbangan dapat diberikan untuk kita tangani pembangunan semula empat (4) projek terbengkalai di Negeri Pulau Pinang harap kita dapat satu *respond* positif...(gangguan).

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Dato' Haji Mohd. Salleh bin Man):

YB. Dato' Timbalan Pengerusi, kita dengan ada soalan yang telah dikemukakan sebelum ini, berkenaan dengan projek terbengkalai yang tadi Datok Keramat ada sebut ada empat (4) kawasan tapi cuma saya dapat tiga (3) sahaja Taman Terubong Indah, Taman Mengkuan Heights dan Taman Bayu Aman, satu (1) lagi itu di mana tempat yang kata projek terbengkalai di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Daripada fahaman saya ada empat (4) semua, nanti saya akan kemukakan maklumat, saya memang tahu tentang ini kerana baru minggu dahulu saya ada hadir satu (1) upacara satu (1) projek terbengkalai yang telah diselamatkan di Pulau Pinang dengan Y.A.B. Ketua Menteri dan saya minta mungkin ini yang terkini *at the moment* saya akan nyatakan nanti pada rakan saya daripada Permatang Pasir.

Akhirnya Tuan Timbalan Speaker, saya ada ditanya beberapa Yang Berhormat di sini tentang isu apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengawal harga rumah, di mana saya telah pun dalam soalan jawapan lisan saya jawapan kepada soalan lisan yang telah saya sentuh, tetapi saya ingin nyatakan semula polisi baru Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui ucapan bajet yang dibuat oleh Y.A.B. Ketua Menteri tadi, memang kita berhasrat dan mem *priority* kan kawalan harga dan pembekalan Rumah Pertama pada pembeli Rumah Pertama itu adalah polisi utama Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana ada permintaan *demand* kita nampak harga rumah-rumah di Negeri Pulau Pinang sudah naik secara mendadak *because of the demand*, itu adalah perkara yang kita tidak dapat kita kawal. Jadi kita ada beberapa polisi baru di mana diumumkan oleh Ketua Menteri kita ada tempoh kawalan apabila tidak boleh jual *this is to avoid speculative transactions*. Saya beli hari ini besok / boleh jual, sebelum saya dapat kunci apabila saya *sign agreement* hari ini saya dapat kunci sudah *hundred percent profit* tak mahu kita mahu *cove speculation, because this is the reason why the property market is increasing rapidly*, so kita ada tempoh kawalan di mana sebelum ini sepuluh (10) tahun untuk LC, LMC untuk LC, LMC awam dan swasta lima (5) tahun, sekarang kita sama ratakan awam pun sepuluh (10) tahun tak boleh dijual dalam tempoh sepuluh (10) tahun kepada *open markets*, dalam sepuluh (10) tahun boleh dijual kecuali tertakluk kepada mendapat kebenaran dan jual pun kepada pembeli yang dalam senarai menunggu saya. Jadi kita beri peluang kepada mereka yang menunggu bukan *open markets number one. Number two* kepada mampu milik sepertimana diumumkan *five years* tak boleh dijual kepada *open markets* dan kalau nak jual mesti dapat *consent that also* tertakluk kepada senarai pembeli.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Terima kasih Yang Berhormat, saya cuma *concern* mengenai dengan tempoh sepuluh(10) tahun baru boleh jual dan juga cuma boleh jual kepada orang yang dalam senarai yang layak membeli ya, kategori rumah tersebut. Jadi dalam tempoh sepuluh(10) tahun tersebut adakah pembeli awal boleh meletakkan profit ke atas projek tersebut.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya, memang apa yang kita kawal *is* tempoh dalam mana dia boleh jual nombor satu, dia boleh jual lepas *ten years to anyone in the open markets, in ten years* dia boleh jual juga, tapi mesti dapat *concern* dan pembeli dia mesti dalam senarai kita tapi menjawab soalan rakan saya daripada Bertam, dia boleh jual lebih daripada harga yang dia beli memang dia dibenarkan tetapi mesti kepada *listed buyers* dan kalau *listed buyers* itu boleh berkemampuan pada waktu tersebut untuk membeli dengan harga yang lebih, bolehlah *no issues* itu kita benarkan. Sama juga dengan rumah mampu milik kategori baru itu dalam lima (5) tahun, saya bagi contoh, dalam yang saya beli satu (1) rumah RM200,000 mampu milik kategori yang terendah RM200,000, dalam lima tahun (5) saya nak jual, saya mesti jual kepada *listed buyers, that mean* saya ada senarai mampu milik sekarang yang baru.

Pada 14 haribulan ini, saya ada satu pelancaran borang pendaftaran, saya akan dapat satu senarai so dia dalam tiga (3) tahun mahu jual, tak cukup lima (5) tahun tapi dia nak jual dengan sikit *profit* la so dia nak jual RM300,000, boleh balik kepada senarai, senarai saya pun ada orang yang boleh *afford* RM300,000, *so that is how* kita kontrol, kita tak mahu dalam tiga (3) tahun RM200,000 dia *open market* jual RM600,000, RM700,000, RM800,000. Kita tak boleh kawal *because this is free market*, kalau ada *demand* kita tak boleh kawal, itu isu dia. Jadi kita ada beberapa mekanisme baru yang kita yang disebut tadi dan di dalam ucapan bajet Y.A.B. Ketua Menteri. Jadi saya ingin sudahi dan nyatakan memang sokong apa yang dinyatakan dalam bajet ini berkenaan portfolio saya perumahan yang saya percaya adalah begitu *people centring*....(gangguan). Saya sudah habis....(gangguan).

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Minta laluan, belum habis lagi tadi YB. satu soalan *you* kata sebelum saya sudahi, jadi sebelum sudahi YB. Datok Keramat, satu perkara sahaja, satu perkara sahaja Yang Berhormat, pendek kata, pendek kata....(ketawa). Yang Berhormat Datok Keramat, tadi saya lupa bincang mengenai satu perkara mengenai Padang Tembak juga. Padang Tembak ini dua (2) bulan dahulu, lebih kurang dua (2) bulan dulu saya berbincang dengan YB. Datok Keramat mengenai satu pelan rancangan ubah suai dan juga ini bukan arkitek pelan, ini satu pertandingan antarabangsa arkitek telah dibuat dan satu pelan atau rancangan *proposal* mengenai *rejuvenation* ataupun memperbaharui kawasan Padang Tembak telah diadakan. Ada satu (1) *copy* diserahkan kepada pejabat YB. Datok Keramat dan juga setahu saya kalau tak silap, YB. Datok Keramat memberitahu saya juga bahawa ada diserahkan kepada PDC jikalau tak silap. Soalan saya ialah adakah apa-apa perkembangan dan khususnya hasrat kawasan orang Padang Tembak itu berminat untuk dapat memperbaharui kawasan ini dan saya minta perkembangan dan juga peluang pertama yang ditimbulkan di kawasan saya itu. Saya minta Kerajaan Negeri Pulau Pinang boleh melaburkan ataupun ada projek untuk memperbaharui kawasannya, memandangkan kawasan ini adalah kawasan rumah pangsa yang terlama di Pulau Pinang dan ada kawasan yang makin perlukan diperbaiki, ini soalan saya terima kasih.

Ahli Kawasan Dato Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya saya akan akhiri dengan menjawab soalan Kebun Bunga, memang konsep pembangunan semula adalah satu konsep yang kita akan pertimbangkan *there is re-development concept, not just for* Rifle Range tapi banyak projek-projek perumahan lama yang perlu kita lihat sama ada kita boleh bangunkan semula. Dia dilakukan di banyak negara lain seperti Singapura, Hong Kong *where the project* terlalu matang dah perlu dibangunkan semula. Untuk makluman Kebun Bunga, memang Kebun Bunga ada bagi satu proposal cadangan daripada seorang pemaju dan itu telah dipertimbangkan...(gangguan), arkitek dan tetapi apa yang kita putuskan memandangkan kita ada PDC sendiri, saya telah mohon PDC memberi satu taklimat yang mana taklimat sudah pun diadakan sepertimana saya nyatakan dalam jawapan pada YB. Kebun Bunga dan saya akan jemput Kebun Bunga untuk kita ke taklimat yang seterusnya kerana ada banyak aspek yang perlu kita tangani. Ideanya cukup cantik tapi pelaksanaannya cukup, cukup susah, *so* kita akan boleh mempertimbangkan tetapi kita akan tangani secara *as we go long*, dengan itu Tuan Timbalan minta...(gangguan), *last one, okay last two*.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya nak tanya kerana saya lebih berminat kami difahamkan pada Bajet 2014 itu difahamkan kawasan yang dikenal pasti untuk pembangunan perumahan mampu milik di Jelutong mengandungi 556 unit. Jadi memandangkan banyak projek pemajuan akan berlaku di kawasan Sungai Pinang dan ramai penduduk Sungai Pinang akan kehilangan tempat tinggal mereka. Jadi permohonan tempat tinggal itu untuk peruntukan mampu milik atau kos sederhana rendah itu, adakah mereka akan diutamakan, terutama di kawasan Jelutong yang akan dibina 556 unit itu? Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang. Sepertimana yang saya nyatakan tadi, Jawatankuasa Pilihan, saya yang memutuskan siapa layak diberikan unit-unit perumahan kos rendah dan kos sederhana rendah, antara lain mengambil kira faktor sama ada seseorang itu telah perlu pindah ada perintah pindah dari mahkamah ataupun dalam kes sebegini terpaksa pindah *make way*...(dengan izin) projek-projek tersebut mereka akan diberikan sedikit *weight age* itu jawapan saya.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):

Yang Berhormat Dato' Keramat dalam perbahasan saya pada hari Isnin, saya ada menyentuh Projek PPR tiga (3) tahun, so kebanyakan tiga (3) tahun mereka akan *continue* duduk sahaja tanpa dibuat penilaian yang *in detail*, so saya ingat tiap minggu pusat khidmat saya ada orang jumpa untuk dapatkan jumpa PPRT. Tetapi unit itu masih diduduki orang yang dulu sampai sekarang masih duduk, so ada apa-apa rancangan atau cadangan untuk menyelesaikan masalah ini dan saya juga cadangkan jika kita bagi ikan lebih baik kita ajar mereka pancing ikan. Adakah satu jabatan akan atau jawatankuasa ditubuhkan dan menjaga dan memahami mereka yang duduk di PPRT, kita kena bantu mereka keluar dari kemiskinan, so baru rumah itu boleh disewa atau diduduki oleh orang-orang yang memerlukan. Saya juga mencadangkan sewa itu boleh diadakan beberapa kategori supaya jika mereka sudah sampai tahap yang lain, mereka boleh sesuai dengan sewa di pasaran, itu sahaja.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Memang Yang Berhormat KOMTAR betul apa Yang Berhormat KOMTAR kata, PPR ini adalah untuk kes kronik sahaja cuma mereka dapat menyewa sebulan RM100.00 campur penyelenggaraan RM40.00 itu adalah PPR betul ada tempoh penyewaannya iaitu tiga (3) tahun. Tetapi kita sentiasa memantau sama ada ia masih dalam tempoh penyewaan tersebut seperti kata KOMTAR kata ada banyak yang menunggu tetapi banyak unit-unit yang kurang. Jawapan saya ialah memang kita ada satu unit yang memantau daripada perumahan. Berkenaan soalan kedua, rakan saya daripada KOMTAR iaitu bagaimana kita nak tangani permasalahan penyewa-penyewa tersebut untuk *upgrade* mereka itu mungkin dapat dijawab kemudian oleh rakan saya di Sungai Puyu di mana Kebajikan di bawah portfolio dia. Saya jaga rumah. Dengan itu saya mengucapkan terima kasih. Dan saya mohon menyokong Tuan Timbalan Speaker. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Seterusnya Batu Lencang.

Ahli Kawasan Batu Lencang (YB. Law Heng Kiang):

Yang Berhormat Speaker, terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 dan telah membangkitkan isu serta memberi cadangan berkaitan Pembangunan Pelancongan Negeri Pulau Pinang. Izinkan menggulung perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2014 bagi portfolio Pembangunan Pelancongan.

Yang Berhormat Speaker, sektor pelancongan di Pulau Pinang telah mengalami pertumbuhan dengan baik mengikut statistik daripada Tourism Malaysia sehingga bulan Jun tahun ini. Jumlah penginapan hotel adalah sebanyak 1.89 juta berbanding dengan 2012 di mana 1.88 juta dengan peningkatan sebanyak 0.37 peratus. Seperti biasa Pulau Pinang kekal sebagai destinasi pelancongan yang ketiga di Malaysia selepas Kuala Lumpur dan Pahang kerana Genting Resort. Mengikut Tourism Malaysia pada tahun 2012 jumlah pelancong di Pulau Pinang adalah sebanyak 6.09 juta dan saya pasti pada tahun ini kita akan mengalami peningkatan yang lebih tinggi. Ini adalah kerana mengikut statistik dari Jabatan Imigresen dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, sehingga bulan November tahun ini di mana jumlah kedatangan pelancong asing ke Pulau Pinang adalah sebanyak 601,920. Ini merupakan kenaikan yang amat tinggi jika kita ingin bandingkan dengan tahun 2012, di mana jumlah keseluruhan pelancong asing sepanjang tahun hanya 614,039. Pertumbuhan sektor pelancongan ini juga kenaikan 14% tahun ini di mana pengguna Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang mencatat 4.4 juta orang pada akhir Oktober tahun ini dan dianggarkan mencecah 5.3 juta pengguna pada keseluruhan 2013, ini telah menjangkau atau selepas kemampuan kapasiti Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang yang hanya boleh menampung 5 juta orang. Kenaikan jumlah pelancong Pulau Pinang menyumbang industri-industri pelancongan di Pulau Pinang dan khususnya perhotelan. Banyak hotel-hotel mencapai *room of occupancy* lebih 90% pada musim cuti sekolah, musim perayaan, hotel terbesar di Pulau Pinang iaitu Hotel Equatorial lebih 660 buah bilik juga penuh buat pertama kalinya sempena Hari Raya Aidilfitri tahun ini, dan juga semasa *Penang Bridge International Marathon* yang berlangsung pada 16 November bulan lepas Hotel Equatorial juga mencatat 100% pada masa itu. So ini menunjukkan perhotelan memang mempunyai banyak penyumbang-penyumbang dalam satu (1), dua (2) tahun ini.

Yang Berhormat saya juga ingin mengambil peluang untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pulau Betong, Kerajaan Negeri menganggarkan jumlah pelancong ke Pulau Pinang pada tahun 2013 adalah sebanyak 6.13 juta dengan pelbagai aktiviti dan promosi sempena Promosi Tahun Melawat Malaysia 2014. Jumlah ini dijangka meningkat pada tahun 2014 dengan anggaran 6.18 juta dengan kenaikan sebanyak 0.81 peratus. Untuk makluman Dewan secara amnya nilai purata perbelanjaan pelancong asing adalah RM2,294.00 dan pelancong tempatan pula ialah RM524.00 mengikut angka dipetik dari statistik Tourism Malaysia pendapatan pelancong pada tahun 2012 adalah sebanyak RM8.67 bilion. Pada tahun ini 2013 pendapatan pelancong dianggarkan RM8.73 bilion dan dijangka melonjak anggaran sebanyak RM8.8 bilion untuk tahun hadapan.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, saya rasa kalau 2013, 6.13 juta pelancong datang. 2014 setelah 8 perkara promosi Yang Berhormat buat, hanya 6.18 juta pertambahan 0.08 peratus *not even 1% increased* untuk Tahun Melawat Malaysia dan ini merupakan satu pencapaian yang agak mendukacitakan. Tak sampai 1%, satu (1) jumlah yang sedikit berbanding dengan promosi yang dibuat. Saya rasa angka ini mungkin tak tepat. Kerana saya yakin kerana *Visit Malaysia Year*, tambah 1% ini tak perlu buat *Visit Malaysia Year*, tak perlu Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri di dalam Malaysia sama-sama promosikan Malaysia. Begitu juga dengan pendapatan *not even* RM100,000 sahaja perbezaannya jumlah terlalu sedikit dan tak menggambarkan kemeriahan Tahun Melawat Malaysia 2014.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Ini adalah anggaran, tetapi sebenarnya selalunya kalau pelancong-pelancong akan melebihi anggaran itu dan tambahan pula kita tidak nampak ada acara yang besar, yang akan dilangsungkan pada tahun depan di mana acara yang besar akan dilangsungkan di Pulau Pinang. Walaupun banyak acara besar pertambahan promosi untuk Tahun Melawat Malaysia 2014, tapi secara keseluruhannya memang akan tambah dan ini akan boleh ditunjukkan dalam penumpang yang datang dari kapal terbang. Tetapi walaupun angka 1% tetapi jumlah yang begitu besar sampai bilion so 1% bertambah dengan banyak.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya terkejut dengan Yang Berhormat Batu Lintang mengatakan apa ini tak ada program yang besar di Pulau Pinang ini. Tadi Yang Berhormat kata tidak ada program atau acara yang besar di Pulau Pinang ini sempena Tahun Melawat Malaysia 2014. Semua ini dalam Negeri dalam Malaysia ini berlumba-lumba dalam program bersama menarik pelancong yang datang, tiba-tiba Pulau Pinang sebuah Negeri Pelancongan tiada program yang besar menarik pelancong.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Saya kata Tourism Malaysia masih belum ada acara yang besar yang akan buat di Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Yang Berhormat, selalu ke luar negara buat promosi, sepatutnya mencari jalan bagaimana nak mengambil kesempatan Tahun Melawat Malaysia untuk membawa pelancong ke Negeri Pulau Pinang. Saya katakan angka jumlah 1% satu jumlah yang kecil. Tidak *significant* untuk menggambarkan Negeri Pulau Pinang sebagai sebuah Negeri pelancongan berbanding dengan negeri-negeri lain.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Saya ingin tahu pelancong ini datang dari negara mana?

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan. Memang saya nak tahu adakah Kementerian Pelancongan ada berbincang dengan EXCO Pelancongan di Negeri Pulau Pinang kerana Tahun Melawat 2014 sudah dekat, kalau tak silap masih tiga (3) minggu dia akan datang. Adakah sebelum ini dalam pertengahan 2013 adakah Kementerian Pelancongan menjemput Negeri Pulau Pinang supaya kita dapat bersama-sama duduk berbincang. Apakah rancangan, acara program ataupun macam mana kita nak *promote* pelawat sekiranya mereka sampai di KLIA adakah ada perbincangan tersebut.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Untuk makluman Yang Berhormat Jawi memang setiap bulan kita ada mesyuarat dengan semua *player*....(dengan izin) termasuk perhotelan *travel agent*, *airport* dan termasuk wakil Tourism Malaysia. Untuk bulan kebelakangan ini memang masih belum diumumkan acara yang besar akan buat di Pulau Pinang termasuk sebelum tahun depan memang ada satu *countdown* di Queensbay iaitu akan berlangsung 27 dan 28 yang dianjurkan oleh Tourism Malaysia, itu sahaja. Dan ada satu *Christmas National Celebration Christmas Day* di Pulau Pinang tetapi tarikhnya sepatutnya ditentukan pada 22hb tetapi adakah ditukar kepada 25 masih belum pasti lagi. Jadi untuk jawapan kepada Yang Berhormat Bagan Dalam. Pelancong yang paling banyak sekali yang datang ke Pulau Pinang dari negara asing adalah Indonesia yang kedua adalah Singapura dan ketiga adalah Negara China dan keempat Jepun dan kelima Amerika Syarikat. So ini yang paling banyak kerana Indonesia paling pertama adalah kerana pelancongan perubatan. Saya akan sentuh sekejap lagi.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Saya nak minta YB. Batu Lintang supaya tidak terlalu bergantung, kita sebagai sebuah Negeri pelancongan, YB. Batu Lintang ada Penang Tourism Board, kalau tak silap saya satu badan lain yang turut mempromosikan Pulau Pinang ini di bawah MMK Pelancongan, so saya berharap kita sendiri *develop product* kita dan mempromosikannya untuk menarik pelancong. Saya tak ingat tapi memang ada satu badan Penang Global Tourism kan ada ini selalu ada mempromosi dan sebagainya dan kita janganlah kita terlalu bergantung harap kepada Federal. Kita sendiri di Negeri Pulau Pinang perlu dah ada, perlu agensi dan kita perlu laksanakan untuk menguar-uarkan program kita dan sebagainya bagi menarik pelancong yang datang ke Kuala Lumpur terus ke Penang sebagai tempat yang destinasi kedua untuk dilawati.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Memang ada tapi kita yang minta buat sendiri dengan dari Penang Global Tourism buat promosi di negara lain sendiri, kita juga bekerjasama dengan Tourism Malaysia di merata dunia pun ada banyak. Jadi saya memang saya akan sentuh lagi sedikit untuk pengetahuan Yang Berhormat-Yang Berhormat di sini. YB. Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri telah mempelbagaikan lagi tarikan pelancongan negeri terutama di Seberang Perai. Oleh yang demikian kawasan yang berpotensi dijadikan tumpuan pelancong akan dipromosikan di dalam pelan-pelan promosi Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri baru-baru ini telah menerbitkan sebuah brosur pelancongan Seberang Perai dengan kerjasama MPSP, saya akan bagi brosur-brosur ini kepada YB. Penaga kerana beliau Yang Berhormat belum nampak lagi brosur ini walaupun dicetak enam (6) bulan dulu.

Ahli Kawasan Jawi (YB. Soon Lip Chee):

Minta laluan, minta penjelasan adakah brosur-brosur yang dicetak oleh Negeri Pulau Pinang terutama EXCO Pelancongan. Adakah diletak di lapangan terbang KLIA ataupun di mana-mana tempat selain daripada Pulau Pinang, adakah dibenarkan oleh kementerian pelancongan. Soalan kedua, Tahun Melawat Malaysia akan sampai lagi tiga (3) minggu, adakah Kementerian Pelancongan memberikan peruntukan untuk membantu Pulau Pinang mempromosikan bidang ataupun sektor pelancongan ini supaya pegawai-pegawai bukan sahaja melawat Negeri Pahang, Negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak tetapi jika membantu Negeri Pulau Pinang, sekian.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Memang risalah-risalah Pulau Pinang kita ada edar kepada beberapa tempat di Pulau Pinang seperti di lapangan terbang, di hotel-hotel, di *shopping mall*, di tempat peranginan termasuk di Seng Heng termasuk Autocity dan sebagainya dan untuk diluar negara apabila kita bekerjasama untuk mempromosi di negara seperti di Jepun, Korea, Australia, Singapura, Europe di mana apabila kita tidak habis risalah-risalah kita akan letak risalah ini di Pejabat Tourism Malaysia untuk mempromosikan Pulau Pinang, tetapi kita sedihnya sebelum itu, kita tak nampak banyak Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak diletak di dalam pelan-pelan Tourism Malaysia. Baru-baru saja apabila menteri telah tukar, cara pun ada sedikit bertambah baik untuk mempromosikan Pulau Pinang dan juga dalam lima (5) tahun yang lepas memang tidak ada peruntukan khas untuk membantu promosi di Pulau Pinang. Sebelum itu 2008 ada kadang-kadang RM500,000 diberi, kadang-kadang RM1 juta diberi tapi peruntukan wang tunai disalurkan kepada Pulau Pinang memang tidak ada dan kita haraplah...(gangguan) dari wakil pembangkang harap kita kalau ada projek-projek yang perlu kita harap diwakil dari pembangkang pun boleh untuk mendesak daripada Kementerian supaya peruntukan perlu disalurkan kepada Negeri Pulau Pinang..... (gangguan), banyak *test* seperti hotel-hotel, *travel agent* banyak *test* telah dikutip oleh Kementerian ...(gangguan).

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan YB. Batu Lancang, saya pun takut sebab YB. Dato' Speaker berada di belakang sana untuk memerhati kita di sini. Saya tidak bersetuju dengan pandangan YB. Batu Lancang bahawasanya brosur Penang tidak dibawa di Malaysia, di Pulau Pinang ini ada Majlis Tindakan Negeri Pelancongan di sini dan saya tahu mereka telah pun mengeluarkan brosur-brosur berkaitan Pulau Pinang kerana mereka dipertanggungjawabkan mempromosikan Pulau Pinang, so kalau tak ada saya tak yakin sebab saya memang pergi ke pejabat mereka memang ada brosur-brosur tersebut mungkin YB. Batu Lancang tidak mahu berjumpa dengan mereka, berbincang dengan mereka dan sebagainya, brosur itu memang ada.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Pulau Betong tadi saya kata bukan brosur tak ada, ada tapi yang banyak risalah-risalah tak pameran, tak bubuh nama Pulau Pinang atau tempat peranginan bukan semua, tapi ada di beberapa tempat di negara lain memang kita bekerjasama dengan mereka tapi ada juga halangan sedikit dari Kementerian jadi susah. Walau bagaimanapun setiap tahun ini suasana sudah berubah so nampaknya kita boleh

bekerjasama dengan Tourism Malaysia untuk mempromosikan Visit Malaysia Year dalam tahun depan dan harap Pulau Pinang pun boleh dimuatkan dalam risalah-risalah dalam Visit Malaysia Year.

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar bin Othman):

Terima kasih YB. Batu Lancang ya saya nak menyentuh sedikit tentang Pesta Pulau Pinang yang telah orang kata apa menjadi ikon Pulau Pinang sejak sekian lama, tapi cuma saya ingin dapatkan kepastian daripada Yang Berhormat sama ada Kerajaan menyimpan statistik pengunjung ke Pesta Pulau Pinang setiap tahun, kehadiran berapa ramai yang hadir ke pesta tersebut sebab Pesta Pulau Pinang sebagaimana kita semua sedia maklum setiap tahun akan diadakan. Jadi saya nak bertanya sama ada, adakah pengunjung bertambah atau promosi dijalankan berterusan mengenai Pesta Pulau Pinang dan sama ada Pesta Pulau Pinang ini sekadar memenuhi kalendar tahunan pelancongan, sebab saya tengok. Saya juga hadir ke Pesta Pulau Pinang tahun lalu tetapi tahun ini belum sempat. Pesta Pulau Pinang hari ini tak macam Pesta Pulau Pinang yang dulu. Kalau dulu nama Pesta Pulau Pinang di Tapak Ekspo kita boleh tengok *exhibition* daripada negara-negara luar. Ada juga pameran daripada pengusaha-pengusaha ikan emas, saya masih ingat, ikan-ikan hiasan tapi hari ini Pesta Pulau Pinang ini dipenuhi dengan jualan baju-baju kurung, baju-baju wanita seperti yang dijual di ekspo-ekspo biasa dan juga kedai-kedai makan. Jadi saya nak tanyalah apakah usaha yang akan dilakukan bagi memastikan Pesta Pulau Pinang ini kembali kepada kegemilangan pada satu ketika dulu, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Untuk makluman YB. Bertam ini kerana bukan dalam soalan yang bertulis, so saya hanya boleh jawab dalam tahun kebelakangan ini Pesta Pulau Pinang memang dapat keuntungan dari RM200,000 hingga RM500,000 ribu dan lebih kurang pengunjungnya pun bertambah. Kalau mungkin dalam esok kita akan bagi satu jawapan yang lebih tepat dari angka-angka itu. Untuk tadi kita sentuh tempat peranginan di Seberang Perai antara tempat menarik yang dipromosikan dalam brosur ini dalam tarikan-tarikan istimewa yang menjadi identiti Seberang Perai seperti contohnya Pantai Bisik di Kuala Muda, Taman Negara Bukit Panchor, Penang Birds Park...(dengan izin) Batu Bertulis Cherok To' Kun dan banyak lagi. Saya akan edarkan risalah ini kepada Yang Berhormat.

Antara tarikan baru di Seberang Perai adalah pelancongan eko iaitu Autocity River Cruise di Juru ...(dengan izin) melalui *River Cruise* pelancongan ini pelancong berpeluang menikmati pelancongan eko dan alam semula jadi perairan Pulau Pinang. Melalui *River Cruise* ini juga pelancong juga boleh menikmati sendiri aktiviti menarik dan keindahan semula jadi seperti hutan paya bakau, penternakan ikan dalam sangkar dan menikmati Jambatan Pulau Pinang Pertama dan Kedua. Di akhir *River Cruise* ini pelancong boleh merasai pengalaman membeli belah di dalam taman di *outlet* yang banyak terdapat di Autocity. Selain daripada itu, Pulau Aman juga akan dipromosi oleh Kerajaan Negeri terutamanya kepada pelancong luar negara, Pulau Aman telah menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara dengan anggaran seramai 30,000 orang pengunjung setiap tahun, istimewa makanan laut di Pulau Aman antara faktor yang mempopularkan Pulau bersejarah ini.

Untuk menjawab soalan YB. Jawi, Kerajaan Negeri sentiasa mempromosikan kawasan-kawasan kelip-kelip melalui risalah-risalah dan juga *platform-platform* yang lain. Buat masa sekarang kawasan kelip-kelip ini diusahakan oleh pengusaha sendiri dan beliau mempromosikan kelip-kelip ini melalui *face book* dan media lain dan maka sebagai permulaan, cadangan telah dikemukakan kepada MPSP untuk menaik taraf arca kelip-kelip yang menjadi mercu tanda kawasan terbabit. Di sini saya ingin menjemput YB. Jawi dan mana-mana Yang Berhormat yang berminat untuk pergi melawat kawasan kelip-kelip tersebut pada 9hb. Januari tahun hadapan, supaya kita boleh merancang dengan lebih teratur dan meminta peruntukan dan lebih besar untuk menaik taraf kawasan kelip-kelip tersebut.

YB. Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri juga sentiasa mempromosikan program *homestay* yang sedia ada di Pulau Pinang seperti Pulau Betong, Telok Bahang, Mengkuang Titi, Sungai Duri dan Sungai Sembilang. Satu program *homestay* di bawah kendalian dan pemantauan Kerajaan Negeri juga telah pun dimulakan. Kursus pengenalan program *homestay* telah pun diadakan bersama bakal-bakal pengusaha *homestay* dari seluruh Daerah Negeri Pulau Pinang dengan kerjasama Kementerian Pelancongan. Untuk makluman Dewan, lesen dan program *homestay* dikendalikan oleh Kementerian Pelancongan, walau bagaimanapun Kerajaan Negeri tak pernah memberikan peruntukan kepada program *homestay* tetapi kita memang menaja risalah-risalah *homestay* yang diuruskan oleh hotel sebelum ini. YB. Timbalan Speaker...(gangguan).

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Batu Lancang minta laluan sikit, cuma saya nak tanya tentang *homestay* tadi disebut Sungai Duri ada sebutkan Sungai Acheh tak sebut ke berkenaan ada, pasal sebut Sungai Duri, saya ingat pasal YB. Timbalan Speaker jaga Sungai Bakap sebut Sungai Duri dulu, itu saya jangan lupalah okey.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Minta penjelasan saya sedar kerana saya yang menubuhkan *homestay* Pulau Pinang dengan kampung 22 rumah, apa yang saya nak utarakan adalah saya minta kerjasama daripada Kerajaan Negeri untuk membantu menyediakan prasarana ataupun memperelokkan prasarana bukan kepada rumah *homestay* tetapi kepada persekitaran melalui JKKK dan sebagainya supaya kampung itu lebih bersih, lebih teratur, lebih berkemudahan dan sebagainya untuk memastikan yang kampung *homestay* itu adalah kampung yang kondusif, itu saja saya minta bukannya nak bagi pada rumah tak perlu program tak perlu sebab ini di bawah bidang kuasa dan peruntukan yang ada pada Kerajaan Negeri untuk memastikan yang kampung itu tersusun dan teratur.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Ya memang YB. Pulau Betong faham tahu bahawa peruntukan Negeri memang terhad, so jadi kalau YB. Boleh tulis surat kepada Kementerian memang saya sokong untuk menaik taraf di sekeliling *homestay* memang dan juga kita akan sentiasa bersedia untuk menaja risalah-risalah *homestay* kerana bukan sahaja pelancong asing, mereka memang minat dan khasnya kita tidak hanya mahu tumpukan di bandar raya sahaja tetapi kita sekarang kita pun buat pesta durian di Balik Pulau dan kita mahu pelancong asing pun menikmati pemandangan di Seberang Perai juga.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):

Tadi berbalik kepada homestay saya nampak memang yang banyak di sebelah Seberang Perai dan kebanyakannya ialah di kampung-kampung Melayu, kalau boleh pelancong yang datang dia nak tengok adat bukan orang Melayu sahaja dan mungkin juga Kerajaan Negeri juga boleh wujudkan *homestay* di perkampungan-perkampungan baru yang ada adat ataupun kebudayaan-kebudayaan yang boleh ditonjolkan. Orang luar negeri ini dia mai dia nak masuk, dia nak pi bendang, dia nak pi sawah mungkin kalau ada getah dia nak potong getah sama-sama dan kita buat ini kita pilih rumah di kampung itu yang sesuai, yang setuju pelancong itu akan duduk di situ dan mengalami keadaan hidup di kawasan *homestay*. Kalau boleh tengok balik mungkin kalangan masyarakat Cina ada perkampungan yang boleh kita jadikan *homestay*. Satu lagi dari segi acara-acara besar tadi dan untuk Tahun Melawat Malaysia atau mungkin tahun melawat Pulau Pinang kita boleh kita atur macam *Marathon Bridge*, acara-acara sukan besar supaya pelancong yang mai itu lepas itu dia mungkin akan datang semula untuk melawat Pulau Pinang. Carilah acara-acara sukan yang lebih besar yang boleh kita Kerajaan Negeri laksanakan di Negeri Pulau Pinang.

Ketiganya dari segi sumbangan dan penglibatan Bumiputera dalam sektor ini kita nampak agak rendah ataupun agak kurang penglibatan Bumiputera dari segi perniagaan-perniagaan yang besar dari segi hotel dan perhotelan dan sebagainya dan kalau boleh dari segi syarikat-syarikat pelancongan, kalau boleh ada langkah-langkah yang diambil oleh MMK Pelancongan untuk menambahkan penglibatan Bumiputera dalam sektor pelancongan di Negeri Pulau Pinang supaya sama-sama kita mendapat faedah pendapatan daripada sektor pelancongan ini, bukan hanya sekadar peniaga-peniaga kecil di Batu Feringgi sahaja tapi kita nak juga penglibatan dalam sektor-sektor yang lebih besar dalam pelancongan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Memang YB. Speaker cadangan YB. Sungai Dua memang baik untuk memberikan peluang pelancong asing untuk menyaksi atau menikmati kebudayaan tempatan seperti kebudayaan atau acara tetapi kita telah bincang lama dan kita menghadapi masalah dan bukan semua yang boleh ada masa lapang buat acara ini, kalau di mana-mana kawasan, kalau ada kita akan menaja supaya untuk jadikan tempat itu tarikan untuk pelancong asing dan mereka tahu apabila mereka melawat tempat itu ada acara kebudayaan, acara tempatan diadakan tetapi buat masa ini susah nak cari, so kalau ada kita boleh bekerjasama dengan mana-mana pihak supaya kita adakan tempat ini. Untuk penglibatan dari Bumiputera memang ada tapi kalau ini adalah *demand and supply free enterprise* ...(dengan izin) kita memang sentiasa akan membantu sesiapa yang perlu dan kita rasa ada *international market* di antarabangsa, memang potensi untuk halal untuk *travel* melancong di tempat lain dan pengusaha pelancong Bumiputera memang sesuai untuk membawa pelancong tempatan ke negara-negara asing di mana ada halalnya tempatan memang kita akan bantu.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Wong Hon Wai):

Minta penjelasan. Perancangan telah pun dan kebudayaan saya satu cadangan tambahan Pulau Pinang ada banyak terkenal dengan kebudayaan kita, bukan sahaja kita setiap kali menarik pelancong lihat bangunan ataupun bangunan warisan atau

kelip-kelip dan sebagainya tapi *intangible culture heritage* warisan tidak ketara, apabila kita pergi negara-negara mungkin kita pergi Indonesia kita akan tengok pertunjukan Anglung satu UNESCO Heritage, *Intangible Heritage* yang sudah dapat diiktiraf UNESCO. Di Pulau Pinang saya rasa pontensinya macam boria kenapa kita boria kenapa kita tidak adakan festival boria, pertandingan festival boria, semua kawasan-kawasan promosi untuk boria semua dan pelancong datang tengok dan pada masa yang sama kita *push* supaya mendapat UNESCO *Intangible Culture Heritage status* tersebut. Chingay saya menerima telefon, orang tanya saya bila chingay tahun ini, saya jawab 20 tahun dulu kita Chingay setiap 25 Disember, tapi kebelakangan ini dia punya hari sudah lari semua kita pun tak tahu bilakah Chingay? Kenapa tidak ada dan apa permasalahan yang dihadapi kerana tak *fix* Chingay pada hari Krismas 25 Disember? Supaya semua orang tahu, dulu 20 tahun dulu kita kecil-kecil chingay mesti hari Krismas tak ada hari lain tak ada hari lainnya punya. Saya waktu kecil kita pergi Chulia Street tengok Chingay depan Hong Kong Bar, Hong Kong Bar tak buka pagi tengok Chingay setiap Krismas tapi sekarang hari sudah lari saya pun tak tahu bila Chingay so mungkin perkara-perkara ini kita *promote* supaya kita dapat menjadi tarikan pelancong.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

YB. Speaker untuk jawapan YB. Air Itam memang setiap tahun kita ada pertandingan boria di Pulau Pinang, ada, memang so mungkin semua Yang Berhormat-Yang Berhormat sibuk tak pergi tengok. Lagi satu memang kita ada Majlis Kebudayaan Negeri di mana kita ada penari-penari, apabila pelancong asing datang kita boleh sambut di lapangan kapal terbang untuk hari yang pertama dalam Tahun Melawat Malaysia tahun 2014, kita pun sudah sediakan ini pengunjug untuk menyambut mereka datang dan kita bekerjasama dengan *Tourism Malaysia* memang kadang-kadang ada. Untuk Chingay apabila saya menjadi EXCO Pelancongan banyak *complaint* aduan dari orang Kristian supaya menghormati hari Krismas mereka, kerana hari ini selalu mereka sibuk dan mereka nak tengok Chingay, tetapi mereka sibuk dengan perayaan Krismas so dan yang kedua sebabnya hari itu memang selalu sesak jalan, so untuk mengelakkan kesesakan lalu lintas kita ubah tariknya tidak dalam dalam 25 haribulan. Ketiga hotel-hotel meminta supaya ada perayaan jangan buat di masa apabila semua *full*, hotel semua penuh dengan penumpang jangan buat acara di masa ini so banyak sebelah kita tukar dan acara Chingay sudah kita letak dalam kalender *event* awal-awal tahun memang ada, kalau sesiapa berminat mereka tahu dan di dalam *website* kita tahu sudah ada, tapi kadang-kadang semua kita sibuk kita tak tahu. Kalau *you* minat boleh dapat maklumat ini. Jadi tahun ini adalah Ahad ini 15 haribulan dari Jalan Padang Brown melalui Penang Road dan akhirnya di Esplanade.

Untuk jawapan untuk mengenai perubatan pelancongan, memang mengikut Penang Health Association pada tahun 2013. Untuk tahun ini jumlah pendapat sektor pelancongan perubatan adalah dijangka sebanyak RM375 juta berbanding dengan RM314 juta pada tahun lepas memang meningkat dengan banyak. Jumlah pendapatan sektor perubatan di Pulau Pinang menyumbang sebanyak 60% kepada jumlah keseluruhan negara Malaysia dalam sektor perubatan. Sektor perubatan kesihatan banyak membawa pesakit-pesakit daripada Indonesia dan juga keluarga-keluarga mereka khususnya Medan, Acheh, Surabaya, Jakarta dan banyak lagi oleh kerana permintaan yang tinggi, terdapat pertambahan penerbangan daripada Indonesia lebih-lebih lagi laluan Medan Pulau Pinang dengan tambahan penerbangan Air Asia dan juga Garuda Air di mana jumlah penerbangan ke Medan kini adalah 85

kali seminggu dibandingkan dengan 60 seminggu pada tahun lepas. Laluan Singapura Pulau Pinang juga ditambah pada tahun dengan penambahan Silk Air, Jet Star dan Tiger Airway dengan jumlah 80 kali penerbangan seminggu berbanding 66 penerbangan seminggu sahaja. Kesan daripada kemasukan pelancong perubatan ini menghasilkan *spill over* ...(dengan izin) lebih-lebih lagi di gedung-gedung beli-belah dan restoran-restoran makanan sekitar Pulau Pinang yang sentiasa penuh dengan para pelancong.

Untuk makluman Dato' Speaker dan Ahli-ahli Dewan baru-baru ini juga sebuah syarikat penerbangan dari Hong Kong iaitu Hong Kong Express telah memulakan penerbangan harian atau *daily flight* dari Hong Kong ke Pulau Pinang pada bulan November lepas. Ini menunjukkan semakin ramai pelancong amat tertarik dengan Pulau Pinang dan pasaran untuk pelancongan semakin meningkat dengan populariti Pulau Pinang. Selain mencatatkan jumlah ketibaan pelancong yang ramai dan meningkat setiap tahun Pulau Pinang sering memperolehi pelbagai pengiktirafan peringkat Nasional dan antarabangsa ini termasuklah artikel-artikel di majalah antarabangsa dan juga pengiktirafan daripada organisasi-organisasi media dan pelancong antarabangsa. Baru-baru ini sahaja lukisan mural basikal di Lebuh Armenian telah disenaraikan oleh Majalah *The Guardian* dari United Kingdom sebagai salah satu *street art* ...(dengan izin) yang terbaik di dunia. Lukisan mural ini adalah satu-satunya lukisan mural daripada benua Asia yang diiktiraf oleh majalah ini selain daripada lukisan-lukisan lain daripada Perancis, UK, Belgium, USA dan...(gangguan).

Ahli Kawasan Bertam (YB. Haji Shariful Azhar Bin Othman):

Penjelasan Yang Berhormat. Saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat mengenai *Mural Children on the bicycle* dan juga telah pun disebutkan pagi tadi oleh YB. daripada Air Itam dan difahamkan yang *mural* ini adalah antara 15 *murals* ini terbaik di dunia sebagaimana dilaporkan dalam *Guardian* dan setakat hari ini saya difahamkan mural tersebut telah tiga kali ...(dengan izin) di *vandalise*, tiga kali dirosakkan oleh tangan-tangan yang jahat budak-budak lah kot pergi sembur dengan *spray*. Ianya dilukis oleh seorang artis daripada Luftania *something like that* atas jemputan ke Pulau Pinang dan orang putih yang lukis itu atas jemputan dan apabila beliau melukis rupa-rupanya itu adalah merupakan antara mural yang tercantik berada di Pulau Pinang.

Ramai yang mengetahui ini mereka telah datang ke Pulau Pinang ada yang ambil gambar semua. Tetapi hari ini saya difahamkan dah tiga kali dirosakkan dan diperbaiki oleh artis-artis tempatan *touch-up*. Jadi saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri maksudnya daripada Yang Berhormat EXCO apakah tindakan yang diambil untuk kita menjaga mural ini daripada terus dirosakkan oleh tangan yang jahat, tangan yang gatal dan juga oleh penuaan daripada matahari dan hujan, sebab ia merupakan satu bagi *artwork* yang berharga, itu sahaja, terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Law Heng Kiang):

Untuk maklumat YB Bertam, memang nasib baik walaupun telah rosakkan tapi pelukis sentiasa untuk *touch up* dan juga Majlis Perbandaran juga memasang CCTV supaya untuk mengelakkan kerosakan ini memang ada, tetapi kalau nak kata untuk letak bumbung itu tak sesuai lah.

Saya teruskan dengan yang lain, krew-krew produksi rancangan tv, dan filem juga berpusu-pusu datang ke Pulau Pinang untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai set rancangan mereka dan khasnya adanya mural ini, mereka datang untuk mengambil filem di tempat tersebut. Banyak syarikat TV antarabangsa antaranya *Food Channel* dari UK, *Fox TV* dari UK, *No Revision* daripada *New York*, KBS yang popular mengenai *backpack travel* dari Korea dan juga baru-baru ini sebuah drama TVB Hong Kong dalam bulan April tahun ini berjudul *Out Bounce Love* turut mengadakan penggambaran di Pulau Pinang selama sebulan. Pulau Pinang juga turut menjadi lokasi penggambaran filem antarabangsa oleh produksi teknik terkenal dari serata dunia. Pada bulan Januari untuk tahun depan untuk sebuah filem Tamil yang dibintangi oleh pelakon popular di India akan difilemkan di Pulau Pinang buat pertama kalinya. Sebuah lagi filem dari Taiwan juga, akan bukan saja Taiwan mengandungi pelakon dari China juga akan memulakan penggambaran pada bulan Februari di tahun depan, di sekitar bangunan bersejarah dan *mural street art* ini. Syarikat-syarikat produksi ini memilih Pulau Pinang kerana keunikan bangunan bersejarah Georget Town, faktor *living heritage* ...(dengan izin) dan keharmonian pelbagai kaum di Pulau Pinang yang unik dan tidak terdapat di negara lain. YB Berhormat Timbalan Speaker.....(gangguan).

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Teh Yee Cheu):

Penjelasan, tentang perfileman ini mungkin rakan kita Yang Berhormat Kebun Bunga yang pakar dalam bidang ini boleh bantu EXCO dalam bidang ini dengan menubuhkan satu jawatankuasa untuk YB. Kebun Bunga untuk membantu EXCO mempertingkatkan bidang perfileman di Pulau Pinang dengan cara-cara atau *connection* yang dia ada untuk menjemput *director* tersebut.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Law Heng Kiang):

Yang Berhormat Tanjung Bunga memang ini cadangan yang baik saya akan berbincang dengan YB Tanjung Bunga supaya dapat *strive* untuk buat penggambaran di Pulau Pinang. Dengan segala usaha-usaha yang dilakukan dan akan dilaksanakan dan kejayaan yang telah dicapai, saya yakin Pulau Pinang akan kekal sebagai destinasi pelancongan utama dan menjadikan Pulau Pinang sebagai bandar raya antarabangsa dan bandar raya terpintar di Malaysia dengan itu saya memohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan berhenti rehat selama 15 minit dan akan sambung semula pada jam 5.55 petang.

Dewan ditangguhkan pada jam 5.40 petang.

Dewan disambung semula pada jam 6.00 petang.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat sesi penggulungan disambung. Ahli Yang Berhormat Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Terima kasih YB. Dato Speaker, saya mengucapkan terima kasih kepada beberapa orang Yang Berhormat yang telah menunjuk minat dalam portfolio saya ini semasa membahaskan bajet pada tahun depan ini. Ahli Kawasan Seri Delima ada menyoal tentang banjir kilat yang berlaku di Lapangan Kapal Terbang Antarabangsa Bayan Lepas yang berlaku pada 19 November 2013. Sebenarnya bidang kuasa Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas ini adalah di bawah Kerajaan Pusat. Walau bagaimanapun suka saya menjawab soalan ini. Saya dan agensi-agensi Kerajaan telah melawat ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas pada 22 November tahun ini. Dalam perbincangan dan taklimat pada hari itu, pihak pengurusan telah memberitahu bahawa:

- 1) Hujan pada 19 November 2013 adalah 53.8 milimeter dalam masa 25 minit sahaja, satu (1), kadar hujan yang paling tinggi sekali dalam rekod.
- 2) Sistem pam sedia ada di kawasan airport kurang kapasiti untuk mengepam air keluar ke sungai dan seterusnya keluar ke laut. Untuk mengatasi masalah ini pihak MAHB sedang memasang lebih pam supaya kapasitinya lebih besar, sebenarnya apabila kita melawat tempat itu, projek memasang pam sudah sedang dijalankan dan bukan selepas air bah baru bercadang memasang, sebenarnya sedang memasang tapi belum beroperasi lagi.
- 3) JKR dan JPS telah diarahkan untuk membersihkan dan menyelenggara longkang-longkang di sekeliling luar pagar iaitu perimeter *drain*, mereka mendakwa ada sampah sarap yang telah dibawa oleh air bah ke dalam lapangan terbang tetapi kita telah mengarah JPS dan JKR untuk membersihkan dan menyelenggara perimeter *drain* yang disebut-sebutkan itu. Kesimpulannya kalau hujan turun dengan kadar biasa, longkang-longkang dan parit-parit dibersihkan dan diselenggara dengan baik dan pam yang lebih kapasiti dipasang, maka banjir kilat dapat dielakkan pada masa depan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar ada membangkitkan masalah pemindahan Rumah Hijau yang jauh di Mak Mandin, suka saya menjawab bahawa masalah ini adalah diwarisi oleh pemerintahan Barisan Nasional. Pada Disember 2004, Barisan Nasional telah menswastakan tanah seluas 10,000 ekar ini kepada pemaju swasta untuk dimajukan. Pemaju swasta telah membina satu blok rumah pangsa kos rendah sejumlah 304 unit di Ampang Jajar untuk menempatkan penduduk di Rumah Hijau. Kebanyakan penduduk-penduduk telah dan sudi berpindah, tetapi masih terdapat lebih kurang 70 keluarga yang enggan berpindah, mereka mendesak supaya ditempatkan di tempat yang asal. Kerajaan sekarang tidak boleh bersetuju dengan desakan mereka kerana ia akan melibatkan ganti rugi berpuluh juta ringgit dan sebenarnya pihak pemaju swasta pernah memfailkan tuntutan ganti rugi di mahkamah atas sebab tidak dapat menyerah kosong tapak untuk dimajukan.

Atas rundingan semula pihak pemaju swasta telah menarik balik kes mahkamah tersebut. Sebenarnya pihak Kerajaan boleh bertegas untuk memindahkan mereka atas pertimbangan kemanusiaan, sebaliknya Kerajaan Negeri telah mengenal pasti satu bidang tanah seluas satu (1) ekar untuk Kerajaan Pusat membina 70 unit rumah pangsa kos rendah untuk menempatkan mereka. Walaupun beberapa surat cadangan telah dikirim oleh YB. Dato' SUK kepada Kerajaan Pusat, namun sehingga sekarang masih belum mendapat kata putus daripada Kerajaan Pusat.

YB. Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar berkata ada sejumlah RM11 juta telah disediakan untuk tujuan ini, bolehkah Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar menunjukkan surat atau bukti-bukti supaya kita boleh mengambil tindakan susulan sekiranya ada peruntukan RM11 juta itu. YB. Sungai Acheh ada menyoal status cadangan projek jambatan yang menghubungkan Kampung Tanjung Berembang dengan Jalan Victoria di Nibong Tebal. Walaupun Ahli Kawasan Sungai Acheh dia tidak setuju dengan jajaran ini tetapi kita boleh bincang kemudian. Apa yang sedang kita buat ini adalah seperti jajaran yang saya kata. Suka saya memaklumkan bahawa proses pengambilan tanah, kerja-kerja ukur tanah dan juga perlantikan Jurutera Perunding sedang dilaksanakan. Cuma saya ingin bertanya kepada Ahli Kawasan Sungai Acheh sebenarnya projek besar di negeri, di mana-mana negeri pun patut ditanggung atau dibina oleh Kerajaan Pusat tetapi oleh kerana kepentingan penduduk-penduduk di sana, kami mencadangkan, sebenarnya Yang Amat Berhormat telah menulis kepada Menteri, Kementerian Pembangunan Luar Bandar untuk beliau melaksanakan projek ini, tetapi sehingga sekarang pun tiada lagi balasan surat daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Justeru itu, Kerajaan bersedia untuk meneruskan projek ini. Sila.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Okey terima kasih Yang Berhormat, cuma saya dapat maklumat bahawa pengambilan tanah telah selesai dibuat. Berapakah pemilik tanah yang terlibat dan sudah selesaikah dari segi pengurusan pembayaran kepada pemilik-pemilik tanah? Yang kedua dari segi peruntukan. Berapa kos yang sebenarnya dan adakah sebenarnya hendak dapatkan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan atau memang Kerajaan Negeri sendiri ada peruntukan untuk pembinaan tersebut. Kalau ianya menaruh harap kepada Kerajaan Persekutuan, kita jelaskan bahawa peruntukan ini kita nak minta daripada Kerajaan Persekutuan supaya rakyat tahu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Proses pengambilan tanah telah diluluskan oleh MMK dan tertakluk kepada Pejabat Tanah untuk menjalankan siasatan selanjutnya dan juga *hearing*, dan juga membuat pampasan cuma setakat ini hanya diluluskan oleh pihak MMK dan seperti yang saya kata, kerja-kerja ukur tanah terperinci sedang dijalankan. Jadi *final* atau muktamad tanah, lot tanah berapa dan pampasan beberapa belum dimuktamadkan lagi, jadi ia masih berjalan Yang Berhormat.

YB. Telok Bahang, ya, tadi Yang Berhormat juga kata dana atau peruntukan dari mana, Kerajaan Negeri seperti yang saya kata, patutnya dibiayai oleh Kerajaan Pusat. Sekiranya Yang Berhormat beri kerjasama, sama-sama kita minta kepada Kerajaan Pusat supaya mereka membiayai pembinaan projek ini, maka wang yang sepatutnya akan dibiayai oleh Kerajaan Negeri, kami boleh menggunakannya untuk projek-projek yang lain supaya ia memanfaatkan kepada seluruh Pulau Pinang. Kalau kita menaruh

sahaja RM20 juta kurang-kurang, RM20 juta kurang-kurang, kalau kita menaruh sahaja satu jumlah yang begitu besar untuk satu projek, maka ia akan memanfaatkan Sungai Aceh dan Jawi sahaja. Kalau kita dapat peruntukan daripada Kerajaan Pusat, maka RM20 juta ini boleh diagih-agihkan ke seluruh Pulau Pinang, semua mendapat manfaat. Jadi saya berharap juga Ahli Kawasan Aceh kita sama-sama mendesak Kerajaan Pusat supaya mereka boleh membiayai projek ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Terima kasih. Setuju tidak Ahli Kawasan Bagan Jermal bahawa Kerajaan Negeri memang mengharap sangat untuk mendapatkan peruntukan Kerajaan Pusat bagi menunaikan janji-janji untuk membina jambatan. Setuju atau tidak Ahli Kawasan Bagan Jermal?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Sepatutnya akan dibiayai dalam projek ini telah diluaskan skopnya... (gangguan).

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Tanasekharan A/L Autherapady):

Minta Penjelasan Ahli Kawasan Bagan Jermal, setuju atau tidak bahawa Kerajaan Pusat bertanggungjawab untuk membuat pembinaan seperti ini dan lain-lain infrastruktur terhadap Pulau Pinang kerana penduduk-penduduk Pulau Pinang juga membayar *tax*, *tax* yang tinggi. Nampaknya Kerajaan Pusat diskriminasikan Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' janganlah kata diskriminasi lagi, saya cuma tanya, sebab sekarang pengundi saya kata Kerajaan Negeri Pulau Pinang nak menggunakan duit Kerajaan Negeri nak buat jambatan, tetapi saya nak sampai mesej kepada rakyat, bahawa Kerajaan Negeri hanya mencadangkan tetapi nak dapatkan peruntukan perlu daripada Kerajaan Pusat. Itu betul tidak Ahli Kawasan Bagan Jermal? Itu sahaja, soal diskriminasi tidak timbul sekarang. Terima kasih YB. Dato' Speaker.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Kerajaan memang harap tetapi sama ada boleh dapat, tidak boleh dapat kita tidak tahu. Jadi kalau Yang Berhormat ada berjanji dengan penduduk-penduduk kawasan Yang Berhormat, Yang Berhormat perlu mengotakan janji tersebut dengan mendapat wang daripada Kerajaan Pusat, seperti tadi yang saya menjawab Ahli Kawasan Bagan Dalam, beliau kata Kerajaan Pusat ada kewajipan perlu menanggung, saya sudah kata sebenarnya di mana-mana *state* pun, oleh kerana Kerajaan Negeri hasilnya terhad, apa kita dapat dari cukai tanah sahaja, hasil tanah sahaja dan kalau Kerajaan Pusat boleh menanggung projek-projek besar seperti lebuh raya, seperti jambatan besar, seperti empangan besar, semua-semua yang besar-besar ditanggung oleh Kerajaan Pusat sebab Kerajaan Pusat yang mengutip kebanyakan hasil-hasil dan cukai-cukai. Jadi itu adalah satu kewajipan Kerajaan Pusat melaksanakan projek-projek yang besar itu.

Timbalan Ketua Menteri II:

Minta laluan kepada saya, ada *chance*, ada *chance*. Ahli Kawasan Bagan Jermal boleh dikatakan bahawa sumbangan Kerajaan Negeri pada tiap-tiap tahun melalui cukai daripada jumlahnya adalah 30%. Apa yang kita dapat daripada Kerajaan Pusat saya ingat kurang daripada 5%. Dari mana ada keadilan, *you* setuju? Tidak setuju, itu sahaja.

Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

YB. Dato' Speaker, saya cuma nak menjelaskan kepada pengundi-pengundi, pengundi dengar ini, sebenarnya Bagan Jermal saya tidak pernah berjanji, dua (2) kali pilihan raya pun saya tidak pernah berjanji untuk membina jambatan itu, cuma dalam Dewan saya mencadangkan untuk dibuat di Sungai Udag, *correct*? Dari segi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan bertanggungjawab, Kerajaan Negeri pun bertanggungjawab kerana rakyat di sini juga sebagai pembayar cukai kepada Kerajaan Persekutuan dan juga meraih cukai daripada Kerajaan Negeri. Terima kasih YB. Dato' Speaker. Ini nak jelas.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Ahli Yang Berhormat dari Perai memang diketahui umum bahawa penduduk-penduduk di Pulau Pinang menyumbang sebahagian besar hasil dalam Negara kepada Kerajaan Pusat dan itu tidak dapat dinafikan, tetapi peruntukan yang Kerajaan Negeri Pulau Pinang dapat itu cuma seperti yang dinyatakan 5% sahaja. Jadi itulah keadaan sebenarnya di dalam Malaysia ini dan Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat tadi saya sudah jawab, tidak payah ulang lagi ya, terima kasih.

YB. Telok Bahang ada menyentuh kekerapan berlaku gangguan ke atas Kereta Api Bukit Bendera. Sebenarnya soalan ini telah dikemukakan dan satu jawapan bertulis telah diberi kepada beliau dan walau bagaimanapun beliau telah bertanya saya agar menjawab sekali lagi. Punca perkhidmatan Kereta Api Bukit Bendera terhenti pada 18 Oktober 2013 adalah disebabkan terdapat masalah kualiti kuasa elektrik yang dibekalkan di mana voltan mengalami penyusutan dari kadar sepatutnya. Ianya berlaku begitu singkat sahaja iaitu dianggarkan kurang dari satu (1) minit, satu (1) minit sahaja *interruption of voltage* tetapi sistem kereta api memerlukan kuasa elektrik yang berterusan di antara toleransi *plus minus* 5 peratus, manakala gelombang sinus mesti bersih dari lonjakan, mengendur *amplitude* tertinggi pada masa yang singkat dan sekiranya berlaku *anything* ia perlulah tidak lebih daripada satu kitaran lengkap, ini semua *technical term*.

Dengan ini disimpulkan bahawa, ini dia *conclusion*, disimpulkan bahawa yang berlaku adalah disebabkan oleh gangguan elektrik yang dibekalkan kepada sistem kereta api, generator telah diaktifkan secara automatik dan berfungsi setelah mendapat isyarat penyusutan bekalan kuasa tetapi tidak melakukan pertukaran sistem menggunakan generator kerana bekalan kuasa daripada TNB telah dibekalkan kembali, *that's why* saya kata tadi, satu (1) minit sahaja. Belum sempat menjalankan generator untuk *switch over*, bekalan sudah sambung balik dan kereta api berjalan kembali selama 3½ minit serta mencapai kelajuan operasi 6 meter sesaat dan berhenti semula disebabkan bekalan kuasa yang tidak stabil, bila sampai balik, ia bergerak dalam suatu jarak, kemudian berhenti lagi kerana bekalan elektrik masih tidak stabil.

Bila bekalan ada balik dia bergerak satu jarak, tapi berhenti lagi, jadi bekalan elektrik masih tidak stabil. *Staf* bilik kawalan telah memutuskan untuk menggunakan sistem bantuan atau *auxiliary drive* bagi menggerakkan kereta api setelah mendapati terdapat masalah bagi bekalan kuasa.

Namun begitu, pemandu kereta api telah mengarahkan *staf* bilik kawalan untuk tidak menggerakkan penggunaan sistem bantuan, memandangkan terdapat beberapa penumpang kereta api telah membuka pintu secara paksa dan melompat keluar dari kereta api dan ianya melibatkan faktor keselamatan di mana *Standard Of Operation* (SOP) bagi operasi kereta api, tidak dibenarkan beroperasi sekiranya terdapat penumpang berada di sekitar landasan. Langkah-langkah keselamatan telah dimaklumkan pada papan kenyataan yang di pameran pada ruang menunggu penumpang sebelum pelanggan berlepas ke stesyen atas menggunakan kereta api. Jadi itulah jawapan untuk soalan yang menyatakan kereta api itu sentiasa berlaku gangguan. Sebenarnya kereta api ini daripada Switzerland, satu syarikat yang berjenama, tidak ada masalah sebenarnya.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penyelasan YB. Bagan Jermal. Tadi dalam perbahasasn YB. Telok Bahang ada mengatakan bahawa daripada jawapan yang diberikan oleh Ahli Kawasan Bagan Jermal, 3 tahun berturut-urut kerosakan yang sama berlaku berulang kali 2011, 2012 dan 2013, kerosakan yang sama, masalah yang sama, adakah ia telah pun diatasi ataupun masih belum lagi diatasi?

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Sekali berlakunya gangguan bukan semua kerana bekalan elektrik, kali ini 19 haribulan adalah kerana bekalan elektrik, pada masa yang lepas, alat-alat ganti atau alat-alat elektrik di bawah *dek* ada masalah. Jadi bukan selalu ada masalah yang sama, macam kereta kitalah, nanti brek tidak berfungsi, nanti tayar tidak apa-apa dan berbagai-bagai.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Adakah ini merupakan perkara yang biasa berlaku oleh *cable car* ini sepertimana yang berlaku di Switzerland. Adakah perkara ini perkara yang biasa berlaku dan bukanlah merupakan satu masalah besar ataupun kerosakan besar kepada jentera itu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Ini bukan masalah besar, bukan masalah besar, tetapi pihak pengurusan sentiasa mengikut *Standard Of Operation* menu (SOP) selepas menjalankan beberapa jam ia perlu ada penyelenggaraan berkala atau rutin, mereka ada mematuhi semua garis panduan ini tetapi kadangkala ia berlaku secara tidak sangka. Jadi ini tidak dapat dielakkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A. Thambyappa):

Adakah sebarang pengumuman dibuat....(dengan izin), *announcement* sebelum kereta api bermula/berjalan seperti memberitahu para penumpang(dengan izin), *not to panic because in this instant it stopped, the para penumpang in the commuter panic and started to breaking the door. So, are the announcement made as the S.OP. (Standard of Operating)* seperti yang dilakukan di dalam kapal terbang.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat landasan Kereta Api Bukit Bendera ini ada ruang-ruang tangga dan ruang untuk pejalan kaki di landasan tersebut. Apabila berlakunya tergendala, penumpang-penumpang mungkin mereka ingat kereta api ini mungkin sudah rosak, akan berlaku pada suatu masa yang panjang. Jadi mereka memilih untuk memaksa pintu keluar dan turun dari landasan itu supaya mereka boleh berjalan kaki turun ke bawah bukit, tetapi apabila mereka sudah turun, mereka sudah jalan, elektrik sudah sambung balik dan kereta api boleh jalan, tetapi ada SOP menyatakan bahawa sekiranya ada penumpang-penumpang atau ada orang-orang berjalan di tepi kereta api mereka tidak boleh mengerakkan gerabak itu, sebab itu pemandu *cable car* itu tidak mahu jalan, tapi mungkin pemandu itu pun tidak tahu bila boleh sambung balik, jadi beliau pun mungkin tidak memberitahu kepada penumpang jangan lari, jalan keluar, cuma satu (1) minit sahaja, cuma dua (2) minit sahaja, dia tidak tahu bila akan sambung balik

Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Dr. T. Jayabalan a/l A. Thambyappa):

Soalan saya adakah pengumuman dibuat sebelum kereta api bertolak, *informing the commuters not to panic, this is standard of procedure of any aircraft.*

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Seperti yang saya jawab, langkah-langkah keselamatan yang telah dimaklumkan pada papan kenyataan yang dipamerkan pada ruang menunggu penumpang sebelum penumpang berlepas ke stesyen atas menggunakan kereta api. Feri master dia tidak cakap "sekarang penumpang-penumpang duduk baik-baik sekarang *ferry* akan berjalan, kalau ada apa-apa hal duduk diam-diam sahaja tunggu arahan," tidak buat pengumuman sebegini tetapi ada papan tanda, di mana ada pameran di dalam feri itu supaya menjaga keselamatan sendiri. Saya ingat cukuplah itu. Okay, saya sambung, Yang Berhormat Air Itam ada menyentuh kekurangan bajet untuk JKR untuk tahun depan. Sebenarnya dalam teks ucapan Yang Amat Berhormat semasa membentangkan bajetnya ada di muka 127. Saya baca.

"Terdapat pengurangan yang ketara kepada peruntukan pembangunan Jabatan Kerja Raya di bawah maksud P.12 iaitu peruntukan yang disediakan untuk tahun 2014 ialah sebanyak RM28.23 juta berbanding dengan RM41.6 juta yang telah diluluskan untuk tahun 2013."

Ada perbezaan yang begitu ketara. Pengurangan ini ada kerana keperluan untuk peruntukan projek-projek infrastruktur baru sejumlah RM49 juta diletak di bawah vot pembangunan P.16, Jabatan Kewangan Negeri. Dalam hal ini Kerajaan Negeri mencadangkan supaya projek-projek infrastruktur baru dilaksanakan oleh PDC untuk

memberi tumpuan khusus kepada projek-projek penyelenggaraan oleh JKR. Ini juga selaras dengan usaha Kerajaan Negeri dalam memberi penekanan dalam budaya penyelenggaraan supaya masyarakat dapat mengoptimalkan penggunaan kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan. Jadi peruntukan dikurangkan bukan kita tidak mementingkan kepada pembangunan infrastruktur tetapi diberi pembangunan infrastruktur ini kepada PDC dan JKR ditumpukan untuk menyelenggara projek-projek yang sedia ada atau jalan-jalan yang sedia ada, itulah maksudnya. Ahli Kawasan Pulau Betong ada membangkitkan wang deposit kepada pemborong-pemborong kepada JKR dan beliau juga berkata walaupun RM1,000.00 itu pun besar kepada pemborong, kontraktor kelas F. Kalau beliau pagi ini sepanjang masa merujuk kepada Audit, saya berharap beliau juga membaca Laporan Audit di muka 31 iaitu di muka merah, di mana ada menulis Akaun Amanah Pelbagai, Jabatan Kerja Raya, saya baca ...(dengan izin) YB. Dato' Speaker.

"Akaun Amanah Pelbagai Jabatan Kerja Raya ditubuhkan untuk tujuan menerima pendahuluan pembayaran daripada Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat utiliti, agensi-agensi lembaga dan juga syarikat swasta untuk digunakan bagi membiayai perbelanjaan seperti penyelenggaraan dan pembaikan jalan. Membaiki dan mengubah suai bangunan, perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pembaikan ke atas kerosakan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, syarikat utiliti dan syarikat swasta di Negeri Pulau Pinang. Pegawai Pengawal bagi Akaun Amanah ini ialah Pengarah Kerja Raya Negeri Pulau Pinang. Pada tahun 2012, baki Akaun Amanah ini adalah RM0.75 juta iaitu meningkat sejumlah RM0.12 juta atau 19.0% berbanding perpuluhan RM0.63 juta pada tahun 2011. Peningkatan ini adalah disebabkan deposit yang tidak dikembalikan kepada kontraktor dari Akaun Pelbagai Deposit JKR yang dimasukkan ke akaun ini melebihi amaun untuk perbelanjaan."

Cuma saya menjelaskan katalah seorang kontraktor, dia hendak menggali satu jalan untuk menanam utiliti seperti paip air, seperti kabel atau hendak mengorek jalan untuk menanam kotak-kotak, JKR pasti akan meletakkan satu syarat bahawa beliau mendepositkan satu jumlah wang sebelum diberikan permit dan wang ini disimpan sekiranya pemborong ini tidak membaiki jalan yang telah dikorek dengan sempurna dan memuaskan, maka surat peringatan akan diberi kepada beliau untuk membaikinya. Sekiranya peringatan demi peringatan telah diberi dan masih gagal untuk membaikinya, maka JKR akan mengguna pakai deposit ini untuk membaikinya bagi pihak beliau dan wang ini akan dihapus kira, tetapi oleh kerana ada banyak yang telah memberi deposit dan mereka tidak mahu menuntut balik sama ada mereka lupa atau mereka ada. Sebab tertentu tidak mahu menuntut balik sebab itulah ada satu jumlah deposit yang telah didepositkan di dalam akaun ini. Boleh? Kalau tiada, saya habiskan ucapan ini.

Ahli Kawasan Sungai Aceh (YB. Dato' Mahmud Bin Zakaria):

Ahli Kawasan Bagan Jermal, cuma saya nak dapat maklumat, lazimnya biasanya deposit yang kita kutip itu berapa *percent* daripada kos projek yang dicadangkan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Ini tertakluk kepada keluasan atau panjangnya *trenching* atau longkang yang dia hendak korek, kalau dia cuma melintas jalan itu mungkin beberapa ribu sahaja, kalau dia korek sepanjang jalan itu, berkilometer panjangnya, maka jumlah itu akan besar. Jadi itu tertakluk kepada *scale* atau keluasan yang hendak dikorek.

Yang Berhormat Ahli Kawasan Telok Bahang menyoal hal 4 buah projek raksasa yang ditawarkan kepada Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. Sebenarnya jawapan juga telah diberi kepada Ahli Kawasan Telok Bahang. Saya sekali lagi mengulang, perjanjian awal yang ditandatangani oleh Kerajaan Negeri dengan Consortium Zenith BUCG Sdn. Bhd. pada 6 Oktober tahun ini, bukanlah perjanjian untuk pembinaan projek *link* ketiga atau terowong dasar laut dan tiga (3) buah lebuh raya. Sebaliknya perjanjian tersebut hanyalah untuk melaksanakan kajian kemungkinan laporan impak alam sekitar dan reka bentuk terperinci. Kos pelaksanaan ketiga-tiga proses ini adalah sebanyak 305 juta dan ditanggung oleh pihak syarikat. Sebagai balasan Kerajaan Negeri akan menyerahkan tanah Kerajaan lot 713 atau 702 Seksyen 1 Bandar Tanjong Pinang, daerah Tanjong Pinang dengan keluasan masing-masing 5.73 ekar bagi lot 713 dan 3.67 ekar bagi lot 702. Nilai tanah telah ditetapkan pada nilai RM1,300 satu kaki persegi bagi *net develop area* untuk kedua-dua lot tersebut. Kerajaan Negeri masih dalam proses perundingan sama ada ingin menyerahkan tanah lot 713 atau lot 702. Jadi perjanjian itu bukan bermakna bahawa telah mendapat satu keputusan muktamad hendak menjalankan keempat-empat projek ini. Cuma semua projek raksasa perlu mendapat kelulusan (DEIA) *Detailed Environment Impact Assessment* sekiranya Kerajaan pusat tidak membenarkan atau tidak meluluskan DEIA ini maka segala-segalanya tidak boleh dijalankan. Itulah maksudnya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain bin Ahmad):

Terima kasih Bagan Jermal, terima kasih Dato' Speaker, saya ingin bertanya Bagan Jermal sama ada apa-apa kelulusan yang perlu diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan sebelum melaksanakan projek terowong dan juga lebuh raya, ketiga-tiga lebuh raya. Sebab pada masa ini saya belum lagi mendengar apa-apa yang berkaitan dengan perkara itu, jadi saya ingin sedikit maklumat. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat, permohonan kelulusan DEIA pada biasanya akan mengambil masa selama dua (2) tahun. Kita baru sahaja menandatangani perjanjian itu untuk mereka boleh memulakan laporan DEIA oleh pakar-pakar perunding. Cuma satu (1), dua (2) bulan sahaja dan mereka sedang mengaturkan dan telah beberapa perunding telah dikaji *consortium* untuk menjalankan pelbagai-bagai seperti tadi yang saya kata DEIA dan juga reka bentuk semua segala-galanya yang diambil kira. Jadi mereka baru sahaja mengemukakan proses untuk memohon DEIA.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain bin Ahmad):

Selain daripada kelulusan Alam Sekitar berkaitan dengan DEIA adakah apa-apa kelulusan lain yang perlu diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dalam segi kelulusan DEIA memang Kementerian Alam Sekitar akan mengumpulkan semua maklumat-maklumat. Seperti kalau kita hendak memohon DEIA pakar perunding perlu mengadakan sesi dialog dengan semua-semua pihak yang berkenaan untuk mengumpul pendapat-pendapat mereka supaya ia dapat di *compile* dalam satu laporan DEIA ini dan Kementerian akan membaca mengkaji laporan DEIA sama ada dia mematuhi segala-gala kehendak. Jadi semua pihak-pihak berkenaan akan dirunding semasa perunding menjalankan DEIA, itu prosesnya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Bagan Jermal, boleh tak Bagan Jermal memberi sedikit lagi maklumat mengenai pihak-pihak lain yang terlibat dalam memberi kelulusan selain, saya faham apa maksudnya, sebelum DEIA diluluskan Jabatan Alam Sekitar perlu mendapat berbincang dengan pihak-pihak lain. Maksud saya di sini adakah selain daripada Jabatan Alam Sekitar apakah Kementerian lain yang akan terlibat dalam memberi kelulusan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Jawapan saya masih serupa Yang Berhormat, apabila menjalankan permohonan DEIA pakar perunding perlu menjemput semua-semua pihak berkenaan seperti Penang Port Sdn. Bhd. Badan di bawah Kementerian Pengangkutan. Beliau akan memanggil PPSB untuk datang memberi ulasan atau memberi cadangan, katalah dasar laut perlu berapa dalam dari muka air laut dan sama ada ia akan menjejaskan laluan kapal-kapal kargo. Itu antara satunya, begitu juga akan memanggil Jabatan Perikanan untuk datang memberi ulasan, sama ada dengan adanya terowong dasar laut ini ia akan menjejaskan pendapatan nelayan atau kehidupan laut sekiranya dijalankan, jadi semua pihak akan ditanya, semasa ini belum ada apa-apa hasil lagi.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan. Terima kasih Bagan Jermal. Sepanjang pengetahuan saya projek jambatan kedua ini memang berbentuk terowong yang telah pun di rancang sebelum di laksanakan jambatan kedua yang hampir nak siap, jadi perancangan itu adalah sebelum perancangan jambatan kedua ini yang Bagan Jermal bagi tahu.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Ilham.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Ilham yang memang dah ada *design* dan telah pun perincian sebelum 2008. Jadi setelah diteliti oleh Kerajaan Negeri pada masa itu didapati tidak *viable* dilaluan yang di masa itu, masa Bagan Ajam ke Bagan Jermal dan dicadangkan laluan di Selatan. Jadi kita tidak tahu mungkin dari segi reka bentuk telah ubah untuk *accommodate* ...(dengan izin), atau mengambil kira masalah-masalah pada masa itu yang timbul, kepakaran yang ada dan sebagainya telah dapat membentuk terowong dan laluan yang lebih baik untuk mengatasinya, misalanya bantahan daripada Penang Port dan sebagainya kita tidak tahu, kita tunggu lah laporan daripada DEIA nanti, tapi apa yang kita tahu ini bukanlah projek yang baru, projek dah lama diilham sebelum jambatan kedua itu dibuat keputusan untuk dilaksanakan, terima kasih.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Saya mengaku bahawa cadangan jajaran ini adalah satu projek yang pernah dicadangkan oleh Kerajaan Pusat, tetapi pada masa itu saya ada di Parlimen dan kami pun ada bertanya kepada Menteri Kerja Raya mengapa dia tidak dibina di SPU dan di bina di SPS. Alasannya atau sebabnya bukan kerana tidak *viable* atau akan menjejaskan apa-apa di sini, masa itu belum ada apa-apa kajian lagi, cuma satu cadangan sahaja dan Kerajaan Pusat berserta Kerajaan Negeri Pulau Pinang pada masa itu Yang Berhormat adalah seorang EXCO memutuskan supaya jajaran jambatan ini dibina di SPS supaya ia boleh melonjakkan atau membangunkan Batu Kawan dan juga Bayan Lepas Airport. Pada satu masa dahulu dikatakan Penang International Aiport akan pindah ke Kedah dan kalau itu menjadi kenyataan, maka mungkin pada ketika itu mereka akan pilih jambatan atau terowong di SPU, tetapi oleh kerana mereka tidak mencadangkan untuk memindah lapangan kapal terbang di Bayan Lepas, maka mereka memilih untuk memajukan lagi Lapangan Terbang di Bayan Lepas dan juga di Batu Kawan untuk membangunkan ekonomi di sana dan bukan oleh kerana sebarang atau akan mengakibatkan terjejasnya apa-apa di sana. Itu adalah soalnya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan Yang Berhormat, ini mengenai terowong ketiga itu, latar belakangnya pendek, proses kajian atau menelidikan adakah terowong ini boleh dibuat sedang dikajikan. Dua (2) soalan Yang Berhormat, satu (1) adalah adakah betul kajian ataupun penelitian ini sedang dibuat oleh pihak swasta yang dinamakan Zenith BUCG Sdn. Bhd. dan kedua yang lebih penting lagi bagaimana dengan cara ataupun Kerajaan Pulau Pinang assess ataupun menilai, bagaimana menilai apanya sesuai sebagai pampasan dan setahu saya tadi baru tahu walaupun saya ada tanya soalan juga dari Yang Berhormat Telok Bahang dan dengar dia punya soalan dan jawapan daripada beliau. Saya ada soalan sedikit 110 ekar ataupun akan disetujui diberi kepada pihak swasta ini sebagai pampasan untuk membuat kajian ini. Adakah betul, mungkin saya silap boleh jelaskan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat silap, kerana kajian kemungkinan *feasibility study*, kajian DEIA dan reka bentuk terperinci atau reka bentuk terperinci atau reka bentuk awal, ia memakan satu jumlah RM305 juta, kalau tadi saya ada menjawab bahawa Kerajaan sedang menimbang untuk memberi tanah lot 713, 702 di Tanjong Pinang dan keluasannya seperti saya kata tadi, itu untuk kajian DEIA *feasibility study* juga reka bentuk. Mengenai *project proper* Kerajaan Negeri menawarkan satu keluasan tanah yang bakal ditebus guna oleh E&O di depan Tanjong Pinang iaitu 110 ekar untuk membina empat-empat projek ini dan perlu dikatakan tiga (3) projek lebuh raya itu tidak dikenakan sebarang tol akan diberi kepada pengguna jalan secara percuma. Tetapi terowong itu akan dikenakan tol untuk satu jangka konsesi. Itulah syarat-syaratnya.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Cheah Kah Peng):

Penjelasan sikit, mungkin saya tidak jelas, soalan saya sebenarnya adakah RM305 juta ini dibayar sebagai pampasan kepada kajian *feasibility* dan bagaimana ini soalan saya, maksud saya kos yang diberi sebagai *fees*. Soalan saya bagaimana kita access harga RM305 juta ini sebagai bayaran.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat saya tidak ada satu kontrak atau *agreement* yang menunjukkan butir-butir. Seperti yang saya kata tadi RM305 juta untuk menjalankan kajian untuk dan ia tidak diberi secara tunai, kami ingin menggunakan tanah untuk menjadikan satu gantian seperti itu dan 110 ekar itu masih belum nampak lagi tanah itu, bakal ditebus guna oleh E&O dan tanah itu kita akan menyerahkan kepada mereka. Sekiranya kelulusan DEIA dan semua-semuanya telah diperolehi dan projek-projek itu dapat dijalankan, maka satu perjanjian untuk memulakan kerja-kerja ini akan dimuktamadkan lagi pada masa itu.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd Zain Bin Ahmad):

Boleh saya hendak pastikan tentang apa itu jumlah RM305 juta. Jadi apa yang saya faham Yang Berhormat iaitu bayaran melalui tebus guna tanah ini akan dibuat selepas DEIA lulus. Jadi maknanya sebelum DEIA diluluskan syarikat yang diberi menandatangani awal ini tidak dibayar langsung. Saya kurang faham.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Apa yang saya cakap itu cuma di *comprehensive* semua apa yang kita dapat pada masa ini dan butir-butirnya mungkin belum sampai tahap itu lagi. Kita masih dalam peringkat ini saja.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Tadi Bagan Jermal telah menyatakan bahawa sudah dua bulan syarikat itu bermula menjalankan kerja-kerja yang disebutkan kajian kemungkinan.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Penjelasan, saya ingat ada kekeliruan sikit ya.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Saya kurang faham ya.

Ahli Kawasan Telok Ayer Tawar (YB. Dato' Hajah Jahara Binti Hamid):

Tadi Yang Berhormat Bagan Jermal ada sebut sedang menimbang untuk memberi dua (2) lot iaitu 713 dan 702 seksyen 1 DTL berkeluasan 5.73 ekar dan 3.67 ekar sebagai balasan untuk kerja-kerja penelitian *feasibility studies* yang bernilai RM305 juta. Nanti selepas sudah dibuat DEIA kalau dah lulus semua, seperti yang Bagan Jermal sebut barulah tanah yang akan ditebus guna sebanyak 110 ekar di Tanjung Pinang akan diberi kepada E&O untuk membina terowong, n ilai itu kita tidak tahu, sebab kos projek sudah...(gangguan). Sambungan kepada projek yang ada sekarang yang akan bernilai berapa bilion itu.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan Bagan Jermal, sebab ini juga menjawab soalan saya juga, memandangkan *feasibility studies* atau kajian kemungkinan ini, kita hanya lihat daripada sudut *financial commitment go or no go, viable or not viable*. Itu yang kita rasa berkemungkinan, tetapi ianya masih lagi banyak aspek-aspek yang perlu kita mempertimbangkan. Oleh itu saya menyarankan supaya kertas putih supaya semua ADUN faham apakah yang sebenarnya berlaku, apakah transaksi berlaku di antara terowong, *highway* dan juga projek di atas tanah itu, supaya lebih jelas kita rasa kita mempunyai masa lagi sebab perjanjian tertakluk untuk membuat kajian semula sahaja. Supaya saya ingin mendapatkan persetujuan Kerajaan Negeri supaya membuat *white paper* supaya kita sama-sama memahami. Bukan kita di Dewan ini, bahkan masyarakat di luar dapat memahami akan perjalanan ini, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Tadi saya ada menyatakan Kerajaan masih menimbang sama ada ingin menyerahkan tanah lot 713 atau 702 bukan dua-dua sekali, kosnya RM305 juta. Kalau kita ambil 1 lot di mana dia adalah 5.73 ekar dan satu (1) lagi lot 3.67 ekar dan kira-kira 1,300 satu kaki persegi, tengok mana kalau ada kekurangan mungkin pada masa depan dia akan diambil kira untuk membayar balik kalau ada lebihan, maka pada masa depan ia akan dituntut balik. Tapi jumlah perbelanjaan untuk *feasibility Study Detailed Environmental Impact Assessment* dan juga reka bentuk adalah RM305 juta, itu buat masa sekarang apa yang saya jawab.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Zain Bin Ahmad):

Sekiranya DEIA laporan tidak diluluskan adakah syarikat itu akan membayar balik RM305 ataupun wang itu akan hangus begitu sahaja.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Dalam satu-satu pelaburan mesti ada untung, mesti ada rugi, kalau kita dapat kelulusan maka adalah menang-menang kepada semua pihak dan sebab itulah kita berharap kalau Kerajaan Pusat sengaja-sengaja tidak mahu meluluskan itu adalah satu kerugian...(gangguan), belum lagi, belum lagi. Kalau dia sengaja-sengaja saya kata kalau dan jikalau dapat diluluskan maka semua pihak akan akan menang, cukuplah. Yang Berhormat saya ingin ...(gangguan).

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Penjelasan, saya ada dua (2) soalan yang berbeza.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Tanya yang berkenaan.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Ya, berkenaan utiliti. Satu ialah bekeanan dengan utiliti-utiliti paip yang menyebabkan, boleh tanyakah.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Jermal teruskan, nanti dah sampai utiliti nanti.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Ini bukan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Belum sampai lagi.

Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Norlela Binti Ariffin):

Kena tanya pasal terowong saja ke? Okey tapi ini ada berkaitan, saya hendak cakap sebagai contohnya pembesaran Mengkuang Dam telah menyebabkan banjir lumpur yang sangat teruk, yang paling teruk ialah pada 17 dan 20 Oktober selepas itu saya telah menghantar dua (2) kali surat yang sangat teknikal dan sangat panjang menunjukkan yang memang banjir lumpur itu disebabkan oleh pembesaran Mengkuang Dam dan akhirnya pihak projek *owner* iaitu JPS telah mengarahkan kontraktor iaitu Syarikat China untuk membina empat (4) ban dan menutup laluan sungai utama, selepas itu tak ada dah banjir lumpur, walaupun kawasan lain banjir.

Saya hendak sebut di sini satu projek yang besar macam Mengkuang Dam, harganya dia dekat RM1 bilion dan makan masa yang agak lama dan dia akan siap pada 2016, dari pengalaman yang perit sejak enam (6) bulan saya jadi ADUN. Saya harap kita belajar dari apa yang telah berlaku dan betul-betul mungkin masa itu kita tidak buat DEIA, yang *detail* DEIA daripada yang telah berlaku dan menyebabkan kerosakan, macam saya, masa 20hb. itu saya ambil butiran kerosakan, untuk dua (2) hari saja kerosakan itu sebanyak RM2 juta untuk bagi setiap penduduk yang kena banjir teruk itu.

Jadi itu saya tahu, tapi mereka telah mengalami beberapa kali banjir memang banyak kali, jadi saya hendak cadangkan yang apabila projek ini dibuat kita mengambil kira apa yang telah berlaku pada Mengkuang Dam dan jangan harapkan kontraktor itu saja, sebab kontraktor, bila saya tanya China kontraktor itu, dia mengambil cara mudah, dia buat *seal trap*, tapi *seal trap* itu dia tidak *invest* berjuta untuk buat empat (4) paip yang sepatutnya buat, supaya tanah yang di korek itu tidak termasuk ke dalam sungai, bila sebagai ADUN buat satu *technical report* yang sangat terperinci dia tidak ada *choice* dan masa itu saya hendak saman apa yang dialami oleh penduduk jadi saya rasa kalau kita mengharapkan kontraktor projek itu untuk buat *feasibility study* sahaja yang ditakuti ialah dia buat projek itu nampak macam bagus, dia akan kurangkan kos.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

YB. Dato' Speaker dalam perbahasan Dewan Undangan Negeri atau Parlimen biasanya prosidurnya menteri akan menjawab biasanya soalan-soalan yang dibangkit semasa ketika berucap. Kalau hendak mencelah-celah perkara-perkara selain daripada apa yang diucap makanya ia akan mengambil satu masa yang panjang untuk diselesaikan soalan-soalan sampingan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Jermal boleh jawab atau tidak jawab.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Saya pun ada terima surat dari Yang Berhormat Penanti mengadu berkenaan banjir lumpur yang dibawa dari Mengkuang Dam dan perkara ini sedang diuruskan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Jadi saya berharap Yang Berhormat boleh bersabar kerana kita sedang membincangkan perkara-perkara yang sedang dibincangkan.

YB. Dato' Speaker izinkan saya menjawab soalan tambahan daripada Machang Bubuk mengenai isu kelajuan WiFi yang dikatakan perlahan dan kurang stabil, sebagai makluman faktor kelajuan jalur lebar sama ada untuk talian tetap atau tanpa wayar atau WiFi adalah dipengaruhi oleh faktor infrastruktur seperti kapisiti rangkaian kabel gentian optik, *fibre optic cable*. Untuk memindah data, untuk rekod pada masa ini kesemua rangkaian kabel gentian optik dimiliki oleh Syarikat Rangkaian Telekomunikasi. Sememangnya menjadi hasrat Pulau Pinang untuk mewujudkan liputan jalur lebar yang menyeluruh dan seimbang di seluruh negeri dengan kelajuan tidak kurang daripada 5 *mgb per second* untuk mendorong perkembangan sektor perindustrian perkhidmatan kormersial, perumahan, pelancongan perubatan dan pendidikan.

Sebagai contoh kelajuan jalur lebar di Negera Jepun ialah minimum 200 *megabit per second* bagi talian tetap *fix line* dan 25 *mega bait* sesaat bagi jalur lebar tanpa wayar. Justeru itu Pulau Pinang sedang merangka pelaksanaan projek *Penang Next Generation Network* iaitu Penang NGN iaitu rangkaian telekomunikasi berdasarkan teknologi gentian optik melalui pihak PDC Telekomunikasi Sdn. Bhd. Melalui pelaksanaan projek ini PDC Telco akan membina satu rangkaian kabel gentian optik berkapisiti tinggi dianggarkan sepanjang 160 km di kawasam Pulau dan 500 km Seberang Perai untuk diguna secara *neutral* oleh syarikat rangkaian telekomunikasi. Dengan penyediaan infrastruktur berkapisiti berteknologi tinggi ini kelajuan jalur lebar sama ada untuk talian tetap atau tanpa wayer akan dapat dipertingkatkan.

Yang Berhormat saya ingin memohon menjawab permohonan daripada Yang Berhormat Pulau Betong berkenaan dengan Pulau Pinang membuat perbandingan harga antara Negeri Kedah dan Negeri Perak mengenai projek pemindahan air yang akan dilaksanakan. Sebagai makluman pada masa ini sebanyak 80% daripada bekalan air mentah di Negeri Pulau Pinang bergantung kepada sumber dari Sungai Muda yang mengalir secara semula jadi dari Negeri Kedah, berikutan ianya mengalir secara semula jadi ke negeri ini tiada isu timbul mengenai pemindahan atau pembelian air mentah dari Negeri Kedah.

Walau bagaimanapun demi kesinambungan sumber air negeri ini untuk jangka masa yang panjang bekalan air dari Sungai Muda adalah tidak mencukupi terutamanya pada musim kemarau tambahan pula jumlah air yang mengalir dijangkakan akan berkurangan apabila Projek Jeniang Tanpa Skim dilaksanakan oleh Negeri Kedah. Sehubungan itu PBA Pulau Pinang telah mengenal pasti sumber air yang baru iaitu Sungai Perak di Negeri Perak yang dapat menjamin bekalan air mentah sehingga tahun 2050. Sejajar dengan permintaan akibat daripada pertumbuhan kepadatan penduduk di Negeri Pulau Pinang. Memandangkan Sungai Perak tidak mengalir secara semula jadi ke Negeri Pulau Pinang maka projek pemindahan air baru tidak dilaksanakan dari Sungai Perak ke Sungai Kerian dengan kos bernilai RM2 bilion termasuk pembinaan paip air sepanjang 14.8 melintasi kawasan berbukit dan dianggarkan bernilai RM300 juta.

Sebagai makluman cadangan projek ini telah pun diajukan kepada Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air atau KeTTHA. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara iaitu SPAN dan juga Negeri Perak. Walau bagaimanapun Pulau Pinang Perak masih menimbang perkara ini dan belum memberi persetujuan secara rasmi. Justeru itu mekanisme pelaksanaan dan model kewangan dan termasuk harga air mentah yang akan dibeli belum dapat dirundingkan buat masa sekarang ini. Yang Berhormat Dato' Speaker....(ganguan).

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Yang Berhormat minta penjelasan berkenaan dengan cadangan untuk pemindahan air daripada Sungai Perak. Adakah Kerajaan Negeri pernah memikirkan bahawa memindahkan air dari Sungai Machang Bubuk yang telah menyambung dari Kulim apabila musim hujan berlakunya hujan lebat di Kulim selama dua (2) jam walaupun di kawasan Machang Bubuk tidak ada hujan tetap akan banjir. Mengikut pengurusan sumber air yang mampan memang sekiranya tidak dapat mengurus air hujan tersebut maka kita akan mendapat sumber yang mencukupi untuk Mengkuang Dam yang juga tidak jauh daripada jika berbanding dengan Sungai Perak maka ia

akan lebih lagi dekat dengan Mengkuang Dam. Oleh itu saya di sini berharap walaupun usaha telah diambil saya ucapkan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang telah mengambil usaha atas inisiatif tersebut tetapi saya berharap juga Kerajaan Negeri boleh mengambil kesempatan ini untuk mengkaji keberkesanan dan juga fisibiliti sama ada Sungai Machang Bubuk boleh disalurkan ke Mengkuang Dam dan sekali gus juga untuk menyelesaikan masalah banjir di kampung-kampung tradisi. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Yang Berhormat Machang Bubuk telah menjawab soalan ini dengan sendirinya. Kajian telah dijalankan oleh PBA melalui konsultan-konsultan yang telah dikaji, beberapa sumber air telah dikaji dan terdapat Sungai Kerian adalah paling sesuai diambil. Cuma dengan Mengkuang Dam adalah satu empangan di mana air mentah di simpan, apabila berlakunya musim kemarau air dari Mengkuang Dam akan disalur ke Sungai Dua untuk ditapis dan salur kepada seluruh Negeri Pulau untuk diguna pakai dan sekiranya Sungai Machang Bubuk diambil tidak ada hujan, tak ada air. Ada hujan Mengkuang Dam sendiri pun sudah penuh. Ini tak perlu lagi kita mengepam air dari Sungai Machang Bubuk ke empangan Mengkuang.

Jadi Yang Berhormat tadi kata air sungai di Kulim air akan naik di Sungai Machang Bubuk tak perlu kita ambil air kalau sebab ia sudah ada air. Buat masa sekarang kita khuatir bahawa menjelang tahun 2020 apabila Kerajaan Negeri membina satu empangan di Negeri mereka maka air akan disalur ke empangan Jeniang, empangan itu dan kita akan kekurangan air. Justeru itu kita kena mencari sumber air yang lain. Sungai Perai juga dipertimbangkan untuk mendapat air mentah dari Sungai Perai, tetapi oleh kerana ada sisa-sisa dari penternak-penternak di atas atau Kampung Selamat. Maka buat masa sekarang Sungai Perai tidak sesuai diambil untuk dirawat dan sekiranya pada satu hari kemudian kalau masalah penternak-penternak di Kampung Selamat dapat diselesaikan bermakna tiada apa-apa penternak, kegiatan penternak dijalankan di Kampung Selamat, maka air dari Sungai Perai mungkin boleh diguna pakai.

Sebenar infrastrukturnya telah ada, *pam house* di muka sauh telah dibina paip-paip telah disambung dari Sungai Perai ke Sungai Dua Seberang Perai tapi buat masa sekarang sensitiviti atau sensitif agama maka kita tidak mahu pakai air mentah dari Sungai Perai. Itu adalah alasannya dan *finally*, akhir pakar perunding setelah mengkaji kesemua aspek ini memutuskan Kerian *water transfer scheme* adalah sangat mustahak dan sangat sesuai, tetapi ini akan menelan belanja RM2 bilion dan kalau hendak ditanggung oleh Kerajaan Negeri memang kita tidak mampu. Jadi dalam Akta Suruhanjaya Air itu ada mengatakan air mentah adalah tanggungjawab Kerajaan Pusat, jadi ini belum *final* lagi, sebab mereka belum bagi kelulusan, cuma kita mencadangkan kepada mereka sebab itu saya kata telah dimajukan kepada Kementerian KeTTHA, Suruhanjaya Air iaitu SPAN dan juga Negeri Perak tapi sampai sekarang belum ada apa-apa berita lagi. Saya ingat cukup saya mahu menghabiskan jawapan singkat saja.

Yang Berhormat isu berkenaan perobohan menara telekomunikasi milik Syarikat Asia Space di Pulau Betong yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pulau Betong adalah dijelaskan bahawa pada 3 Nov 2013 menara pada memancar milik Asia Space telah diroboh oleh Kerajaan, oleh pihak MPPP disebabkan menara pemancar tersebut tidak menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kemudiannya

pada 29 Nov 2013 satu lawatan tapak telah diadakan oleh pihak PDC Telco bersama syarikat-syarikat telekomunikasi yang terlibat bagi mencari tapak yang sesuai untuk mendirikan menara yang baru mendapat persetujuan daripada semua syarikat-syarikat telekomunikasi lot 344 telah dipilih untuk mendirikan menara telekomunikasi yang baru kerana keadaan fizikal lokasi serta kawasan yang bersesuaian bagi memancarkan isyarat perkhidmatan syarikat-syarikat telekomunikasi kepada pengguna di kawasan Pulau Betong. Susulan itu pada 11 Disember, iaitu baru saja PDC Telco telah mendapat permit kelulusan untuk menaja menara daripada Jabatan Bangunan MPPP dan kerja-kerja pembinaan menara akan telekomunikasi dijalankan secepat mungkin.

Ahli Kawasan Pulau Betong (YB. Sr. Haji Muhamad Farid Bin Haji Saad):

Penjelasan, saya mahu tahu bilakah boleh akan siap Yang Berhormat Bagan Jermal.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Sebenarnya membina tower senanglah, struktur saja, pemasangan itu alat-alatan mengambil masa, tetapi oleh kerana ia akan dijalankan oleh PDC Telco maka saya ingat kita ada keyakinan ia akan dipercepatkan pembinaannya. Berhubung dengan isu Laporan Audit bahawa PDC Telco mengalami kerugian berjumlah RM363,000 pula ianya dikesan melalui semakan Audit ke atas 5 daripada 15 *sample* menara telekomunikasi yang dipilih dan didapati PDC Telco telah membina menara telekomunikasi serentak dengan permohonan kelulusan daripada Jabatan atau agensi teknikal yang berkaitan. Kos bagi pembinaan menara tersebut adalah berjumlah RM363.000. Oleh kerana pembinaan menara belum lagi mendapat kelulusan arahan untuk menamatkan operasi dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan kesannya menara tersebut tidak dapat beroperasi sedangkan kos pembinaan telah ditanggung oleh PDC Telco. Sehingga kini sejumlah RM363 ribu yang dilaporkan adalah sebagai kerugian adalah berkaitan dengan pembelian 5 tapak *portable base transceiver station* yang tidak mendatangkan hasil pendapatan kerana *blanket approval* yang diberikan oleh Kerajaan Negeri telah ditarik balik selepas ada bantahan-bantahan oleh ADUN-ADUN kawasan yang berkaitan dan ada juga orang ramai. Ini bukan satu tempat, ini rata-rata, apabila satu menara naik saja, semua ADUN-ADUN akan membantah kerana rakyat mereka atau pengundi-pengundi mendesak dia. Jadi buat masa sekarang ia tidak dapat dipasang. Jumlah yang dinyatakan tersebut adalah kos pembelian PBTS seperti yang saya kata *portable base transceiver station* namun begitu PBTS tersebut tidak hilang nilainya kerana semua aset itu dikategorikan sebagai *non current asset* kerana akan diguna pakai semula di lokasi-lokasi lain yang telah atau akan dikenal pasti dan diluluskan.

Akhirnya Dato' Speaker untuk menjawab soalan tambahan dari Tanjong Bunga dan menambah pandangan oleh YB. Jawi Kerajaan Negeri sememangnya berminat untuk mewujudkan sistem perkhidmatan pengangkutan awam alternatif, sama ada LRT. MRT, monorel atau Tram di Negeri Pulau Pinang, walaupun Kerajaan Negeri lebih cenderung kepada penggunaan sistem Tram namun Kerajaan Negeri sedia menerima pengangkutan awam yang dipilih dan dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan termasuk *underground heavy train* seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Tanjong Bunga. Sehubungan dengan itu sepucuk surat telah dipanjangkan oleh Yang Berhormat Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussain Pemangku Menteri Pengangkutan Malaysia pada 26 Nov 2013 untuk menyatakan hasrat Kerajaan Negeri ini. Sememangnya Kerajaan Negeri telah menerima berbagai tawaran bagi projek

pengangkutan awam alternatif di Pulau Pinang daripada syarikat-syarikat dari dalam dan luar negara. Tetapi Kerajaan Negeri agar mendapat kerjasama kelulusan dan juga bantuan dana daripada Kerajaan Persekutuan.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Bagan Jermal kalau boleh sambung esok.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Lim Hock Seng):

Sudah habis, saya sudah habis, cuma sedikit sahaja, satu (1) minit kalau tidak ada gangguan. Mengenai empat (4) buah feri yang dikatakan akan menggantikan dengan dua (2) saja. Ia dikatakan sebab dengan kemerosotan penumpang dan pengguna-pengguna feri maka PPSB mengalami tiap-tiap tahun mengalami kerugian antara satu jumlah 12 hingga 20 juta dan dengan pembukaan Jambatan Kedua yang akan diguna pakai pada tahun depan ini dijangka PPSB akan mengalami kerugian yang lebih teruk, jadi adalah satu cadangan daripada Pengerusi PPSB dia kata sekarang empat (4) feri sudah rugi banyak tinggal dua (2) feri saja, tetapi pendirian Kerajaan Negeri yang supaya perkhidmatan feri dikekalkan sebab dia adalah satu ikon kepada pengangkutan dan juga pelancongan Negeri Pulau Pinang ini. Maka dengan itu Yang Berhormat-Yang Berhormat yang membangkitkan perkara-perkara yang tidak sempat saya menjawab. Pegawai-pegawai saya akan mencatat dan tindakan susulan akan dijalankan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:

Ahli-Ahli Yang Berhormat Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada 12 Disember 2013 (Khamis) jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.